KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN



# LAPORAN TAHUNAN 2021

MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN



# LAPORAN TAHUNAN 2021

MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Cetakan Pertama 2022
Majlis Sukan Wilayah Persekutuan

Hak Cipta Terpelihara. Tiada bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga, sama ada secara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan terlebih dahulu.

DITERBITKAN OLEH:
MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Aras 2, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2,
62100 Putrajaya
Tel: 03-88926600
Faks: 03-88926616

Laman Web: www.wipers.gov.my

# SIDANG REDAKSI

**Penasihat Dan Pengerusi**
YBrs. Dr. Hasnul Faizal bin Hushin Amri

**Timbalan Pengerusi**
Puan Nabilah binti Zakaria

**Ketua Editor**
Puan Jumiati binti Rosly

**Setiausaha**
Puan Norazawana binti Abu Bakar

**Penolong Setiausaha**
Encik Maliki bin Ibrahim

**Ahli Jawatan Kuasa**
Encik Fadzlan Naim bin Anuar
Puan Harlina binti Jamil
Encik Mohd Hazriq Ikhwan bin Mohd Sharif
Encik Mohd Azri Heikal bin Abd. Latif
Encik Zulhelmi bin Amran
Encik Mohd Faizal bin Zainal Abidin
Puan Roshafina binti Rasit Ali




**LAPORAN TAHUNAN 2021**
**MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN**
ISSN 2948-5371

**Reka Bentuk Kulit dan Rekaletak Halaman**
YWP Media Sdn Bhd
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2,
62100 Putrajaya

**Dicetak Oleh**
Irja Printing Solution
No 8, Jalan Brunei Utara, Off Jalan Pudu,
55100 Kuala Lumpur.

# ISI KANDUNGAN


**1.0 PERUTUSAN** — **Muka Surat**

- YB Menteri Wilayah Persekutuan 9
- YBhg. Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan 10
- YBhg. Pengerusi Majlis Sukan Wilayah Persekutuan 11
- YBrs. Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan 12

**2.0 MAKLUMAT KORPORAT** **14**

2.1 Latar Belakang MSWP 14
2.2 Visi, Misi Dan Moto MSWP 15
2.3 Objektif Dan Fungsi MSWP 15
2.4 Peranan MSWP 16
2.5 Piagam Pelanggan 17
2.6 Senarai Ahli Majlis MSWP 2020 - 2021 18
2.7 Senarai Ahli Jawatankuasa Pengurusan MSWP 2020 - 2021 19
2.8 Carta Organisasi MSWP 20

**3.0 BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN** **22**

**3.1 Unit Pentadbiran Dan Sumber Manusia** **22**

3.1.1 Fungsi Unit Pentadbiran Dan Sumber Manusia 22
3.1.2 Perolehan 22
3.1.3 Perjawatan 22

Muka Surat


3.1.4 Kursus Dan Latihan 23

3.1.5 Program Dan Aktiviti 25

3.1.6 Mesyuarat Ahli Majlis Dan Jawatankuasa Pengurusan MSWP 27

3.1.7 Majlis Perhimpunan MSWP 27

3.1.8 Pelaksanaan Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) 28

3.1.9 Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MSWP Tahun 2021 28

**3.2 Unit Kewangan 29**

3.2.1 Fungsi Utama Unit Kewangan 29

3.2.2 Ringkasan Belanja Mengurus 29

3.2.3 Lawatan Susulan Sekretariat Pematuhan Standard Accounting System For Government Agencies (Saga) Di MSWP 30

**4.0 BAHAGIAN PENGURUSAN SUKAN DAN ACARA 32**

**4.1 Pengenalan 32**

**4.2 Pengurusan Elaun Dan Bantuan 32**

4.2.1 Pengurusan Bantuan Pembangunan Sukan 32

4.2.2 Pengurusan Elaun Atlet 33

4.2.3 Pengurusan Elaun Jurulatih 33

**4.3 Program Dan Acara 34**

**5.0 BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT DAN SISTEM MAKLUMAT 44**

**5.1 Pengenalan 44**

**5.2 Program 45**

**5.3 Kerjasama Strategik Dan Perjanjian Persefahaman (MoU) 45**

**5.4 Liputan Media 47**

**5.5 Penerbitan MSWP 53**

Muka Surat

**5.6 Sistem Maklumat** **53**

5.6.1 Pengenalan 53

5.6.2 Perolehan Dan Perkhidmatan ICT Tahun 2021 54

**6.0 BAHAGIAN FASILITI DAN SAINS SUKAN** **60**

**6.1 Pengenalan** **60**

**6.2 Fungsi Bahagian Fasiliti Dan Sains Sukan** **60**

**6.3 Objektif Strategik Bahagian Fasiliti Dan Sains Sukan** **60**

**6.4 Latihan Suaian Fizikal Dan Kecergasan Atlet** **60**

**6.5 Ujian Kecergasan Atlet** **62**

**6.6 Perkhidmatan Pemulihan Kecederaan Sukan** **64**

**6.7 Seminar Pembangunan Kejurulatihan MSWP** **66**

**6.8 Pusat Latihan Atlet Wilayah Persekutuan** **67**

**7.0 MAJLIS SUKAN KAWASAN PENTADBIRAN** **70**

**7.1 Pengenalan** **70**

7.1.1 Peranan MSKP 70

**7.2 Majlis Sukan Kuala Lumpur Dan Putrajaya** **71**

7.2.1 Senarai Ahli Majlis Sukan Kuala Lumpur Sesi 2020-2022 71

7.2.2 Senarai Ahli Majlis Sukan Putrajaya Sesi 2020-2022 72

**7.3 Majlis Sukan Labuan** **73**

7.3.1 Pengenalan 73

7.3.2 Senarai Ahli Majlis Sukan Labuan Sesi 2020-2022 76

7.3.3 Program Dan Aktiviti 76

**8.0 BAHAGIAN SUKAN PRESTASI TINGGI** **86**

**8.1 Pengenalan** **86**

8.1.1 Pegawai Dan Kakitangan 87

Muka Surat

**8.2 Program** **89**

8.2.1 Golden Sports Collaboration (GSC) 89

8.2.2 Kem Latihan Atlet SUKMA (KLAS) 89

**8.3 Laporan Sukan** **90**

**9.0 BAHAGIAN BAKAT SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN** **156**

**9.1 Pengenalan** **156**

9.1.1 Pegawai Dan Kakitangan 156

9.1.2 Objektif Strategik 157

9.1.3 Fungsi Bahagian 157

**9.2 Perincian Maklumat Program** **158**

9.2.1 Program Pelapis Negeri Wilayah Persekutuan 158

9.2.2 Program Bakat Wilayah Persekutuan 160

**9.3 Laporan Sukan** **160**

**10.0 PENYATA KEWANGAN 2021** **189**



# 1.0 PERUTUSAN

**Menteri Wilayah Persekutuan**

**Ketua Setiausaha**
**Kementerian Wilayah Persekutuan**

**Pengerusi**
**Majlis Sukan Wilayah Persekutuan**

**Pengarah**
**Majlis Sukan Wilayah Persekutuan**

**Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi, dengan izin dan limpah kurnia-Nya, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) dapat menerbitkan Buku Laporan Tahunan MSWP 2021. Saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada barisan sidang redaksi dan semua warga MSWP yang menjayakan penerbitan laporan ini sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Laporan Tahunan ini diharap dapat dijadikan wadah perkongsian mengenai pencapaian, maklumat, aktiviti dan berita mengenai MSWP biarpun tahun 2021 masih menyaksikan pandemik Covid-19 menjejaskan sektor sukan di seluruh dunia dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) masih dilaksanakan di negara ini.

Dengan pengumuman peralihan pandemik ke endemik, sektor sukan mulai digerakkan semula bermula suku ketiga tahun 2021 bersesuaian dengan norma baharu yang ditetapkan kerajaan.

Berdepan dengan pandemik ini, MSWP bagaimanapun meneruskan perancangan program sukan dan penganjuran aktiviti sukan dengan penyesuaian amalan norma baharu serta mengikuti *Prosedur Operasi Standard* (SOP) yang ditetapkan Majlis Keselamatan Nasional (MKN).

Berdasarkan situasi semasa, saya menyeru kepada semua pihak termasuklah persatuan sukan Wilayah Persekutuan, jurulatih dan juga atlet Wilayah Persekutuan untuk melipatgandakan usaha bagi mempertingkatkan prestasi kontinjen Wilayah Persekutuan terutama sekali bagi menghadapi Sukan Malaysia (SUKMA) yang bakal berlangsung pada tahun 2022.

> **“Perancangan program pembangunan sukan di akar umbi perlulah dipertingkatkan dengan lebih meluas bagi melahirkan lebih ramai atlet terutama sekali apabila lebih kurang dua tahun sektor sukan terjejas secara keseluruhannya berikutan pandemik.”**

Akhir kata daripada saya, Majulah Sukan Untuk Negara.



# PERUTUSAN

## Menteri Wilayah Persekutuan

YB Dato’ Seri Dr. Shahidan Bin Kassim

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,**

Marilah sama-sama kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya MSWP telah berjaya meneruskan pelbagai inisiatif dan program di sepanjang tahun 2021 dalam suasana norma baharu yang kita tempuhi pada masa kini.

Tahun 2021 adalah tahun yang agak mencabar bagi sektor sukan dengan MSWP tidak terlepas daripada berdepan dengan kesan daripada pandemik Covid-19.

Namun begitu, MSWP dapat meneruskan perancangan program atlet dan turut menganjurkan dua program besar iaitu Sukan Parlimen (SUKPAR) 2021 serta buat julung kalinya mengadakan Festival Seni Silat Wilayah Persekutuan.

Biarpun penganjuran program dilakukan dengan mengikut SOP yang ditetapkan, penganjuran program itu diharap dapat merancakkan semula sektor sukan terutama sekali di Wilayah Persekutuan.

Kerjasama daripada pelbagai pihak mahupun di peringkat Kementerian dan Agensi-Agensi diharap mampu menyumbang kepada mutu sukan yang berkualiti bagi mengharumkan nama Wilayah Persekutuan di persada sukan tanah air dan antarabangsa.




> **"Akhir kata, saya ingin menzahirkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menerbitkan Laporan Tahunan MSWP bagi tahun 2021. Semoga penerbitan ini dapat menjadi wadah untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan sekaligus meletakkan MSWP sebagai agensi yang kekal relevan dan disegani."**

Sekian, terima kasih.

# PERUTUSAN

## Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan

YBhg. Datuk Seri Hajah Rosida Binti Jaafar

**Bismillahir-Rahmannir-Rahim**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulilllah, syukur ke hadrat Allah S.W.T atas penerbitan Laporan Tahunan MSWP 2021 yang merupakan dokumentasi penting dalam memaparkan pencapaian dan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun oleh warga MSWP.

Saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua warga MSWP kerana telah berjaya mengharungi satu lagi tahun mencabar kepada semua masyarakat seluruh dunia termasuklah di Malaysia berikutan pandemik Covid-19.

Program pembangunan atlet hanya dapat diteruskan seperti biasa selepas memasuki suku ketiga tahun 2021 dengan program persediaan atlet terutama sekali menuju ke Sukan Malaysia 2022 dijalankan semula.

Kebajikan atlet dalam masa mencabar ini bagaimanapun tetapi dipelihara dengan elaun atlet Wilayah Persekutuan masih diteruskan seperti biasa serta bantuan Bakul Makanan bagi atlet yang terkesan turut disalurkan.

Saya menyeru agar semua warga MSWP menyemarakkan usaha dalam melaksanakan perancangan yang tergendala sebelum ini agar diteruskan dalam memastikan kejayaan yang gemilang bagi warga sukan di Wilayah Persekutuan.

Pembudayaan norma baharu dalam persekitaran kerja perlu terus diamalkan bagi memastikan perancangan tugas dan perkhidmatan yang berkualiti dapat dilaksanakan sepenuhnya disamping menjaga diri sendiri dan orang ramai agar kekal sihat.

> **“Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensi-agensi lain kerana sentiasa menyokong usaha yang dilakukan oleh MSWP dalam membangunkan sukan prestasi tinggi di Wilayah Persekutuan.”**

Sekian, terima kasih.



# PERUTUSAN

## Pengerusi
## Majlis Sukan Wilayah Persekutuan

YBhg. Datuk Haji Ramlan Bin Haji Askolani

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.**

Tahun 2021 menyaksikan negara kita masih berhadapan dengan pandemik Covid-19 yang menyebabkan berlakunya perubahan ke atas hubungan masyarakat, gaya hidup serta pelbagai aspek kehidupan yang lain. Perintah Kawalan Pergerakan yang diumumkan Perdana Menteri bagi mengurangkan risiko penularan Covid-19 telah membuka lembaran baharu kepada penjawat awam negara apabila perlu melaksanakan tugas dengan norma baharu dalam memberikan perkhidmatan terbaik walaupun menjalankan tugasan dari rumah.

Meskipun begitu, warga MSWP terus memberikan komitmen dalam meneruskan perancangan dengan penganjuran program besar seperti Wilayah Persekutuan *Sports Development & Coaching Seminar*, Merdeka Flag Run 2021, Sukan Parlimen (SUKPAR) Wilayah Persekutuan 2021 dan Festival Seni Silat Wilayah Persekutuan.

Festival Seni Silat Wilayah Persekutuan yang dianjurkan buat julung kalinya dengan pelbagai program pengisian diadakan termasuklah Pertandingan Seni Silat dan juga Simposium Seni Silat Wilayah Persekutuan berjaya mencipta dua rekod dalam The Malaysia Book of Records sebagai Penganjur Pertama Festival Seni Silat Secara Maya dan juga Demonstrasi Aliran Perguruan Silat Terbanyak Secara Maya.




Warga MSWP juga tidak lupa memberikan sumbangan kepada komuniti apabila terlibat dalam Program Memasak dan Agihan Bubur Lambuk Bersama Surau An Najah Presint 9 serta menyertai tiga misi Program WiPers Prihatin Pembersihan Banjir bagi membantu meringankan komuniti yang ditimpa bencana.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada seluruh warga sukan terutamanya warga MSWP di atas segala usaha serta komitmen yang diberikan sepanjang tahun 2021 dalam menyediakan perkhidmatan yang terbaik. Saya berharap agar visi dan misi MSWP dapat dicapai dengan usaha dan kerjasama yang konsisten daripada seluruh pihak secara berterusan.

**“Sebagai sumber inspirasi untuk terus berusaha ke aras pencapaian yang lebih gemilang, Laporan Tahunan 2021 diterbitkan sebagai wadah tatapan hasil kejayaan, usaha dan pencapaian aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2021.”**

Sekian, terima kasih.

# PERUTUSAN

## Pengarah
## Majlis Sukan Wilayah Persekutuan

YBrs. Dr. Hasnul Faizal Bin Hushin Amri



# 2.0 MAKLUMAT KORPORAT




## 2.1 LATAR BELAKANG MSWP

Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) ditubuhkan pada tahun 1979 di bawah Akta Majlis Sukan Negara 1971 (Akta 29) yang pada awalnya dikenali sebagai Majlis Sukan Kuala Lumpur. MSWP telah diperbadankan sebagai sebuah Badan Berkanun Persekutuan berkuat kuasa pada 1 April 2012 selaras dengan Perintah Majlis Sukan Negara Malaysia (Pindaan) 2006.

MSWP bertindak sebagai badan induk yang menyelaras pembangunan sukan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. MSWP juga bertanggungjawab dalam pelaksanaan program pembangunan sukan, pengurusan kemudahan sukan, program latihan, penganjuran dan penyertaan kejohanan sukan serta menjadi urus setia bagi kontinjen Wilayah Persekutuan ke Sukan Malaysia (SUKMA).

MSWP turut berfungsi sebagai badan penyelaras bagi sukan teras dan sukan pilihan yang dipertandingkan di peringkat SUKMA, Sukan SEA, Komanwel, Sukan Asia dan Sukan Olimpik. Selain itu, MSWP juga membantu pembangunan sukan di peringkat akar umbi melalui pelaksanaan program-program berkaitan Sukan Massa dan Sukan Paralimpik.

## 2.2 VISI, MISI DAN MOTO MSWP




## 2.3 OBJEKTIF DAN FUNGSI MSWP

### OBJEKTIF MSWP

1. Melahirkan atlet Wilayah Persekutuan yang bertaraf Kebangsaan dan Antarabangsa.
2. Memastikan Kontinjen Wilayah Persekutuan mencapai kedudukan terbaik di SUKMA.
3. Memastikan Persatuan Sukan Wilayah Persekutuan ditadbir urus dengan baik.
4. Melahirkan Jurulatih dan Pegawai Sukan yang bertauliah.
5. Memastikan pelaksanaan program pembangunan sukan prestasi tinggi yang sistematik berteraskan sains sukan.
6. Memastikan pengurusan kemudahan sukan di Wilayah Persekutuan dilaksanakan dengan berkesan.
7. Memastikan kemajuan sukan secara menyeluruh di semua peringkat di Wilayah Persekutuan.

# FUNGSI MSWP

Menumpukan kepada pembangunan sukan dengan memberi penekanan terhadap empat perkara utama

### ATLET

Berkemahiran serta mempunyai kemantapan dan ketahanan dari aspek fizikal. Pembentukan sikap para atlet berasaskan pembangunan modal insan yang lebih tertumpu kepada persiapan mental, spiritual dan sosial (pembentukan peribadi).

### INFRASTRUKTUR

Menyediakan pusat latihan negeri yang lengkap dengan kemudahan latihan seperti peralatan bagi memastikan program pembangunan sukan berprestasi tinggi dapat dilaksanakan dengan baik ke arah Wilayah Persekutuan yang gemilang.

### PERSATUAN SUKAN

Mengadakan kursus-kursus/seminar-seminar yang berkaitan dengan ilmu kejurulatihan dan sains sukan bagi menambah bilangan jurulatih yang bertauliah serta berkelayakan dalam membantu meningkatkan prestasi para atlet.

### PENGURUSAN SUKAN

Meningkatkan kecekapan pengurusan setiap persatuan-persatuan sukan dengan menganjurkan kursus-kursus serta seminar yang berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran persatuan.



## 2.4 PERANAN MSWP

Sebagai agensi peneraju sukan di Wilayah Persekutuan, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan melaksanakan peranan utama seperti berikut:

1. Melahirkan lebih ramai atlet SUKMA dan BAKAT melalui program yang tersusun dan terancang.
2. Menguruskan program pembangunan atlet dilaksanakan secara bersistematik dan berstruktur dengan kerjasama semua pemegang taruh.
3. Menyelaras semua perkhidmatan sokongan dalam pelbagai aspek seperti pengurusan kejurulatihan, sains sukan, kemudahan latihan, kebajikan atlet dan tadbir urus di peringkat pembangunan sukan prestasi tinggi.
4. Menyelaras pengurusan Majlis Sukan Kawasan Pentadbiran Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

5. Memastikan persatuan-persatuan dan kelab di peringkat Wilayah Persekutuan berkeupayaan menguruskan program latihan dengan berkesan.

6. Menyelaras penganjuran acara sukan berprestasi tinggi dalam menyokong program pembangunan sukan di Wilayah Persekutuan.

## 2.5 PIAGAM PELANGGAN

- Memastikan pembayaran bantuan pembangunan sukan telah diluluskan dan dilaksanakan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja daripada tarikh mesyuarat;
- Memastikan pembayaran elaun atlet dan jurulatih dilaksanakan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja daripada tarikh perakuan lengkap diterima;
- Memberikan maklum balas dalam tempoh tiga (3) hari bekerja daripada tarikh penerimaan laporan pertandingan atau program/aktiviti sukan;
- Memastikan permohonan perkhidmatan sokongan sains sukan dan perubatan diberikan maklum balas dan diproses dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas aduan diterima;
- Memastikan bayaran kepada pembekal barangan/ perkhidmatan dilaksanakan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja daripada tarikh penerimaan bil/invois lengkap; dan
- Menyediakan dan mengedarkan maklum balas keputusan mesyuarat/ perbincangan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja selepas mesyuarat/ perbincangan diadakan.



# SENARAI AHLI MAJLIS MSWP 2021-2022



**Pengerusi**

YBhg. Datuk Ramlan Bin Haji Shahean @ Askolani



**Timbalan Pengerusi 1**

YBhg. Datuk Seri Hajah Rosida Binti Jaafar



**Timbalan Pengerusi 2**
YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohammad Nor Bin Abd Rahim



**Setiausaha**
YBrs. Dr. Hasnul Faizal Bin Hushin Amri



**Pengerusi Majlis Sukan Kuala Lumpur**
YBhg. Datuk Seri Haji Mahadi Bin Che Ngah



**Presiden Persatuan Angkat Berat Putrajaya**
YBhg. Datuk Mohd Nasir Bin Ali



**Kesatuan Ragbi Malaysia**
YBrs. Dr. Ahmad Naim Bin Ismail



YBhg. Datuk Haji Ab. Jalil Bin Hj. Abdullah



**Kementerian Pengajian Tinggi**
YBrs. Dr. Pekan Bin Ramli



**Naib Presiden Persatuan Wushu WP Kuala Lumpur**
YBhg. Dato' Lim Hong Shuan



**Naib Presiden Persatuan Gimnastik WP Kuala Lumpur**
Puan Petrina Low Lai Hun



Encik S. Arumugam A/L K. Sundra Raja



Encik Mohamed Nizham Bin Abdullah Hamidi



**Pengurus Pasukan Tinju Wilayah Persekutuan**
YBrs. Dr. Alan Raman

# SENARAI
## AHLI JAWATANKUASA PENGURUSAN
# MSWP
## 2021-2022



**Pengerusi**

YBhg. Datuk Ramlan Bin Haji Shahean @ Askolani



**Timbalan Pengerusi 1**

YBhg. Datuk Seri Hajah Rosida Binti Jaafar



**Timbalan Pengerusi 2**

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohammad Nor Bin Abd Rahim



**Setiausaha**

YBrs. Dr. Hasnul Faizal Bin Hushin Amri



**Pengerusi Majlis Sukan Kuala Lumpur**

YBhg. Datuk Seri Haji Mahadi Bin Che Ngah



**Presiden Persatuan Angkat Berat Putrajaya**

YBhg. Datuk Mohd Nasir Bin Ali



**Kesatuan Ragbi Malaysia**

YBrs. Dr. Ahmad Naim Bin Ismail



**Kementerian Pengajian Tinggi**

YBrs. Dr. Pekan Bin Ramli



Encik Mohamed Nizham Bin Abdullah Hamidi

# CARTA ORGANISASI
## MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

CARTA ORGANISASI MSWP 2021-2022










# 3.0 BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

# 3.0 BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Bahagian Khidmat Pengurusan bertanggungjawab menyediakan khidmat sokongan daripada segi Pentadbiran Am, Pengurusan Aset, Pengurusan Sumber Manusia, Pengurusan Kewangan, Perolehan, Keselamatan, Pengurusan Dokumen dan Rekod.

Bahagian ini meliputi dua (2) unit iaitu:

- Unit Pentadbiran dan Sumber Manusia; dan
- Unit Kewangan;

## 3.1 UNIT PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA

Unit Pentadbiran dan Sumber Manusia memainkan peranan penting dalam menyediakan perkhidmatan strategik khususnya tadbir urus MSWP. Selain itu, unit ini berperanan menguruskan hal pelantikan pegawai dan kakitangan, kompetensi kakitangan, aset-aset Jabatan, keselamatan, pengurusan perolehan serta pengurusan kualiti MSWP. Antara objektif unit ini adalah memberi tumpuan kepada:

- Memastikan segala urusan hal ehwal Pentadbiran dan Sumber Manusia dilaksanakan dengan cekap dan baik berdasarkan peraturan Kerajaan yang sedang berkuatkuasa;

### 3.1.1 Fungsi Unit Pentadbiran dan Sumber Manusia:

- Menguruskan hal ehwal pentadbiran termasuk pengurusan fasiliti dan kelengkapan ruang pejabat di pejabat, pengurusan kontrak sewaan, pengurusan kenderaan serta hal-hal yang berkaitan dengan pentadbiran am Jabatan.
- Menguruskan dan mengemaskini kedudukan aset Jabatan dengan teratur;
- Menguruskan dan mengambil tindakan terhadap aduan awam Jabatan mengikut tempoh yang ditetapkan;
- Urus setia Mesyuarat Ahli Majlis dan Jawatankuasa Pengurusan MSWP;
- Merancang dan menguruskan pengisian kekosongan jawatan, pelantikan dan peletakan jawatan pegawai MSWP;
- Menguruskan urusan dalam perkhidmatan pegawai MSWP termasuk semua jenis cuti, penanggungan kerja, permohonan persaraan wajib/pilihan dan lain-lain;
- Melaksanakan urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat pegawai dan kakitangan MSWP;
- Melaksanakan urusan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) serta bertindak sebagai urus setia Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM); dan
- Merancang dan menyelaras Program Latihan Tahunan MSWP meliputi latihan anjuran dalam dan luar MSWP.

### 3.1.2 Perolehan

- Mengeluarkan Pesanan Tempatan bagi bekalan dan perkhidmatan yang diperlukan oleh MSWP;
- Menguruskan perolehan bekalan dan perkhidmatan untuk Jabatan secara menyeluruh melalui proses merancang, melaksana, memantau dan mengawal;
- Memastikan tatacara perolehan adalah teratur selaras dengan peraturan yang sedang berkuatkuasa

### 3.1.3 Perjawatan

Pada tahun 2021, jumlah keseluruhan perjawatan MSWP adalah sebanyak 47 perjawatan yang mana 27 perjawatan adalah Lantikan Tetap, 14 perjawatan adalah Lantikan *Contract of Service*

(COS) dan 6 Lantikan *Contract for Service* (CFS). Butiran perjawatan adalah seperti berikut:

| Bil | Jawatan | Gred | Tetap | Kontrak | Pengisian | Peratusan Pengisian % |
|---|---|---|---|---|---|---|
| I. | Kumpulan Pengurusan Dan Profesional | | | | | |
| | Pengarah | 54 (Terbuka) | 1 | 0 | 1 | 100.00 |
| | Pegawai Belia Dan Sukan | S48 | 1 | 0 | 1 | 100.00 |
| | Pegawai Belia Dan Sukan | S44 | 2 | 0 | 2 | 100.00 |
| | Pegawai Belia Dan Sukan | S41 | 2 | 1 | 3 | 100.00 |
| | Pegawai Penerangan | S41 | 0 | 1 | 1 | 100.00 |
| | Jumlah Pengurusan Dan Profesional | | 6 | 2 | 8 | 100.00 |
| Ii. | Kumpulan Pelaksana | | | | | |
| | Penolong Pegawai Belia Dan Sukan | S32 | 2 | 0 | 2 | 100.00 |
| | Penolong Pegawai Belia Dan Sukan | S29 | 2 | 12 | 14 | 100.00 |
| | Penolong Pegawai Tadbir | N36 | 1 | 0 | 1 | 100.00 |
| | Penolong Akauntan | W29/32 | 1 | 0 | 1 | 100.00 |
| | Penolong Akauntan | W29/32 | 2 | 0 | 2 | 100.00 |
| | Penolong Pegawai Teknologi Maklumat | FA29 | 0 | 1 | 1 | 100.00 |
| | Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat | N19/N22/ N29/N30 | 1 | 0 | 1 | 100.00 |
| | Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) | N22 | 2 | 0 | 2 | 100.00 |
| | Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) | N19/N22 | 6 | 1 | 7 | 100.00 |
| | Pembantu Operasi | N11/N14 | 2 | 0 | 2 | 100.00 |
| | Pemandu Kenderaan | H11/H14 | 2 | 2 | 4 | 100.00 |
| | Pembantu Awam | H11 | 0 | 2 | 2 | 100.00 |
| | Jumlah Kumpulan Pelaksana | | 21 | 18 | 39 | 100.00 |
| | Jumlah Besar | | 27 | 20 | 47 | 100.00 |

### 3.1.4 Kursus Dan Latihan

Kerajaan melalui surat edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bertarikh 29 Februari 2016 telah menetapkan bahawa selaras dengan langkah merasionalisasi perkhidmatan awam serta mengoptimumkan perbelanjaan agensi-agensi Kerajaan, pelaksanaan dasar berkursus tujuh hari setahun bagi semua anggota perkhidmatan awam seperti yang digariskan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 "Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam" (PP 6/2005) adalah ditangguhkan. Walau bagaimanapun, kursus/latihan yang dirancang di bawah Pelan Operasi Latihan 2021 yang telah dipersetujui oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (Latihan) MSWP tetap dilaksanakan dan telah mencapai sasaran kehadiran pegawai MSWP menghadiri sekurang-kurangnya tiga hari (3) berkursus.

**1. Program Latihan Kebakaran**

Tarikh : 12 Mac 2021

Tempat : Akademi Latihan Pertahanan Awam, Bangi

Penyertaan : 47 Orang

Program ini diadakan adalah untuk memberi latihan kepada setiap kakitangan MSWP mengenai kaedah atau langkah keselamatan yang perlu dilaksanakan sekiranya berlaku situasi kecemasan di bangunan pejabat.





**2. Kursus Pengurusan Fail dan Rekod Kerajaan**

Tarikh : 4 Oktober 2021

Tempat : Majlis Sukan Wilayah Persekutuan

Penyertaan : 47 Orang

Kursus ini bertujuan untuk mempertingkatkan kesedaran dan pendedahan kepada kakitangan MSWP berhubung aspek pengurusan fail dan rekod mengikut akta dan pekeliling yang ditetapkan. Kursus ini adalah bagi meningkatkan pengetahuan asas dan kemahiran peserta dalam menguruskan rekod-rekod jabatan.

**3. Ceramah Kecemerlangan Operasi : Minda Juara, Jiwa Merdeka**

Tarikh : 18 Oktober 2021

Tempat : Majlis Sukan Wilayah Persekutuan

Penyertaan : 47 Orang

Ceramah secara dalam talian ini memberi pendedahan awal mengenai amalan kecemerlangan operasi bagi memastikan pengurusan MSWP berada di tahap terbaik, cekap dan berkesan. Ceramah ini juga menerangkan kaedah proses kerja yang memastikan penyampaian perkhidmatan adalah berkualiti, pantas dan memenuhi keperluan pelanggan.

**4. Kursus Sasaran Kerja Tahunan, Cadangan Perolehan dan Bajet**

Tarikh : 10 – 12 Disember 2021

Tempat : La Crista Hotel, Melaka

Penyertaan : 24 Orang

Kursus ini membolehkan pegawai MSWP mengenalpasti program dan aktiviti yang akan dilaksanakan pada tahun 2022. Kursus ini juga bertujuan bagi memastikan semua perolehan di MSWP dilaksanakan selaras dengan perancangan yang ditetapkan. Selain daripada itu, kursus ini juga menyelaras anggaran perbelanjaan bajet MSWP bagi tahun 2022 sebagaimana yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.






### 3.1.5 Program Dan Aktiviti

Pelbagai aktiviti dan program telah dilaksanakan sepanjang tahun 2021 oleh Bahagian Khidmat Pengurusan seperti berikut:

**1. Program Memasak dan Agihan Bubur Lambuk bersama Surau An Najah Presint 9**

Tarikh : 22 April 2021

Tempat : Surau An Najah, Presint 9

Penyertaan : 45 Orang






Program memasak dan agihan bubur lambuk ini diadakan bagi mengimarahkan Bulan Ramadan yang mulia. Program ini disertai oleh kakitangan MSWP dan juga ahli Surau An Najah Presint 9, Putrajaya. Sebanyak 250 bekas bubur lambuk telah diagihkan kepada sekitar penduduk Putrajaya.

**2. Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-64 2021**

Tarikh : 30 Ogos 2021

Tempat : Majlis Sukan Wilayah Persekutuan

Penyertaan : 45 Orang






Sambutan Hari Kemerdekaan ini diadakan untuk memupuk semangat patriotisme dalam kalangan kakitangan MSWP. Program sambutan Bulan Kemerdekaan ini juga bertujuan untuk menyemai sikap bersatu padu, bekerjasama dan bertoleransi sesama kaum dan bangsa.

**3. Program WiPers Prihatin 1.0 Pembersihan Banjir**

Tarikh : 22 Disember 2021

Tempat : Ulu Langat

Penyertaan : 35 Orang

Penglibatan kakitangan MSWP seramai 35 orang di dalam program ini untuk menyampaikan khidmat bantuan dan tenaga kerja kepada masyarakat yang terlibat dalam bencana banjir di kawasan Ulu Langat.





**4. Program WiPers Prihatin 2.0 Bantuan Banjir**

Tarikh : 24 Disember 2021

Tempat : Kota Warisan

Penyertaan : 20 Orang

Misi program ini adalah untuk menyampaikan bantuan barangan seperti makanan dan keperluan asas kepada mangsa banjir. Selain daripada itu, program ini dapat mendekatkan kakitangan MSWP dengan masyarakat selain memupuk semangat saling bantu membantu dalam konteks sukarelawan.





**5. Program WiPers Prihatin 3.0 Pembersihan Banjir**

Tarikh : 29 Disember 2021

Tempat : Karak, Pahang

Penyertaan : 80 Orang

Program ini melibatkan penyertaan daripada kakitangan MSWP, jurulatih sukan seramai 5 orang dan atlet Wilayah Persekutuan seramai 35 orang. Tujuan utama program ini adalah untuk membantu meringankan beban mangsa-mangsa banjir di kawasan Karak, Pahang serta memulihkan semula kehidupan mereka seperti sedia kala.





### 3.1.6 Mesyuarat Ahli Majlis Dan Jawatankuasa Pengurusan MSWP

Mesyuarat Ahli Majlis dan Jawatankuasa Pengurusan MSWP telah diadakan sebanyak dua kali pada tahun 2021.

Tarikh : 26 April 2021

Tempat : Bilik Mesyuarat Ahmad Phesal, MSWP









Tarikh : 28 November 2021

Tempat : Avillion Hotel, Port Dickson



### 3.1.7 Majlis Perhimpunan MSWP

Tarikh : 13 Jun 2021 & 1 November 2021

Tempat : Secara online dan Auditorium KWP

Penyertaan : Semua Pegawai dan Kakitangan MSWP

Majlis Perhimpunan MSWP diadakan bagi tujuan menjadi medium interaksi antara Pengarah dan Semua Pegawai dan Kakitangan MSWP. Kesempatan ini memberi ruang kepada Pengarah menjelaskan hala tuju MSWP ke arah memastikan pengurusan MSWP berada pada landasan yang tepat serta berlandaskan prinsip *Good Governance*. Sebanyak 2 kali perhimpunan telah diadakan sepanjang tahun 2021.





### 3.1.8 Pelaksanaan Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS)

Bahagian Khidmat Pengurusan telah memantau pelaksanaan modul-modul HRMIS sehingga Disember 2020. Pencapaian pengemaskinian HRMIS berdasarkan kepada Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:

i. Submodul Rekod Peribadi : 100%

ii. Submodul Profil Perkhidmatan : 100%

iii. Submodul Perisytiharan Harta : 100%

iv. Submodul Sasaran Kerja Tahunan (SKT) : 100%

### 3.1.9 Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MSWP Tahun 2021

Seramai tiga (3) orang kakitangan MSWP telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2021 seperti berikut:-

1. Encik Ahmad Nazri bin Aziz
   Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi)
   Gred N22



2. Encik Muhammad Haekal bin Abd Halim
   Penolong Pegawai Belia dan Sukan Gred S29



3. Puan Roshafina binti Rasit Ali
   Penolong Akauntan Gred W29



## 3.2 UNIT KEWANGAN

Unit Kewangan merupakan sebuah unit di bawah Bahagian Khidmat Pengurusan yang bertanggungjawab dalam Pengurusan Kewangan dan Akaun di MSWP. Unit ini berfungsi menguruskan Belanjawan, Waran Peruntukan, Pesanan Kerajaan, Pembayaran Bil dan Tuntutan, Pengurusan Gaji, Pengurusan Pinjaman kakitangan, Pungutan Hasil dan Terimaan Bukan Hasil di MSWP mengikut Arahan dan Pekeliling yang berkuat kuasa.

Antara objektif unit ini adalah:

- Memastikan sistem kewangan lebih efisien dan sistematik.
- Mempunyai sistem kewangan yang terkini selaras dengan peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa dan mengikut piawaian yang ditetapkan.
- Menguruskan dan mentadbir sistem kewangan yang teratur.
- Mempertingkatkan perancangan dan kawalan kewangan yang berkualiti.

### 3.2.1 Fungsi Utama Unit Kewangan

- Mengendalikan urusan perakaunan dan kewangan;
- Menyediakan Anggaran Belanjawan tahunan;
- Menguruskan urusan audit dari Audit Dalaman dan Audit Negara;
- Bertanggungjawab menguruskan perbelanjaan Jabatan;
- Menguruskan pembayaran gaji dan ganjaran kakitangan Jabatan;
- Mengurus terimaan/hasil dan akaun belum terima;
- Menyelenggara buku tunai;
- Menyelenggara buku vot;
- Mengurus dan menyelia rekod-rekod kewangan;
- Mengurus dan menyedia laporan bulanan, suku tahun dan tahunan;
- Mengendalikan Akaun Tabung Sukan MSWP; dan
- Memberikan khidmat nasihat dan pandangan berkenaan peraturan dan prosedur kewangan yang berkuatkuasa.

### 3.2.2 Ringkasan Belanja Mengurus

Pendapatan sebenar MSWP pada tahun 2021 ialah sebanyak RM13,990,382.00. Peningkatan sebanyak 2% daripada pendapatan sebenar tahun 2020 iaitu RM13,653,981.00. Pendapatan tahun 2021 merupakan Geran Kerajaan dan Faedah atas simpanan tetap.

Jumlah belanja mengurus MSWP bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM10,842,400.00. Pengurangan sebanyak 20% jika dibandingkan dengan belanja mengurus pada tahun 2020 iaitu RM13,041,664.00. Ini adalah disebabkan Peruntukan *One-Off* pada tahun 2021 tidak dibelanjakan kerana SUKMA XX Johor 2020 telah ditunda ke tahun 2022. Perbelanjaan mengurus yang utama bagi tahun 2021 ialah belanja bagi Program Penyediaan Atlet dan Perbelanjaan Pentadbiran termasuk pembelian aset seperti lampiran di bawah.

| Tahun 2021 | |
|---|---|
| **Belanja Mengurus** | **RM** |
| Program Penyediaan & Pembangunan Atlet | 7,154,920.43 |
| Emolumen | 2,198,220.00 |
| Perbelanjaan Pentadbiran | 756,108.22 |
| Perbelanjaan Kewangan | 287,582.32 |
| Komunikasi Korporat | 99,662.58 |
| Fasiliti dan Sains Sukan | 112,220.60 |
| Pengurusan Aset Tetap | 494,588.00 |
| **Jumlah** | **11,103,302.15** |

### 3.2.3 Lawatan Susulan Sekretariat Pematuhan *Standard Accounting System for Government Agencies* (SAGA) di MSWP

MSWP menggunakan sistem Kewangan SAGA-*Century Version* 8.2 *Web Base*. Lawatan susulan daripada pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) bagi pematuhan kriteria fungsian dan teknikal telah diadakan pada 4 Mac 2021 secara atas talian. Objektif lawatan susulan ini adalah bagi memastikan penyata kewangan dapat disediakan dengan lebih cepat, tepat, kemas kini, berintegriti dan mematuhi piawaian perakaunan yang diterima pakai di MSWP.

Lawatan ini juga bagi memastikan keselamatan sistem, data dan Maklumat terjamin dari aspek kerahsiaan (*confidentiality*), integriti (*integrity*) dan ketersediaan (*availability*) iaitu data dan maklumat dilindungi, terpelihara, lengkap dan boleh diakses pada bila-bila masa.

Lawatan susulan pematuhan SAGA daripada Bahagian Khidmat Perunding, (BKP) JANM yang diketuai oleh Puan Asyaara Binti Karim, Puan Norfarazila Binti Abdul Rahim, Encik Amrul Fazli Bin Mohamad, Cik Saleha Binti Mohamad Taib dan Encik Mohamad Illyas Bin Md Yasin. Manakala MSWP pula diketuai oleh Encik Mazhan Bin Mujail, Puan Farha Adiana Binti Bah Atu, Puan Roshafina Binti Rasit Ali, Puan Norazawana Binti Abu Bakar, Encik Muhammad Saifuddin Bin Harizon, Puan Norsalfina Binti Mohd Saferi dan Encik Maliki Bin Ibrahim.











# 4.0 BAHAGIAN PENGURUSAN SUKAN DAN ACARA

# 4.0 BAHAGIAN PENGURUSAN SUKAN DAN ACARA

## 4.1 PENGENALAN

Bahagian Pengurusan Sukan dan Acara mengendalikan urusan berkaitan majlis-majlis rasmi dan acara di Majlis Sukan Wilayah Persekutuan. Bahagian ini juga bertanggungjawab dalam mengendali dan menguruskan program pembangunan modal insan atlet, jurulatih dan pegawai sukan. Selain itu, bahagian ini juga menyelaras program pengiktirafan dan penghormatan.

### 4.1.1 Objektif Strategik

Objektif bahagian ini berlandaskan Teras Strategik 2 dalam Pelan Strategik MSWP (2019-2023) iaitu memperkasakan kemahiran dan potensi kejurulatihan serta kepegawaian bagi kecemerlangan sukan di Wilayah Persekutuan. Bahagian ini merangka dua (2) strategik utama bagi memastikan teras ini tercapai iaitu:

1. Memastikan semua jurulatih Wilayah Persekutuan yang dilantik mempunyai kelayakan yang diiktiraf melalui Skim Pensijilan Kejurulatihan Kebangsaan; dan

2. Memastikan semua pemegang jawatan dan pegawai sukan mempunyai pengetahuan serta kemahiran berkaitan pengurusan dan pentadbiran organisasi.

Bahagian ini juga menyelaras pengurusan bayaran elaun jurulatih dan atlet Wilayah Persekutuan bagi memastikan bayaran dapat dilaksanakan mengikut jadual.

## 4.2 PENGURUSAN ELAUN DAN BANTUAN

### 4.2.1 Pengurusan Bantuan Pembangunan Sukan

MSWP merupakan badan induk yang bertanggungjawab menggerakkan pembangunan sukan di Wilayah Persekutuan melalui perancangan dan pelaksanaan pelbagai program sebagai usaha untuk memastikan kecemerlangan sukan di Wilayah Persekutuan.

Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Pembangunan Sukan bertanggungjawab untuk meneliti dan meluluskan permohonan bantuan yang dikemukakan oleh persatuan sukan dan NGO di Wilayah Persekutuan. Bantuan yang diluluskan bertujuan membantu membiayai sepenuhnya atau sebahagian daripada program Pembangunan Sukan, Sukan Massa dan Progam Khas yang tertakluk kepada SOP. Mesyuarat dilaksanakan berdasarkan perancangan pada setiap tahun.

Sepanjang tahun 2021, sebanyak 327 bantuan telah diluluskan dengan jumlah peruntukan berjumlah RM4,929,679.72 telah disalurkan kepada persatuan sukan dan badan bukan kerajaan (NGO).

**Laporan Pengurusan Bantuan Pembangunan Sukan Tahun 2021**

| Mesyuarat Bantuan | Bilangan Permohonan | Permohonan Diluluskan | Jumlah Bantuan (RM) |
|---|---|---|---|
| Bilangan 1/2021 | 1 | 1 | 10,000.00 |
| Bilangan 2/2021 | 4 | 3 | 18,278.72 |
| Bilangan 3/2021 | 7 | 6 | 135,000.00 |
| Bilangan 4/2021 | 8 | 7 | 27,600.00 |
| Bilangan 5/2021 | 9 | 9 | 40,350.00 |
| Bilangan 6/2021 | 43 | 33 | 200,142.00 |
| Bilangan 7/2021 | 43 | 40 | 1,570,433.00 |
| Bilangan 8/2021 | 9 | 9 | 347,300.00 |
| Bilangan 9/2021 | 11 | 11 | 96,000.00 |
| Bilangan 10/2021 | 1 | 1 | 50,000.00 |

| Mesyuarat Bantuan | Bilangan Permohonan | Permohonan Diluluskan | Jumlah Bantuan (RM) |
|---|---|---|---|
| Bilangan 11/2021 | 44 | 40 | 781,867.00 |
| Bilangan 12/2021 | 84 | 77 | 502,615.00 |
| Bilangan 13/2021 | 59 | 56 | 867,094.00 |
| Bilangan 14/2021 | 34 | 34 | 283,000.00 |
| JUMLAH | 357 | 327 | 4,929,679.72 |

### 4.2.2 Pengurusan Elaun Atlet

Atlet Wilayah Persekutuan merupakan atlet di bawah program WiJuara yang menjalani latihan yang berterusan. Mereka mewakili jenis sukan pada SUKMA yang akan dipertandingkan secara dwi-tahunan dan akan dibayar elaun. Elaun tersebut adalah sumbangan yang diberikan secara bulanan mengikut kadar dan bilangan hari atlet berlatih. Elaun ini adalah bagi menampung keperluan atlet bagi menjalankan latihan harian dalam program latihan yang telah ditetapkan oleh MSWP.

Pada tahun 2021, perbelanjaan sebanyak RM1,241,850.00 telah disalurkan kepada atlet Wilayah Persekutuan bagi bayaran elaun bermula Mac hingga Disember.

**Laporan Pengurusan Elaun Atlet Tahun 2021**

| Bulan | Bilangan Atlet | Jumlah Elaun (RM) |
|---|---|---|
| Mac | 495 orang | 125,105.00 |
| April | 490 orang | 124,450.00 |
| Mei | 512 orang | 131,510.00 |
| Jun | 504 orang | 127,445.00 |
| Julai | 482 orang | 120,960.00 |
| Ogos | 470 orang | 117,255.00 |
| September | 477 orang | 118,475.00 |
| Oktober | 486 orang | 123,695.00 |
| November | 487 orang | 125,660.00 |
| Disember | 484 orang | 127,295.00 |
| JUMLAH | | 1,241,850.00 |

### 4.2.3 Pengurusan Elaun Jurulatih

MSWP melantik jurulatih melalui Panel Kejurulatihan dan Sains Sukan. Jurulatih yang dilantik akan dibayar mengikut kadar yang diluluskan panel. Tatacara pelantikan berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Pelantikan Jurulatih MSWP.

Elaun jurulatih akan dibayar secara bulanan berdasarkan laporan latihan yang dikemukakan kepada MSWP.

Pada tahun 2021, perbelanjaan sebanyak RM1,261,400.00 telah disalurkan kepada jurulatih yang dilantik bagi bayaran elaun jurulatih.

**Laporan Pengurusan Elaun Jurulatih Tahun 2021**

| Bulan | Bilangan Atlet | Jumlah Elaun (RM) |
|---|---|---|
| Januari | 6 orang | 19,700.00 |
| Februari | 6 orang | 19,700.00 |
| Mac | 88 orang | 119,100.00 |
| April | 93 orang | 122,300.00 |
| Mei | 93 orang | 123,900.00 |
| Jun | 93 orang | 123,900.00 |
| Julai | 93 orang | 123,900.00 |

| Bulan | Bilangan Atlet | Jumlah Elaun (RM) |
|---|---|---|
| Ogos | 93 orang | 123,900.00 |
| September | 92 orang | 123,100.00 |
| Oktober | 90 orang | 121,500.00 |
| November | 90 orang | 121,500.00 |
| Disember | 90 orang | 118,900.00 |
| JUMLAH | | 1,261,400.00 |

## 4.3 PROGRAM DAN ACARA

Sepanjang tahun 2021, Bahagian Pengurusan Sukan dan Acara telah berjaya melaksanakan program dan aktiviti yang dipertanggungjawabkan. Sejumlah 9 program dan acara telah berjaya dilaksanakan yang merangkumi majlis rasmi, majlis pengiktirafan, kursus dan program sukan.

### 4.3.1 Wilayah Persekutuan *Sports Development & Coaching Seminar*

Tarikh : 10-11 April 2021

Tempat : Pullman Hotel Bangsar Kuala Lumpur

Penyertaan : 150 orang Jurulatih WiPers

Tetamu VIP : YB. Tan Sri TPr. Annuar bin Haji Musa

Menteri Wilayah Persekutuan

Sistem kejurulatihan merupakan elemen penting dalam memastikan program pembangunan sukan di Wilayah Persekutuan. Ia perlu dilaksanakan dengan sistematik dan berkesan untuk mencapai matlamat, misi dan visi Majlis Sukan Wilayah Persekutuan. Bagi memastikan sistem kejurulatihan MSWP mencapai hasrat tersebut, MSWP telah menganjurkan Wilayah Persekutuan *Sports Development & Coaching Seminar* bagi memberi pendedahan dan perkembangan terkini industri sukan dalam meningkatkan prestasi kejurulatihan. Seminar ini dihadiri oleh 94 orang Jurulatih Program WiJuara dan 56 orang Jurulatih Program Bakat Sukan Wilayah.

Untuk makluman, seramai 10 orang penceramah telah menyampaikan ceramah mengikut bidang kepakaran masing-masing terutamanya berkaitan dengan bidang kejurulatihan dan pembangunan sukan. Penceramah yang terlibat iaitu:

i. Profesor Madya Dr. Nur Ikhwan Mohamad (Universiti Pendidikan Sultan Idris)

ii. Profesor Madya Dr. Jeffrey Low Fook Lee (Universiti Pendidikan Sultan Idris)

iii. Profesor Madya Dr. Jady Zaidi Hassim (Universiti Kebangsaan Malaysia)

iv. Profesor Madya Dr. Mohd Khairi Zawi (Universiti Kebangsaan Malaysia)

v. Profesor Madya Dr. Raja Mohammed Firhad Raja Azidin (Universiti Teknologi Mara)

vi. Profesor Madya Dr. Mahenderan Appukutty (Universiti Teknologi Mara)

vii. Encik Zulkefli bin Saref, (Agensi Anti-Doping Malayisa (ADAMAS))

viii. Encik Ahmad Khawari Mohd Isa (Astro Arena)

ix. Datuk Dr. Alzamani Mohammad Idrose (Hospital Kuala Lumpur)

x. Dr. Hasnul Faizal bin Hushin Amri (MSWP)

Penganjuran Seminar ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan jurulatih dalam bidang kejurulatihan dan sains sukan selain meningkatkan kefahaman jurulatih dalam merancang program latihan dengan lebih berkesan. Seminar ini juga memberi peluang kepada Jurulatih di bawah MSWP berkongsi pandangan khususnya dalam pendekatan kejurulatihan masing-masing

bagi meningkatkan prestasi atlet Wilayah Persekutuan.

Pada masa yang sama juga turut diadakan Sesi Penyerahan Watikah Pelantikan kepada 94 orang Jurulatih Program Pembangunan Sukan MSWP (WiJuara) dan 56 orang Jurulatih Bakat Sukan Wilayah Persekutuan (BSW) .








### 4.3.2 Majlis Penyerahan Bantuan Kewangan Kepada Persatuan Sukan Di Wilayah Persekutuan Secara Dalam Talian

Tarikh : 26 Ogos 2021

Tempat : Secara Hybrid (Majlis Sukan Wilayah Persekutuan dan *Online*)

Penyertaan : 92 Persatuan Sukan

Tetamu VIP : YBhg. Datuk Haji Ramlan bin Shahean@Askolani

Pengerusi
Majlis Sukan Wilayah
Persekutuan

Bantuan pentadbiran kepada persatuan sukan merupakan inisiatif MSWP untuk menyumbang dan membantu persatuan-persatuan sukan di Wilayah Persekutuan supaya dapat diuruskan dengan lebih kemas dan berkesan.

Pemberian bantuan pentadbiran juga merupakan usaha MSWP untuk memastikan program pembangunan sukan yang berterusan dilaksanakan oleh persatuan sukan di semua peringkat di Wilayah Persekutuan.

Sebanyak RM378,000.00 telah disumbangkan kepada 92 persatuan sukan di Wilayah Persekutuan. Majlis telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Haji Ramlan bin Haji Shahean@Askolani, Pengerusi MSWP dan dihadiri oleh beberapa wakil persatuan sukan sebagai simbolik penyerahan kerana masih di dalam pandemik Covid-19.






### 4.3.3 Merdeka *Flag Run* 2021 Wilayah Persekutuan Labuan

Tarikh : 22 Ogos 2021

Tempat : Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan

Penyertaan : 92 Persatuan Sukan

Tetamu VIP : YB Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias

Ahli Dewan Negara.

Pada 31 Ogos setiap tahun seluruh Malaysia akan menyambut Hari Kemerdekaan atau Hari Kebangsaan Malaysia dan pelbagai acara telah dilaksanakan sepanjang bulan Ogos. MSWP telah mengambil tanggungjawab dengan melaksanakan program sukan bagi memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan.

MSWP telah melaksanakan Program "Merdeka *Flag Run*". Di atas faktor SOP Covid-19 program ini hanya dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Labuan sahaja. Beberapa orang atlet telah dipilih untuk membawa bendera Malaysia mengelilingi Labuan dan diserahkan kepada YB Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias, Ahli Dewan Negara.












### 4.3.4 Majlis Penyerahan Insentif Olimpik Tokyo 2021

Tarikh : 13 September 2021

Tempat : Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Tetamu VIP : YB Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim

Menteri Wilayah Persekutuan

Majlis Penyerahan Insentif Sukan Olimpik Tokyo 2021 kepada Soh Wooi Yik, atlet badminton negara dan Wilayah Persekutuan telah diadakan pada 13 September 2021 di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Majlis diadakan bagi menghargai pencapaian beliau yang telah membantu Malaysia memenangi pingat gangsa bagi sukan Badminton di Sukan Olimpik 2022 Tokyo Japan.

Pemberian RM50,000.00 insentif kemenangan diberikan bagi menghargai dan mengiktiraf serta meraikan kejayaan beliau yang mendapat pingat gangsa di sukan tersebut. Selain itu, sumbangan kewangan ini bagi menghargai

pengorbanan dan usaha yang telah diberikan serta galakan kepada beliau untuk terus memberikan pencapaian yang terbaik.

Majlis telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, Menteri Wilayah Persekutuan dan dihadiri oleh Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Datuk Bandar Kuala Lumpur sebagai tetamu jemputan.







### 4.3.5 Sambutan Hari Sukan Negara Peringkat Kementerian Wilayah Persekutuan

| | |
|---|---|
| Tarikh | : 9 Oktober 2021 |
| Tempat | : Atrium Kementerian Wilayah Persekutuan |
| Penyertaan | : 150 orang |
| Tetamu VIP | : YB Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim<br>Menteri Wilayah Persekutuan |

Sambutan Hari Sukan Negara disambut serentak di seluruh negara pada hari Sabtu minggu ke-2 bulan Oktober setiap tahun. Secara lazimnya, majlis perasmian di setiap negeri dan peringkat kementerian diadakan pada hari yang sama dengan sambutan di peringkat kebangsaan. Antara objektif Hari Sukan Negara adalah untuk menggalakkan rakyat Malaysia untuk kekal aktif dan sihat dengan mengamalkan aktiviti fizikal dalam kehidupan seharian. Ini juga bagi membantu aspirasi Kementerian Belia dan Sukan untuk mencapai Negara Bersukan yang melibatkan seluruh rakyat Malaysia.

Sambutan Hari Sukan Negara 2021 diadakan serentak seluruh negara tahun ini pada 9 Oktober 2021. Bagi edisi tahun 2021, MSWP telah dilantik sebagai penganjur untuk sambutan di peringkat Kementerian Wilayah Persekutuan. Sambutan ini juga telah dilaksanakan dengan kerjasama semua agensi KWP. Sambutan di peringkat agensi telah dikelolakan oleh ketua agensi masing-masing dan agensi juga bebas untuk melakukan aktiviti di peringkat agensi.

Sambutan Hari Sukan Negara Peringkat Kementerian Wilayah Persekutuan telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim Menteri Wilayah Persekutuan pada 9 Oktober 2021 di Atrium Kementerian Wilayah Persekutuan secara hibrid. Antara aktiviti yang telah diadakan adalah aktiviti fizikal seperti Aerobik, 3 kilometer jalan kaki dan program kecergasan sihat WiPers dengan had penyertaan adalah seramai 150 orang dengan menggunakan SOP bagi negeri di Fasa 3.









Sukan Parlimen Wilayah Persekutuan (SUKPAR) mula diadakan pada Oktober 2019 bersempena sambutan Hari Sukan Negara. MSWP telah mengambil langkah menyemarakkan sambutan pada tahun tersebut dengan mengadakan SUKPAR bagi menyokong dan memeriahkan sambutan dan memberi ruang serta peluang kepada komuniti setempat untuk mengamalkan budaya hidup bersukan.

Pada tahun 2020, SUKPAR tidak dapat dilaksanakan akibat pandemik Covid-19. Justeru itu, MSWP meneruskan SUKPAR bagi tahun 2021 bagi menggalakkan program atau aktiviti sukan di kalangan komuniti Wilayah Persekutuan.

Mengambil kira situasi semasa pandemik negara pada masa ini, MSWP telah melaksanakan Sukan Parlimen secara secara maya. Oleh itu, 4 kategori sukan telah dilaksanakan iaitu E-Sports (FIFA, MLBB), E-Combat (Karate, Taekwondo dan Silat), Memanah dan Virtual Run. Kejohanan SUKPAR Wilayah Persekutuan 2021 telah dilancarkan oleh YB Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim Menteri Wilayah Persekutuan pada 22 Oktober 2021 di Dewan Serbaguna Kementerian Wilayah Persekutuan secara hibrid.

Objektif pelaksanaan Sukan Parlimen Wilayah Persekutuan adalah untuk menerapkan amalan budaya bersukan di kalangan komuniti Wilayah Persekutuan dan menjadikan Wilayah Persekutuan sebagai pusat perkembangan E-Sports di Malaysia. Selain itu, ia juga menjadi platform untuk mengenal pasti bakat baru untuk disenaraikan ke dalam Pelapis Negeri dan SUKMA Wilayah Persekutuan serta menggalakkan komuniti Wilayah Persekutuan menjalankan aktiviti sukan sewaktu pandemik Covid-19.

### 4.3.6 Sesi Pelancaran Sukan Parlimen (SUKPAR) Wilayah Persekutuan

Tarikh : 22 Oktober 2021

Tempat : Dewan Serbaguna Kementerian Wilayah Persekutuan

Penyertaan : 250 orang

Tetamu VIP : YB Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim

Menteri Wilayah Persekutuan







menonjolkan seni silat kepada masyarakat dan pelancong luar negara.

Festival Seni Silat Wilayah Persekutuan Tahun 2021 telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, Menteri Wilayah Persekutuan pada 12 November 2021 di Dewan Serba guna Kementerian Wilayah Persekutuan secara hibrid. Festival Seni Silat Wilayah Persekutuan ini juga telah mendapat 2 pengiktirafan dari Malaysia Book of Records. Pengiktirafan tersebut adalah "*First Virtual Silat Festival*" dan "*Most Number of Silat Association In A Virtual Demostration (46 Silat Association)*".







### 4.3.7 Pelancaran Festival Seni Silat Wilayah Persekutuan

| | |
|---|---|
| Tarikh | : 12 November 2021 |
| Tempat | : Dewan Serbaguna, Kementerian Wilayah Persekutuan |
| Penyertaan | : 250 orang |
| Tetamu VIP | : YB Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim<br><br>Menteri Wilayah Persekutuan |

Silat merupakan khazanah bangsa Melayu yang masih wujud sehingga kini malah jika dikaji terdapat pelbagai jenis aliran seni silat yang berada di negara ini. Seni silat merupakan satu kaedah bela diri yang terdiri daripada teknik serang dan bela, kelembutan seni dan gerak yang mengelirukan.

Penganjuran Festival Seni Silat Wilayah Persekutuan adalah memartabatkan kesenian silat Melayu di kalangan masyarakat di Wilayah Persekutuan dan











### 4.3.8 Simposium Silat Wilayah Persekutuan (Secara Hibrid)

Tarikh : 13-14 November 2021

Tempat : Auditorium Cempaka Sari, Perbadanan Putrajaya

Penyertaan : 250 orang

Tetamu VIP : YBhg. Dato' Che Ruslan bin Che Daud

Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembangunan), Kementerian Wilayah Persekutuan

Simposium Seni Silat Wilayah Persekutuan 2021, 13 hingga 14 November 2021 bertempat di Auditorium Cempaka Sari, Perbadanan Putrajaya. Terdapat lapan (8) kertas kerja dibentangkan selama 2 hari yang merangkumi perkembangan dan maklumat terkini sukan silat, pendedahan kepada sains sukan dan amalan yang sesuai dalam melaksanakan program dan aktiviti pembangunan sukan silat.

Pada simposium tersebut juga telah dihasilkan resolusi daripada PESAKA Wilayah Persekutuan dalam menggariskan hala tuju silat di Wilayah Persekutuan.

### 4.3.9 Bengkel Hala Tuju Majlis Sukan Kawasan Pentadbiran (MSKP)

Tarikh : 29 hingga 30 November 2021

Tempat : Avilion Hotel, Port Dickson Negeri Sembilan

Bengkel diadakan bertujuan untuk membincangkan perancangan pelaksanaan program/aktiviti Majlis Sukan Kawasan Pentadbiran dan perancangan perbelanjaan bagi tahun 2022.

Bengkel melibatan penyertaan daripada daripada Majlis Sukan Kuala Lumpur, Majlis Sukan Putrajaya dan Majlis Sukan Labuan.













# 5.0 BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT DAN SISTEM MAKLUMAT

# 5.0 BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT DAN SISTEM MAKLUMAT

## 5.1 PENGENALAN

Bahagian Komunikasi Korporat dan Sistem Maklumat (BKKSM) secara umumnya berperanan utama sebagai penyampai Maklumat MSWP kepada umum serta bertanggungjawab dalam menguruskan hal ehwal berkaitan sistem maklumat di pejabat.

Selain itu, BKKSM turut berperanan dalam merancang dan melaksanakan aktiviti peningkatan imej korporat dan perhubungan awam menerusi publisiti yang bersesuaian terutama sekali dalam penganjuran majlis ataupun acara oleh MSWP.

Bahagian ini turut menjalankan tugas-tugas berkaitan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) melibatkan infrastruktur ICT, Rangkaian, Laman Web dan Sistem Aplikasi, Email serta perolehan berkaitan ICT.

Pandemik Covid-19 turut memberi kesan terhadap beberapa perancangan BKKSM yang sering diadakan secara tahunan termasuklah Sukan Bersama Media tidak dapat diadakan berikutan SOP yang menghadkan pergerakan orang ramai secara fizikal.

Biarpun begitu, BKKSM mengadaptasi norma baharu dengan membantu dalam penganjuran program atau acara dengan menggunakan platform secara dalam talian bagi memastikan program yang berterusan dalam mana-mana bahagian di MSWP dapat diadakan.

### Objektif Strategik

BKKSM mendukung ketiga-tiga (3) Teras Strategik di dalam Pelan Strategik MSWP 2019-2023 dengan memperkukuhkan jalinan kerjasama strategik dan korporat ke arah kecemerlangan pembangunan sukan serta bertanggungjawab dalam Strategi 5 di Teras Strategik 1 bagi Memperkasakan Hal Ehwal dan Kebajikan Atlet dengan melibatkan objektif strategik:

1. Meningkatkan jalinan kerjasama di antara pelbagai agensi kerajaan dan agensi swasta.
2. Mewujudkan pelan penajaan dan tabung pembangunan sukan WiPers.
3. Meningkatkan imej korporat MSWP kepada masyarakat dan pihak yang berkepentingan.
4. Memastikan atlet WiPers mendapat manfaat terbaik sebagai tanda pengiktirafan dan penghargaan agensi atau kesungguhan dan komitmen yang dipamerkan oleh setiap daripada mereka yang terpilih memasuki program persediaan atlet SUKMA.

### Fungsi Bahagian

1. Mengurus dan bertanggungjawab dalam penyampaian dan penyaluran maklumat di peringkat nasional dan global;
2. Merancang, melaksana aktiviti peningkatan imej korporat dan perhubungan awam;
3. Merancang, menyelaras dan melaksanakan pelan komunikasi/ promosi/publisiti program serta pencapaian;
4. Mengurus dan mengendalikan perhubungan dengan pihak media;
5. Menyedia bahan atau maklumat portal MSWP;
6. Memberi khidmat nasihat mengenai program, nota kepada editor/siaran akhbar dan khidmat nasihat kepada media dalam membuat liputan;
7. Mengurus dan mengendalikan taklimat mengenai fungsi dan peranan MSWP;
8. Menyelaras dan mengurusetia persediaan dan pelaksanaan majlis-majlis rasmi MSWP;
9. Merancang, mengurus, melaksana dan memantau semua urusan berkaitan pelanggan dan aduan yang diterima;
10. Merancang, menyelaras dan menerbitkan bahan-bahan penerbitan;

11. Mengendalikan hubungan dan kerjasama dengan organisasi lain dalam meningkatkan imej MSWP;
12. Memberi khidmat perhubungan dan hal ehwal awam;
13. Bertindak sebagai sekretariat media;
14. Menyelaras dan mengurus hal ehwal publisiti untuk program-program MSWP;
15. Merancang dan mengurus program usaha-usaha untuk mendapatkan penajaan dan sumbangan;
16. Menyediakan teks ucapan untuk majlis-majlis rasmi; dan
17. Menjadi urusetia dalam menyediakan Laporan Tahunan MSWP.

## 5.2 PROGRAM

Penularan pandemik Covid-19 turut memberi kesan kepada perjalanan program dan pengurusan di MSWP. BKKSM memperkukuhkan penggunaan persidangan secara maya bagi kegunaan mesyuarat dan juga penyediaan platform Webinar. Bagi mempromosikan lagi media sosial MSWP dan juga mempelbagaikan program bagi atlet ketika berlangsungnya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), BKKSM menganjurkan WiPers *Athletes Plank Challenge* 2021.

### WiPers *Athletes Plank Challenge* 2021

Tarikh : 3 Julai 2021

Tempat : Secara maya

Penyertaan : 200 orang

WiPers *Athletes Plank Challenge* 2021 adalah inisiatif kali pertama yang dianjurkan BKKSM sebagai pengisian program kepada atlet Wilayah Persekutuan ketika PKP bermula 1 Jun 2021 berikutan penularan jangkitan pandemik Covid-19. Dengan kerjasama WiPers Performance Centre daripada Bahagian Fasiliti dan Sains Sukan MSWP, penyertaan program ini dikhususkan kepada atlet Sukan Prestasi Tinggi (WiJuara) dan Bakat Sukan Wilayah (BSW) di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Penyertaan yang menggalakkan apabila seramai 250 permohonan diterima untuk turut serta namun bilangan penyertaan terpaksa dihadkan kepada 200 peserta berikutan kekangan penjurian dan komputer berserta set *video conference* bagi membuat penilaian dalam masa yang sama.




Antara peserta yang menyertai WiPers *Athlete Plank Challenge* 2021 menerusi *online*.

## 5.3 KERJASAMA STRATEGIK DAN PERJANJIAN PERSEFAHAMAN (MoU)

Tarikh : 10 April 2021

Tempat : Pullman Hotel, Bangsar

Bagi tahun 2021, MSWP telah mengadakan Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) bersama Universiti Islam Antarabangsa (UIA), MAHSA Universiti, KPNP Malaysia, Paragon Vest

Sdn Bhd dan Persekutuan Judo Malaysia dalam satu majlis sempena Seminar Kejurulatihan dan Pembangunan Sukan Wilayah Persekutuan 2021 bertempat di Hotel Pullman Bangsar. Pertukaran dokumen antara MSWP dan lima rakan strategik yang baru itu disempurnakan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, YB Tan Sri TPr Annuar bin Hj. Musa.

Intipati perjanjian bertujuan untuk menjalin kerjasama dengan universiti awam dan pemain industri sukan dalam pembangunan sukan di Wilayah Persekutuan terutama dalam aspek perkembangan pendidikan atlet dan penyelidikan sukan.



MoU bersama Persekutuan Judo Malaysia.



MoU bersama Paragon Vest Sdn. Bhd.



MoU bersama KPNP Malaysia.



MoU bersama Universiti Islam Antarabangsa (UIA).



MoU bersama MAHSA Universiti.

## 5.4 LIPUTAN MEDIA DAN PENERBITAN DALAMAN

Secara keseluruhannya 30 laporan berkaitan MSWP diterbitkan di media cetak dan juga media elektronik sepanjang tahun 2021. BKKSM juga ada menerbitkan sebanyak 26 video pendek yang terdiri daripada video Senaman Untuk Komuniti serta video bagi kegunaan program dan acara anjuran MSWP.

**Liputan Hari Sukan Negara 2021**



Wilayah Ku

Home › SUKAN

14,761 Like

2.45 Subscribe



Evergreen

PEMBUKA SELERA GAYA HIDUP KINI

Evergreen

EMPAT FILEM PENUH KEHANGATAN BUAT PENCINTA KOPI

100 program sukan diadakan sempena HSN peringkat Wilayah Persekutuan

Aini Mawawi October 9, 2021 9:33 am

**KESELURUHAN** 100 program dan aktiviti sukan diadakan sempena sambutan Hari Sukan Negara (HSN) 2021 peringkat Wilayah Persekutuan yang berlangsung secara serentak dengan perasmian HSN peringkat kebangsaan hari ini.



Wilayah Ku

Home › BERITA

14,761 Like

2.45 Subscribe



Residensi Prihatin dijenamakan semula sebagai 'Residensi Keluarga Malaysia'

October 7, 2021

Jalan berlubang : Shahidan dedah nombor telefon,

Terima lebih 1,000 panggilan, rakyat minta bantuan kewangan

Editor Wilayahku October 9, 2021 4:14 pm

**MENTERI** Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** mengakui menerima banyak panggilan telefon meminta pertolongan berupa kewangan daripada orang ramai sejurus mendedahkan nombor telefon peribadinya kepada umum Khamis lalu.





hahidan terima banyak panggilan berhubung masalah warga kota



09/10/2021 05:53

ADVERTISEMENT

TRAJAYA, 9 Okt – Selepas berkongsi nombor telefon peribadinya, Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Dr Shahidan Kassim bukan sahaja menerima panggilan mengenai kerosakan jalan raya di Kuala Lumpur sebaliknya juga berkaitan permasalahan lain yang perlu diberi perhatian.

Ilau berkata masalah lain yang banyak diterima adalah seperti permohonan mendapatkan rumah projek perumahan rakyat (PPR) dan bantuan kewanga

ya terima lebih 1,000 panggilan telefon sehari, bukan aduan jalan berlubang sahaja tetapi bermacam macam sampai telefon saya 'jammed' (tidak da rfungsi). Ada juga yang sengaja call (hubungi) tanpa sebab.



Utusan Malaysia

LOG MASUK LANGGAN

BERITA TERKINI

KWP sedia anjur program sukan, penganjuran acara berskala besar



SHAHIDAN Kassim (tiga dari kiri) bersama Timbalannya, Datuk Seri Jalaluddin Alias (empat dari kanan) ketika melancarkan Program Hari Sukan Negara 2021 Peringkat Wilayah Persekutuan, di Putrajaya. - UTUSAN/MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

Oleh MOHD HUSNI MOHD NOOR 8 Oktober 2021, 1:33 pm

PUTRAJAYA: Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) bersedia menganjurkan pelbagai program sukan dan penganjuran acara berskala besar sekali gus merancakkan kembali industri penganjuran acara dan program di Wilayah Persekutuan ini.

Menterinya Datuk Seri Dr. Shahidan Kassim berkata, sekiranya ia dibenarkan kelak. KWP akan memberi apa sahaja bentuk sokongan dan bantuan kepada penganjur sukan dan pihak korporat sekali gus memastikan Wilayah Persekutuan khususnya Kuala Lumpur dan Putrajaya kembali menerajui program

## Liputan Majlis Penyerahan Bantuan Pentadbiran 2021



myMetro

Waktu Solat Kuala Lumpur

LOG MASUK

BADMINTON BOLA SEPAK E-SUKAN MORE PENTAFSIRAN SUKAN LAIN

MSWP salur bantuan RM378,000

Aida Adilah Mat
aida.adilah@metro.com.my



Rambli (duduk) menyempurnakan simbolik penyampaian cek bantuan kepada Pengarah MSWP, Dr Hasnul Faizal Hushin Amri (dua kanan).

Putrajaya: Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) meneruskan komitmen dengan Penyerahan Bantuan Pentadbiran kepada Persatuan Sukan Wilayah Persekutuan Tahun 2021 yang berjumlah RM378,000.

Penyerahan bantuan disempurnakan oleh Pengerusi MSWP, Datuk Ramlan Shahean @ Askolani secara maya membabitkan kesemua wakil 92 persatuan sukan dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

"Kementerian Wilayah Persekutuan menerusi MSWP mengekalkan komitmen terhadap pembangunan atlet di Wilayah Persekutuan. Penyerahan bantuan itu tetap diadakan biarpun secara maya.

Trending



Jarum 5.5 cm tusuk saya, bayi



Measat-3d berjaya dilancarkan



Rindu Yasin Sulaiman terhadap anak, keluarga terbabit



'Siti masih ingat rupa saya ketika muda'









SUKAN

MSWP serah bantuan berjumlah RM378,000, peka kesukaran atlet

BY AINI MAWAWI
SEPTEMBER 06, 2021

**MAJLIS** Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) meneruskan komitmen dengan Penyerahan Bantuan Pentadbiran kepada Persatuan Sukan Wilayah Persekutuan Tahun 2021 berjumlah RM378,000.

Penyerahan bantuan yang diadakan secara maya tersebut menghimpunkan kesemua wakil 92 persatuan sukan dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Menurut Pengerusi MSWP, **Datuk Ramlan Shahean @ Askolani,** Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) menerusi MSWP komited mengekalkan komitmen terhadap pembangunan atlet di ketiga-tiga wilayah.

"Pemilihan 92 persatuan sukan ini dibuat berdasarkan penyenaraian sukan terbabit dalam Sukan Malaysia (SUKMA) XX Johor 2022 dan juga persatuan sukan serta kelab sukan yang membantu dalam program pembangunan sukan di Wilayah Persekutuan.

"Pemberian bantuan pentadbiran ini juga sebahagian dalam usaha untuk memastikan program pembangunan sukan yang berterusan dilaksanakan oleh persatuan sukan di semua peringkat terutama ketika berlakunya pandemik COVID-19," kata Ramlan.



MSWP serah bantuan berjumlah RM378,000, peka kesukaran atlet

MAJLIS Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) meneruskan komitmen dengan Penyerahan Bantuan Pentadbiran kepada Persatuan Sukan Wilayah Persekutuan Tahun 2021 berjumlah RM378,000.

Penyerahan bantuan yang diadakan secara maya tersebut menghimpunkan kesemua wakil 92 persatuan sukan dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Menurut Pengerusi MSWP, Datuk Ramlan Shahean @ Askolani, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) menerusi MSWP komited mengekalkan komitmen terhadap pembangunan atlet di ketiga-tiga wilayah.

"Pemilihan 92 persatuan sukan ini dibuat berdasarkan penyenaraian sukan terbabit dalam Sukan Malaysia (SUKMA) XX Johor 2022 dan juga persatuan sukan serta kelab sukan yang membantu dalam program pembangunan sukan di Wilayah Persekutuan.

"Pemberian bantuan pentadbiran ini juga sebahagian dalam usaha untuk memastikan program pembangunan sukan yang berterusan dilaksanakan oleh persatuan sukan di semua peringkat terutama ketika berlakunya pandemik COVID-19," kata Ramlan.

RAMLAN

RAMLAN menyerahkan replika cek kepada Hasnul sejurus majlis penyerahan bantuan secara maya.

Penyerahan bantuan yang diadakan secara maya tersebut menghimpunkan kesemua wakil 92 persatuan sukan dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Menurut Pengerusi MSWP, Datuk Ramlan Shahean @ Askolani, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) menerusi MSWP komited mengekalkan komitmen terhadap pembangunan atlet di ketiga-tiga wilayah.

"Pemilihan 92 persatuan sukan ini dibuat berdasarkan penyenaraian sukan terbabit dalam Sukan Malaysia (SUKMA) XX Johor 2022 dan juga persatuan sukan serta kelab sukan yang membantu dalam program pembangunan sukan di Wilayah Persekutuan.

"Pemberian bantuan pentadbiran ini juga sebahagian dalam usaha untuk memastikan program pembangunan sukan yang berterusan dilaksanakan oleh persatuan sukan di semua peringkat terutama ketika berlakunya pandemik COVID-19," kata Ramlan.

Putrajaya, George Celestine Sting dan Kehormat Persatuan Setiausaha Kuala Lumpur, R Surendran Kehormat Persatuan Badminton Kuala Lumpur, Hisham Setiausaha Elektronik Sukan Kuala Lumpur, Presiden Persatuan yang juga hadir mewakili 92 persatuan yang menerima bantuan perbelanjaan itu.

Dalam pada itu, Ramlan berkata, MSWP juga sentiasa peka terhadap kesukaran yang terpaksa dihadapi atlet, jurulatih mahupun persatuan sukan dalam berdepan dengan tempoh sukar apatah lagi sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berlangsung.

"Disebabkan itu, MSWP kekal dengan pemberian elaun atlet dan jurulatih sepanjang PKP dengan perbelanjaan sebanyak RM300,000 pada setiap bulan," kata Ramlan.

Dalam majlis yang sama, MSWP turut menjayakan Sambutan Hari Kemerdekaan ke-64 bersama semua persatuan sukan di ketiga-tiga wilayah dengan bacaan ikrar Rukun Negara, penyampaian sijil oleh Setiausaha PESAKA Kuala Lumpur, Sudirman Arifin dan juga nyanyian lagu Jalur Gemilang.

Sebagai rekod, hampir 100 peratus atlet Wilayah Persekutuan yang berumur 18 tahun ke atas sudah menerima peroleh vaksin COVID-19.

## Liputan Pelancaran SUKPAR 2021



tober 22, 2021 @ 8:15pm

**SUKPAR kembali dianjurkan secara maya**




Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim (dua kiri) melancarkan Sukan Parlimen (SUKPAR) 2021 di kementerianya di Putrajaya, hari ini. - Foto NSTF/Samadi Ahmad.

PUTRAJAYA: Selepas dihentikan penganjurannya akibat COVID-19 tahun lalu, edisi kedua Sukan Parlimen (SUKPAR) yang kembali diadakan tahun ini mencipta sejarah tersendiri apabila buat julung kalinya diadakan secara maya.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata SUKPAR 2021 dijangka mampu menarik 10,000 peserta untuk menyertai acara yang bermula hari ini sehingga 5 Disember.

Katanya, sebanyak empat jenis sukan dipertandingkan iaitu e-sukan (FIFA22 dan Mobile Legends: Bang Bang), 'virtual run' (individu 15 kilometer), 'virtual combat' (silat, taekwondo, karate) dan 'archery challenge' (recurve, compound, barebow).

"SUKPAR 2021 diteruskan bagi merancakkan kembali aktiviti sukan dan gaya hidup aktif dalam kalangan komuniti Wilayah Persekutuan namun masih mengikuti SOP ditetapkan kerajaan khususnya selepas lama berperang dengan pandemik COVID-19.

Didik dari akar umbi agar lebih berdaya saing

**SUKPAR medan carian atlet pelapis**

AINI MAWAWI

SUKAN Parlimen (SUKPAR) 2021 yang bermula 22 Oktober lalu sehingga 5 Disember ini dihuat sebagai salah satu platform untuk mencari atlet pelapis negara pada masa akan datang.

Menurut Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim, banyak atlet-atlet hebat negara datang dari Wilayah Persekutuan dan dengan penganjuran SUKPAR ini dapat membuahkan harapan itu.

"Kita lihat banyak atlet-atlet datang dari sini, kalau boleh ingin melahirkan lebih ramai atlet yang boleh ditenggahkan ke peringkat lebih tinggi lagi.

"Didik dari akar umbi dan dalam masa sama kita mahu Wilayah Persekutuan sentiasa berdaya saing dalam bidang sukan, setanding kawasan-kawasan lain di dalam negara," ujar beliau.

Kata beliau lagi, setelah sekian lama negara berdepan dengan pandemik COVID-19 yang menyukarkan pelbagai aktiviti dilakukan, kini industri sukan kembali segar selepas Lembah Klang berada dari Fasa 3 kepada Fasa 4.

"SUKPAR 2021 yang dapat dilangsung menggerakkan semula bidang sukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan ke arah yang lebih gemilang daripada sebelum ini.

"Namun penyelenggaraannya pada tahun ini perlu lebih berhati-hati supaya setiap prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan," ujar beliau.

Pun begitu, SUKPAR kali ini lebih istimewa apabila buat pertama kalinya FIFA22 yang merupakan sukan di Malaysia.

"Ia menerima sambutan luar biasa apabila ramai yang bertanya tentangnya sejak dari awal lagi. Oleh itu, kita sahaja akan dijadikan acara tahunan tetapi akan terus mengalami perubahan dari segi jenis sukan iaitu e-sukan (FIFA22 dan Mobile Legends: Bang Bang), "virtual run" (individu 15 kilometer), "virtual combat" (silat, taekwondo, karate) dan 'archery challenge' (recurve, compound, barebow).



SHAHIDAN (tengah) ketika majlis perasmian SUKPAR 2021 baru-baru ini.

**Reaksi Peserta**



"KALI pertama tahu tentang SUKPAR 2021, saya sangat teruja dan berharap menjadi juara pada aksi final."

**Irdina Eyrish Afieen Mohd Mazri, 15**
Kategori: Silat Solo Kreatif Tangan Kosong



"Alhamdulillah saya rasa bersyukur sangat dapat turut serta dalam SUKPAR 2021 dan gembira apabila sukan memainkan turut dipertandingkan."

**Daniel Hakimie Sohebi, 22**
Kategori: Memanah

## Liputan Seminar Kejurulatihan dan Pembangunan Sukan 2021



9 pembentang kongsi pengalaman dalam arena sukan

**150 jurulatih berkumpul, fokus juara SUKMA**

BERLAKUNYA tarikh sebenar Sukan Malaysia (SUKMA) akan datang masih menjadi tanda tanya, namun Wilayah Persekutuan bagaimanapun mengambil pendekatan agresif dalam penyediaan kontinjen ke temasya itu nanti.

Melatarkan matlamat untuk muncul juara keseluruhan, Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) Dr Hasnul Faizal Hushin Amri berkata pembangunan sedang dijalankan Sukan 2021 yang meliputi lebih selama dua hari pada hujung minggu lalu adalah bertepatan dengan matlamat yang ditetapkan.

"Kita mahu pastikan Wilayah Persekutuan kekal berada di kelompok tiga teratas pada setiap kali SUKMA dianjurkan. Seminar yang diadakan kali ini dilihat dapat membantu jurulatih untuk merancakkan lagi persiapan ke SUKMA tahun hadapan," katanya ketika menyampaikan ucapan ulasan pada Seminar Kejurulatihan dan Pembangunan di Sukan 2021 yang berlangsung di sebuah hotel di sini pagi tadi.

Seminar yang bertemakan 'Reach for Sporting Excellence' itu turut menyaksikan lima pembentang kertas kerja berkongsi pengalaman mereka sebelum ini.

Pembentang yang hadir pada seminar tersebut ialah Pengarah Sukan Wilayah Persekutuan, Zaidi Hassim dan Timbalan Pengarah Sukan, Mohd Khairi Zawi dari Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP).

Turut hadir sebagai pembentang ialah Pengarah Kejurulatihan Kebangsaan, Prof Madya Dr Zaidi Hassim dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Timbalan Pengarah Kejurulatihan dan Pembangunan Sukan, Prof Madya Dr Mohd Khairi Zawi dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Pembentang lain ialah Pengurus Prestasi Sukan, Prof Madya Dr Mohd Khairi Zawi dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof Madya Dr Jeffrey Low dari Universiti Sultan Idris (UPSI) dan Pengurus Prestasi Sukan, Prof Madya Dr Mohd Khairi Zawi dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Pembentang lain ialah Pengurus Prestasi Sukan, Prof Madya Dr Mohd Khairi Zawi dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).



Wilayah Ku 16 - 22 APRIL 2021 23

9 pembentang kongsi pengalaman dalam arena sukan

**150 jurulatih berkumpul, fokus juara SUKMA**



**Pilih atlet yang tepat untuk kesinambungan sukan**



**REAKSI**



Keistimewaan 1,300 atlet Wilayah Persekutuan

**Diskaun 50 peratus untuk alatan sukan**

AINI MAWAWI

SERAMAI 1,300 atlet Wilayah Persekutuan berpeluang menikmati potongan harga pembelian alatan sukan sehingga 50 peratus melalui Team Wipers Discount Card yang dilancarkan minggu lalu.

Kad diskaun yang julung kali diwujudkan oleh Majlis Sukan Negeri di Malaysia tersebut membolehkan atlet di bawah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) mendapatkan kemudahan sukan dengan harga yang jauh lebih rendah berbanding pasaran biasa.

Menurut Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz**, kad tersebut dapat membantu meringankan beban atlet bajuya kos untuk mereka aktif dalam sukan menjadi lebih rendah kerana mendapat diskaun yang khusus.

"Pemberian kad diskaun ini memberikan dorongan kepada ahli sukan selain mewujudkan rasa lebih eksklusif dalam mendapatkan harga pembelian barangan sukan yang lebih murah daripada harga biasa.

"Diskaun ini adalah satu jaminan yang sangat baik. Jika orang biasa yang suka bermain bola perlu membeli sepasang kasut bola untuk setiap hujung tetapi bagi pemain bola, mungkin mereka hanya beli tiga atau empat pasang kasut dalam masa untuk satu tahun. Jadi, kos untuk aktiviti dalam sukan bakal menjadi murah segala peralatan, kemudahan sukan, pakaian sukan dan sebagainya mahal," ujar beliau.

Sehubungan itu, Seminar Kepimpinan dan Pembangunan Sukan Wilayah Persekutuan 2021 akan diadakan selama seminggu di sebuah hotel di Kuala Lumpur, bermula 22 hingga 28 Ogos ini.

Sabtu lalu, Team Wipers Discount Card melalui kerjasama syarikat swasta, Paragon Vest Sdn Bhd tersebut boleh diguna pakai apabila membeli peralatan sukan di kedai atau laman sesawang yang disenaraikan.

Turut hadir pada pelancaran seminar tersebut, Pengerusi Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, Datuk Ramlan Shaharan @ Askolani, Timbalan Pengerusi Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, Tan Sri Datuk Seri Mohamad Noor Abdul Rahim, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Che Rosalan Che Daud dan Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, Dr. Hasnul Faizal Hushin Amri.

Selain perjanjian persefahaman (MoU) bersama Paragon Vest Sdn Bhd, MSWP, turut bekerjasama dengan Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Mahsa University College Malaysia dan Persekutuan Judo Malaysia bagi lalaan pendidikan dan kemahiran.

Terdahulu, atlet Wilayah Persekutuan turut menerima pelbagai kebajikan antaranya pelindungan insurans, Skim Intensif Kementerian, bantuan perubatan dan rehabilitasi serta biasiswa lagi.

ANNUAR (kiri) melihat replika kad diskaun yang memberi manfaat kepada atlet.

ANNUAR

**Kerjasama MSWP-Paragon Vest galak lebih ramai atlet baharu**

PENGUDAR pakaian sukan dan fesyen popular, Paragon Vest Sdn Bhd, memalinkan kerjasama dengan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) melalui kad diskaun, Team Wipers Discount Card.

Menurut Pengarah Pemasarannya, **Victor Thew**, kolaborasi eksklusif tersebut bermatlamat untuk menggalakkan lebih ramai atlet bakat baru untuk bersiat aktif dalam arena sukan serta membantu meringankan beban sukan yang ditanggung oleh ibu bapa atlet di bawah Paragon Vest Sdn Bhd.

"Tahun ini objektif utama kita adalah untuk mengembangkan lagi dunia sukan dengan memperkasakan kerjasama dengan MSWP yang berpotensi.

"Kita merancang 22 buah kedai di Seluruh Malaysia yang menggunakan sistem Paragon untuk mendaftarkan pelanggan baharu. Kesemua kedai yang terlibat akan menyediakan ruang khas untuk pelanggan membuat pendaftaran.

"Setiap pendaftaran berjaya, pelanggan akan diberikan satu baucar bagi dibelanjakan di kedai berkenaan. Kami juga akan menyediakan baucar yang sama untuk pengurus pasukan atlet berkenaan.

"Kami juga akan menyediakan baucar yang sama untuk pengurus pasukan atlet berkenaan.

Team Wipers Discount Card adalah satu kaedah untuk mendapatkan diskaun yang ditawarkan oleh MSWP melalui pusat jualan Paragon Vest di seluruh negara.

"Kami juga akan menyediakan baucar yang sama untuk pengurus pasukan atlet berkenaan.

Selain itu, Paragon Vest juga akan menyediakan baucar yang sama untuk pengurus pasukan atlet berkenaan.

Sim Hwa Kwang, Pengarah Pemasaran Sim Hwa Kwang Sdn Bhd, berkata, pihaknya akan menyediakan baucar yang sama untuk pengurus pasukan atlet berkenaan.

Mei sarah.

TEAM WiPERS DISCOUNT CARD

TEAM WiPERS DISCOUNT CARD

THEW

**Liputan Majlis Penyerahan Insentif Sukan Olimpik kepada Soh Wooi Yik**



Wilayah Ku 17 - 23 SEPTEMBER 2021

Wooi Yik jadikan insentif sebagai simpanan masa depan

**Terharu diiktiraf Wilayah Persekutuan**

SUKAN

AINI MAWAWI

ATLET Wilayah Persekutuan, **Soh Wooi Yik** berhasrat untuk menyimpan insentif bernilai RM50,000 yang diperoleh daripada Majlis Sukan Wilayah Persekutuan sebagai pencapaiannya memenangi pinggat gangsa dalam acara beregu lelaki pada Sukan Olimpik Tokyo 2020 baru-baru ini.

"Saya mahu membuat simpanan sebanyak mungkin untuk masa hadapan kerana perjalanan saya masih jauh lagi. Masa muda ini saya akan manfaatkan sebaiknya untuk keluarga dan merancang hrenbeli rumah.

"Selain daripada itu, saya juga terharu Wilayah Persekutuan menghargai kejayaan yang dicapai dan hadiah ini juga menjadi motivasi kepada saya untuk terus berjuang pada kejohanan seterusnya," ujar Wooi Yik kepada Wilayahku.

Dalam masa sama, atlet lompat tinggi negara yang berusia 23 tahun ini turut merakamkan ucapan terima kasih kepada Wilayah Persekutuan kerana mengiktiraf usaha gigihnya merangkul kejayaan pada temasya tersebut.

Bakatnya dalam sukan badminton mula digilap di bangku sekolah lagi dan sering muncul juara dalam setiap kejohanan yang disertainya sehingga dunia menyaksikan kejayaan tersebut memenangi pinggat gangsa buat Malaysia baru-baru ini.

"Ketika mula terlibat dalam sukan badminton, saya pernah mewakili Wilayah Persekutuan sebanyak tiga kali iaitu pada SUKMA 2014 di Perlis, SUKMA 2016 di Sarawak dan SUKMA 2018 di Ipoh," ujarnya.

Pada kejohanan SUKMA 2016, Wooi Yik berjaya memenangi satu pinggat gangsa dalam acara beregu lelaki selain dua pinggat perak dalam acara beregu lelaki dan campuran pada SUKMA 2018.

Menyentuh tentang perkembangan terkini, dia sedang bersedia untuk mempersiapkan diri untuk menghadapi dua kejohanan berpasukan iaitu Piala Sudirman pada 26 September hingga 3 Oktober dan Piala Thomas pada 9 hingga 17 Oktober.

"Saya sudah bersedia untuk berakti cuma sekarang sedang mempersiapkan diri dari segi mental kerana membina semula kekuatan tersebut memerlukan sedikit masa. Namun saya yakin mampu memberikan yang terbaik," ujarnya.

Terdahulu, dia turut menerima insentif bernilai RM120,000 daripada Persatuan Badminton Malaysia (BAM) dan RM60,000 daripada 100PLUS.

WOOI YIK bersama replika cek insentif Wilayah Persekutuan yang diterima baru-baru ini.

Kejayaan Soh Wooi Yik

2021 - Olimpik Tokyo 2020
- Pingat Gangsa (Beregu Lelaki)

2020 - Sukan SEA, Filipina
- Pingat Emas (Beregu Lelaki)

2018 - SUKMA, Perak
- Pingat Perak

2016 - Kejohanan Antarabangsa Wilkota Surabaya (U18)
- Pingat Emas (Beregu Lelaki)

**Youngsters ready for a bite at glory**

By Fabian Peter - September 15, 2021 @ 8:00am

INSENTIF ATLET WILAYAH PERSEKUTUAN SOH WOOI YIK
PEMENANG PINGAT GANGSA DI SUKAN OLIMPIK TOKYO 2020
RM50,000.00

STRAITS TIMES

Federal Territories Minister Datuk Seri Shahidan Kassim and Soh Wooi Yik with the incentive mock cheque on Monday. PIC

BY ASYRAF HAMZAH

DESPITE their stature as Olympic bronze medallists, Aaron Chia-Soh Wooi Yik are aware that their presence in Malaysia's Thomas Cup team will not tilt the odds.

The duo admitted that Malaysia will not even be darkhorses, but underdogs at the Thomas Cup Finals in Aarhus, Denmark on Oct 9-17.




## Liputan Pelancaran Festival Seni Silat Wilayah Persekutuan



# Festival silat raih dua rekod dalam The Malaysia Book of Records



SHAHIDAN Kassim (tiga dari kiri) ketika gimik pelancaran Kehormat PESAKA pada Majlis Pelancaran Festival Seni Silat Wilayah Persekutuan 2021 di Putrajaya. - FOTO/FAISOL MUSTAFA

**PUTRAJAYA: Festival Seni Silat Wilayah Persekutuan 2021 yang julung kali dianjurkan meraih sejarah tersendiri apabila dua programnya direkodkan dalam *The Malaysia Book of Records*.**

**Dua rekod tercipta masing-masing Penganjuran Pertama Festival Silat Secara Maya dan Demonstrasi Aliran Perguruan Silat Terbanyak Secara Maya di negara ini.**

Metro

Isnin, 15 November 2021, 10:32am

# KWP cipta dua rekod MBOR dalam seni silat



SHAHIDAN (tengah) meresmikan Festival Seni Silat Wilayah Persekutuan 2021 di kementeriannya hari ini. FOTO Samadi Ahmad.

Putrajaya: Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) mencipta dua rekod dalam The Malaysian Book of Records (MBOR) sebagai Penganjur Pertama Festival Seni Silat Secara Maya dan Demonstrasi Aliran Pengurusan Silat Terbanyak Secara Maya.

Program ini diadakan sempena Festival Seni Silat Wilayah Persekutuan 2021 yang diadakan tiga hari bermula hari ini hingga Ahad.

Majlis penyampaian sijil MBOR disampaikan Pengarah Pembangunan Perniagaan MBOR, Jwan Heah Yeow kepada Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim.

Turut hadir, Timbalannya, Datuk Seri Jalaluddin Alias dan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan.

KWP, MSWP, PESAKA KL jayakan Festival Seni Silat

# Martabatkan seni silat di Wilayah

AZLAN ZAMBRY



MUZIK tradisional turut dimainkan untuk mengiringi gimik pelancaran.



ANTARA peserta yang hadir ketika Majlis Pelancaran Festival Seni Silat Wilayah Persekutuan.

**"Bagi menyemai benih agar warisan bangsa tidak luntur, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dengan kerjasama Persekutuan Silat Kebangsaan (PESAKA) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) telah menganjurkan Festival Silat Wilayah Persekutuan 2021 sebagai menifestasi mempertahankan khazanah yang tidak ternilai ini.**

KETANGKASAN pahlawan Melayu dalam mempertahankan tanah air tercatat sememangnya diakui oleh pelbagai pihak termasuklah golongan penjajah sejak berkurun tahun yang lalu.

Melalui seni bela diri yang dikenali sebagai seni silat, ia telah diwarisi dari turun-temurun membuktikan bangsa Melayu amat ekonomi dengan seni mempertahankan diri ini. Bukan sahaja untuk melindungi diri, seni silat juga mempertahankan keunikan tersendiri melalui gerak geri yang halus, langkah yang cermat dan kemas serta disulami dengan 'bunga' silat yang membawa maksud tersendiri sekali gus menjadikan ia berdaki dan terus dipelihara sehingga hari ini.

Pada era pemodenan ini, pelbagai seni bela diri telah mendapat tempat dalam kalangan generasi hari ini, namun seni silat tetap dipelihara dan terus diturunkan dari generasi ke generasi tidak lekang dimamah zaman serta bersaing dengan pelbagai cabang seni pertahanan diri yang wujud di negara ini.

Setiap awal seni silat ini tidak dapat diketahui, namun ia dipercayai mula tertabur ke Kepulauan Melayu termasuk daerah Acheh dan Kesultanan Melaka dikatakan memiliki pendekar pendekar yang mempunyai ilmu bela diri serta dapat menghimpun para-para yang berkemahiran dalam pembelaan diri dan seterusnya membentuk sebuah pasukan pertahanan demi menjaga kedaulatan dan keamanan untuk kerajaan masing-masing.

Penemuan artifak yang berbentuk senjata kuno dan simbolik dengan kepulauan Melayu telah membuktikan bahawa silat merupakan salah satu daripada kehidupan orang-orang Melayu dan ia dikuatkan lagi dengan oleh badan antarabangsa, Pertubuhan Pendidikan, Saintifik, dan Kebudayaan Perserikatan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) yang telah mengiktiraf bahawa silat dan pencak silat adalah Warisan Budaya Tidak Ketara (Intangible Cultural Heritage in Humanity) milik Malaysia pada tahun 2019 di Bogota, Colombia.

**TERIMA PENGIKTIRAFAN UNESCO**

PENGIKTIRAFAN tersebut memberi maksud bahawa silat yang berakar dalam kehidupan orang-orang melayu ini harus terus dipertahankan dan dikembangkan selari dengan kaedah pengajaran moden guru kelih ilmu persilatan di seluruh negara yang tidak jemu-mencari pelapis agar warisan bangsa ini terus makar dalam kehidupan orang-orang melayu.

Bagi menyemai benih agar warisan bangsa tidak luntur, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dengan kerjasama Persekutuan Silat Kebangsaan (PESAKA) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) telah menganjurkan Festival Silat Wilayah Persekutuan 2021 sebagai menifestasi mempertahankan khazanah yang tidak ternilai ini.

Tujuan utama penganjuran festival ini adalah untuk menyemarakkan lagi seni silat khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di samping memperkenalkan kepada generasi muda mengenai seni yang menjadi tulang belakang kepada kebebasan kerajaan melayu dahulu kala.

Festival yang berlangsung selama tiga hari dimulai dengan upacara persalinan yang disempurnakan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim. Ucikanya, penganjuran festival ini berjaya dilaksanakan dengan dukungan daripada kira-kira 46 pertubuhan persilatan di Kuala Lumpur. Malah di atas usaha tersebut, PESAKA turut menganugerahkan Setiapang Panglima Kehormat PESAKA KL kepada Shahidan sebagai tanda penghargaan terhadap usaha KWP dalam mengetahakan seni silat di Kuala Lumpur.

**CATAT DUA ANUGERAH**

MELALUI penganjuran festival ini, dua sejarah telah tercatat apabila Festival Seni Silat Wilayah Persekutuan 2021 telah dicatatkan di dalam The Malaysia Book of Records sebagai Penganjuran Pertama Festival Silat Secara Maya dan demonstrasi silat terbanyak yang membabitkan 46 aliran perguruan yang berada di seluruh negara termasuk di Kuala Lumpur, Labuan, Selangor, Kelantan, Pahang, Melaka, Perlis dan Perak turut diadakan secara maya.

Seni silat yang mula dikumpulkan sejak tahun 1970-an melalui pembabitan PESAKA kini mempunyai kira-kira 446 jenis aliran perguruan silat yang mempunyai pelanggang di seluruh negara.

Simposium Seni Silat Wilayah Persekutuan 2021 turut diadakan selama dua hari disi dengan pelbagai program seperti Bicara Pendekar yang menampilkan Presiden PESAKA, Datuk Mogat Zulkarnan Mogat Omardin, Bengkel Tengkolok, seminar mengenai peraturan baharu di dalam sukan silat dan program pembangunan akademik mengenai peluang penyelidikan dan kerjaya di dalam sukan.

Pada hari kedua simposium, acara ditutup dengan seminar mengenai Pemakaian Sukan dan bicara mengenai satu sukan dalam pencak silat yang menampilkan pemyanyi universiti tempatan.

Sebanyak empat resolusi yang terhasil daripada simposium dua hari tersebut dibacakan oleh Setiausaha Agung PESAKA Putrajaya, Azmi Nizam Imrlan dan diserahkan kepada Timbalan Ketua Setiausaha Perancangan dan Pembangunan KWP, Datuk Dr Roslan Che Daud yang mewakili Pengerusi Jawatankuasa Induk Festival Seni Silat Wilayah Persekutuan 2021.

Empat resolusi tersebut adalah menjadikan Festival Silat Wilayah bersekutuan sebagai acara tahunan KWP, mengedalkan garan penyelidikan dan pembangunan silat, mewujudkan mumum serta perlampungan silat di tiga Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur Putrajaya dan Labuan termasuk mengemarkan kejohanan silat secara tahunan di peringkat kebangsaan secara bergilir-gilir di tiga Wilayal Persekutuan.

SHAHIDAN menyalang keris sebagai simbolik perasmian Festival Seni Silat WP 2021.

Kosmo!

SUARA KONTEMPORARI



Shahidan bergambar kenangan selepas Majlis Pelancaran Festival Seni Silat Wilayah Persekutuan 2021 di Dewan Serbaguna Kementerian Wilayah Persekutuan di sini, hari ini. - Foto oleh FAISOL MUSTAFA

# Festival silat diiktiraf The Malaysia Book of Records

- Oleh MOHD HUSNI MOHD NOOR
  12 November 2021, 8:10 pm

**PUTRAJAYA – Festival Seni Silat Wilayah Persekutuan 2021 yang julung kali dianjurkan meraih sejarah tersendiri apabila dua programnya direkodkan dalam The Malaysia Book of Records.**

**Dua rekod tercipta masing-masing Penganjuran Pertama Festival Silat Secara Maya dan Demonstrasi Aliran Perguruan Silat Terbanyak Secara Maya di negara ini.**

## 5.5 PENERBITAN MSWP

Seperti tahun sebelumnya, Laporan Tahunan 2020 diterbitkan BKKSM bagi dikemukakan kepada Jemaah Menteri dan dibentangkan di Parlimen. BKKSM juga menerbitkan 'Pelan Strategik Majlis Sukan Wilayah Persekutuan 2019-2023' yang turut didaftarkan ISBN di bawah Perpustakaan Negara Malaysia.




**Laporan Tahunan 2020**




**Pelan Strategik MSWP 2019-2023**

## 5.6 SISTEM MAKLUMAT

### 5.6.1 Pengenalan

Sistem Maklumat berperanan dan bertanggungjawab dalam menguruskan hal-hal berkaitan ICT seperti berikut:

i. Keselamatan Rangkaian ICT

Memantau, memperkukuh dan mempertingkatkan keselamatan ICT bagi menjamin kesinambungan perkhidmatan di MSWP;

ii. Laman Web

Memastikan laman web sentiasa beroperasi dengan baik dan mampu menyalurkan maklumat-maklumat terkini mengenai MSWP setiap hari serta melaksanakan pengukuhan dan penyelenggaraan keselamatan laman web MSWP;

iii. Sistem Aplikasi

Memastikan sistem aplikasi dikemaskini dan dapat beroperasi dengan baik tanpa masalah yang kritikal;

iv. E-mel

Bertanggungjawab menguruskan akaun e-mel rasmi MyGovuc untuk semua kakitangan MSWP;

v. Perolehan ICT

Membantu dalam merancang, menyelaras dan melaksana perolehan ICT di MSWP;

vi. Khidmat sokongan

Menyediakan kemudahan sokongan teknikal dan bantuan khidmat nasihat berhubung perlaksanaan ICT di MSWP.

**Objektif Strategik**

Strategi 5 di Teras Strategik 5 untuk Memperkukuhkan Pengurusan dan Sistem Maklumat:

1. Mempertingkatkan sistem keselamatan ICT dan Maklumat terkini;
2. Penyampaian Maklumat secara berkesan melalui platform media digital;
3. Penyediaan dan pengukuhan kemudahan dan infrastruktur ICT; dan
4. Mewujudkan Perkhidmatan Digital.

**Fungsi Bahagian**

1. Menguruskan hal-hal yang berkaitan pembangunan sistem/aplikasi/portal;
2. Merancang, membangun, melaksana dan menyenggara sistem/aplikasi;
3. Memantau dan sebagai Pentadbir Sistem kepada Sistem SAGA, Sistem Maklumat Atlet, Staf Portal, Sistem Thumbprint dan Sistem Akses Pintu;
4. Menyenggara dan mengemaskini portal MSWP;
5. Mempromosi penggunaan sistem aplikasi ICT dan memberi khidmat sokongan;
6. Memberi latihan penggunaan sistem (*train the trainer*) kepada kakitangan MSWP;
7. Mengurus, mereka bentuk dan menyediakan bahan-bahan multimedia berkaitan ICT seperti bunting, poster, montaj, backdrop, buku aturcara dan sebagainya untuk hebahan dan majlis-majlis yang berkaitan;
8. Membangun dan menyelenggara prasarana pengkomputeran, UNIFI/ LAN ;
9. Menganalisis, memantau, melaksana dan penilaian prestasi rangkaian MSWP ;
10. Mengurus dan mengawal perolehan perkakasan dan perisian, mengawal selia keselamatan ICT, bertindak sebagai Pentadbir Pengkalan Data dan Sistem;
11. Mengurus tindakan menaik taraf peralatan ICT dan menangani kerosakan;
12. Menyediakan segala peralatan dan perisian ICT yang diperlukan bagi tujuan melicinkan perjalanan seminar/ kursus/latihan dan mesyuarat;
13. Menguruskan, menyelenggara dan menyimpan peralatan-peralatan ICT di MSWP termasuklah memudah cara urusan pinjaman peralatan-peralatan ICT berkenaan; dan
14. Mentadbir urus akaun-akaun emel MyGovuc bagi semua pengguna di MSWP dengan melaksanakan kerja pentadbiran emel seperti pewujudan, pengemaskinian, pengarkiban dan penghapusan akaun emel MyGovuc.

### 5.6.2 Perolehan Dan Perkhidmatan ICT Tahun 2021

Bagi tahun 2021, selain memperbaharui lesen bagi firewall MSWP setiap tahun, Sistem Maklumat juga telah melaksanakan beberapa perolehan dan perkhidmatan baru antaranya seperti berikut:

**1. Pembangunan Laman Web Baru Majlis Sukan Wilayah Persekutuan**



**Halaman Utama Laman Web Majlis Sukan Wilayah Persekutuan**




## Ciri – Ciri Baru Laman Web Majlis Sukan Wilayah Persekutuan

Pembangunan semula Laman Web Majlis Sukan Wilayah Persekutuan adalah untuk menambah baik sistem perkhidmatan dan hebahan di laman web MSWP sebelum ini. Laman web ini telah ditambah baik dengan ciri-ciri baru yang lebih mesra pengguna, *responsive*, menggunakan teknologi baru seperti penggunaan "*chatbot*" serta dilengkapi dengan sijil keselamatan SSL yang selamat. Laman web ini juga dibangunkan bagi memenuhi keperluan kriteria Sistem Pemantauan Laman Web dan Perkhidmatan Dalam Talian Kerajaan (SPLaSK) serta mematuhi pekeliling Pembangunan Laman Web Sektor Awam. Pembangunan Laman Web ini telah bermula pada 10 Mei 2021 dan berjaya "*live*" sepenuhnya pada 6 Ogos 2021.

## 2. Perkhidmatan Pemasangan Kelengkapan Bilik Mesyuarat Dan Bilik Seminar Di Majlis Sukan Wilayah Persekutuan



Pemasangan pembesar suara di Bilik Mesyuarat Ahmad Phesal



Perkakasan yang telah selesai dipasang di bilik seminar

Bagi memperkasakan teknologi terkini, dua bilik mesyuarat dan satu bilik seminar yang ada di MSWP telah dinaik taraf kepada ruangan yang lebih lengkap dan lebih baik. Antara perkakasan yang ditambah dan dinaik taraf merupakan penggantian semua kabel lama yang ada di dalam bilik mesyuarat kepada kabel HDMI, penukaran peralatan ICT yang baru dan penambahan peralatan sistem bunyi dan pembesar suara. Bilik Mesyuarat Ahmad Phesal dan bilik seminar telah dilengkapi dengan pemasangan pembesar suara dan kemudahan ICT seperti projektor baru, layar bermotor dan *wireless microphone*. Susunan semula kabel bagi sistem persidangan video juga telah dibuat supaya lebih tersusun dan kemas. Kerja-kerja pemasangan telah bermula pada 2 Disember sehingga 23 Disember 2021.

## 3. Pembangunan *Athlete Performance Monitoring Systems* (APMS)




Halaman utama APMS

*Athlete Performance Monitoring Systems* (APMS) dibangunkan bertujuan untuk digunakan oleh Unit Latihan Suaian Fizikal

(S&C) dibawah WiPers Performance Center (WPC). Bagi memastikan program latihan suaian fizikal yang lebih sistematik, APMS telah dibangunkan bagi memudahkan sistem pemantauan latihan fizikal serta ujian kecergasan atlet untuk Majlis Sukan Wilayah Persekutuan dilaksanakan secara atas talian. Sistem ini menggantikan data berkaitan atlet dan program latihan yang kendalikan secara manual. Semua rekod berkaitan dengan atlet termasuk maklumat peribadi, maklumat program latihan, maklumat kemajuan latihan atlet, maklumat prestasi atlet termasuk secara individu dan berkumpulan akan direkodkan ke dalam sistem mengikut perincian yang disediakan. Sistem ini boleh diakses oleh atlet, jurulatih, pentadbir sistem dan juga pengurusan.

**4. Perkhidmatan Penyelenggaraan Dan Baik Pulih Controller Access Pintu Dan Pemasangan Suis Keluar Secara Fizikal Bagi Kes-Kes Kecemasan Di MSWP**




Sebelum pemasangan suis keluar




Selepas pemasangan suis keluar

Salah satu *controller* akses pintu MSWP mengalami kerosakan dan melumpuhkan kawalan akses pintu di pejabat MSWP. Penyelenggaraan dan baik pulih semula kerosakan untuk *controller* yang terjejas mengambil sedikit masa untuk dibaiki. Bagi mengatasi masalah ini, baik pulih segera telah dilaksanakan dan penambahan suis akses pintu keluar secara fizikal di setiap pintu keluar pejabat juga telah dibuat berdasarkan teguran dari pemeriksaan pihak Bomba. MSWP telah diberi teguran untuk memasang suis akses pintu keluar secara fizikal di setiap pintu keluar pejabat kerana sekiranya berlaku kes-kes kecemasan seperti kebakaran, semua akses pintu di dalam server dikhuatiri tidak berfungsi dan mengakibatkan kakitangan terperangkap di dalam pejabat. Sebagai langkah pencegahan, MSWP telah mengambil tindakan segera memasang suis akses pintu keluar secara fizikal di setiap pintu keluar MSWP. Pemasangan suis tambahan dan baik pulih *controller* selesai dilaksanakan pada April 2021

**5. Pembangunan Aplikasi Telefon Bimbit *Athlete Tracking System* (ATS)**






Antara muka paparan aplikasi telefon bimbit ATS

Satu aplikasi telefon bimbit telah dibangunkan untuk memaparkan, mengemaskini maklumat serta merekodkan kedatangan atlet bagi sesi latihan dengan hanya menerusi aplikasi di telefon bimbit berbanding secara manual sebelum ini. Aplikasi telefon bimbit ini boleh digunakan di platform iOS dan Android serta memberi kemudahan dalam menyiarkan dan membuat hebahan bahan edaran seperti poster program, aktiviti, acara, jadual latihan, pertandingan, takwim dan latihan oleh MSWP. Selain itu juga, aplikasi ATS juga dapat menghubungkan paparan maklumat laman web rasmi MSWP secara terus ke aplikasi.

**Rumusan**

Secara keseluruhannya, tahun 2021 menyaksikan peranan BKKSM dalam memperkukuhkan pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) membabitkan infrastruktur ICT terutama sekali ketika negara masih terkesan dengan pandemik Covid-19. BKKSM memperkukuhkan penggunaan persidangan secara maya bagi kegunaan mesyuarat dan juga penyediaan platform Webinar.

Ketika berlangsungnya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), penganjuran WiPers Performance Challenge 2021 menerima sambutan hebat. Sebanyak lima Perjanjian Persefahaman (MoU) turut ditandatangani bersama Universiti Islam Antarabangsa (UIA), MAHSA Universiti, KPNP Malaysia, Paragon Vest Sdn Bhd dan Persekutuan Judo Malaysia yang diadakan secara serentak bagi membangunkan sukan di Wilayah Persekutuan terutama dalam aspek perkembangan pendidikan atlet dan penyelidikan sukan. Sebanyak 30 laporan akhbar membabitkan tujuh program/aktiviti utama anjuran MSWP turut diterbitkan sepanjang tahun lepas sementara video informasi pendek turut diterbitkan secara berkala di media sosial dan laman web MSWP.

Tahun 2021 turut menyaksikan pembangunan lama web MSWP yang baru serta pembangunan *Athlete Performance Monitoring System* (APMS) yang digunakan Unit Latihan Suaian Fizikal bagi memantau latihan fizikal serta ujian kecergasan atlet Wilayah Persekutuan.





# 6.0 BAHAGIAN FASILITI DAN SAINS SUKAN

# 6.0 BAHAGIAN FASILITI DAN SAINS SUKAN

## 6.1 PENGENALAN

Bahagian Fasiliti dan Sains Sukan (FSS) ditubuhkan bagi memastikan program sokongan dan keperluan atlet serta jurulatih untuk menjalani latihan dengan baik dan sistematik.

Bagi memastikan latihan berjalan dengan lancar, keperluan fasiliti latihan perlu dilengkapkan mengikut keperluan setiap sukan. MSWP telah menjalankan kerjasama yang baik bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Wilayah Persekutuan dalam menyediakan fasiliti latihan yang lengkap dan bertaraf antarabangsa.

Selain itu, sokongan sains sukan juga disediakan bagi memastikan latihan sampingan yang membantu dalam peningkatan prestasi setiap atlet. Program sokongan yang menjadi keutamaan dalam sokongan sains sukan ialah latihan suaian fizikal dan kecergasan, ujian kecergasan, pemeriksaan fizikal atlet, pemulihan kecederaan sukan dan latihan psikologi sukan.

Tahun 2021 merupakan tahun yang mencabar bagi penggiat sukan di Malaysia. Walau bagaimanapun, MSWP perlu memastikan kecergasan atlet serta memastikan atlet sentiasa berada dalam prestasi yang terbaik. Pelbagai kaedah dan program telah dijalankan oleh FSS untuk membantu dalam meningkatkan prestasi dan ilmu pengetahuan jurulatih dan atlet. FSS juga telah memastikan penggunaan sistem latihan dan sistem penyimpanan data yang lebih efisien agar program latihan yang sedia ada berjalan lancar.

## 6.2 FUNGSI BAHAGIAN FASILITI DAN SAINS SUKAN

**6.2.1 Penyediaan Program Latihan Suaian Fizikal.**

**6.2.2 Menjalankan Program Ujian Kecergasan (Umum Dan Spesifik) Bagi Atlet Wilayah Persekutuan.**

**6.2.3 Menyediakan Perkhidmatan Fisioterapi Dan Pemulihan Kecederaan.**

**6.2.4 Menyediakan Latihan Khas Psikologi Sukan.**

**6.2.5 Pemeriksaan Kecederaan Dan Kesihatan.**

**6.2.6 Membantu Dalam Penyediaan Pusat Latihan Atlet SUKMA Wilayah Persekutuan.**

## 6.3 OBJEKTIF STRATEGIK BAHAGIAN FASILITI DAN SAINS SUKAN

Dalam usaha mengukuhkan keberkesanan program yang dirancang untuk jurulatih dan atlet WiPers, FSS telah berteraskan Teras Strategik 1 – Mempertingkatkan Prestasi Atlet ke Tahap Cemerlang di dalam Pelan Strategik MSWP 2019 – 2023 dengan memastikan Strategi 4 iaitu Pengukuhan Program Sains Sukan di Wilayah Persekutuan diteruskan dengan menyediakan program sokongan seperti program ujian kecergasan atlet, program latihan suaian fizikal serta program rawatan kecederaan dan pemulihan kecederaan.

Bagi memastikan MSWP tidak ketinggalan dalam penyediaan fasiliti latihan, FSS memastikan Teras Strategik 4 iaitu Membangun dan Menyediakan Fasiliti Latihan Untuk Pembangunan Sukan dipatuhi. Dengan memastikan Strategi 1 – Menyediakan Pelan Pembangunan Fasiliti tercapai, FSS telah mendapatkan pemilikan tanah bagi tujuan pembangunan fasiliti sukan di Lot 22515 Mukim Setapak. Selain itu, FSS juga telah menyediakan tempat latihan bagi atlet WiPers melalui kaedah penyewaan fasiliti dan hasil kerjasama dengan agensi kerajaan dan swasta. Kaedah ini menyokong Strategi 2 iaitu Mewujudkan Fasiliti Latihan Bagi Pembangunan Sukan.

## 6.4 LATIHAN SUAIAN FIZIKAL DAN KECERGASAN ATLET

Program Latihan Suaian Fizikal adalah merangkumi latihan bebanan dan suaian fizikal kepada atlet WiPers. Pelan latihan ini akan disediakan oleh FSS melalui Jurulatih Kecergasan lantikan MSWP. Program ini bertujuan bagi memastikan atlet dalam keadaan bersedia dan mengurangkan risiko kecederaan. Latihan ini dijalankan

melalui dua kaedah iaitu secara atas talian dan secara fizikal. Program ini berjalan lancar dan telah memberi impak yang besar terhadap atlet. Program ini telah membantu mencapai prestasi terbaik dan diterjemahkan semasa menyertai kejohanan dan pertandingan.

Oleh itu, FSS telah mengambil inisiatif dalam meningkatkan tahap penyimpanan data dan rekod latihan atlet. FSS dengan kerjasama BKKSM telah membangunkan sistem "*Athlete Performance Monitoring System*" (APMS) bagi tujuan penyimpanan data latihan serta membantu dari sudut analisa prestasi atlet.

### 6.4.1 Bilangan Atlet Yang Menjalani Latihan Secara Atas Talian

| Bil. | Jenis Sukan | Bilangan Sesi |
|---|---|---|
| 1. | Perahu Layar | 21 |
| 2. | Hoki Lelaki | 18 |
| 3. | Hoki Wanita | 16 |
| 4. | Kanu | 16 |
| 5. | Bola Tampar Pantai Wanita | 21 |
| 6. | Memanah | 20 |
| 7. | Bola Tampar Dewan | 20 |
| 8. | Bola Keranjang Wanita | 15 |
| 9. | Pencak Silat | 16 |
| 10. | Olahraga | 18 |
| 11. | Muaythai | 16 |
| 12. | Tenpin Boling | 15 |
| 13. | Bola Jaring | 14 |
| 14. | Skuasy | 14 |
| 15. | Pentaque | 15 |
| 16. | Boling Padang | 10 |
| 17. | Ragbi Lelaki | 13 |
| 18. | Bola Tampar Pantai Lelaki | 8 |
| 19. | Kriket | 9 |
| 20. | Gimrama | 8 |
| 21. | Sepak Takraw | 5 |
| 22. | Gimnastik | 6 |
| 23. | Angkat Berat | 1 |
| 24. | Badminton | 1 |
| Jumlah | | 316 sesi |

### 6.4.2 Bilangan Atlet Yang Menjalani Latihan Secara Fizikal

| Bil. | Jenis Sukan | Bilangan Atlet |
|---|---|---|
| 1. | Kanu | 32 |
| 2. | Pelayaran | 11 |
| 3. | Hoki Lelaki | 17 |
| 4. | Bola Keranjang Lelaki | 12 |
| 5. | Tenpin Boling | 13 |
| 6. | Olahraga | 5 |

| Bil. | Jenis Sukan | Bilangan Atlet |
|---|---|---|
| 7. | Silat | 5 |
| 8. | Boling Padang | 15 |
| 9. | Renang | 13 |
| 10. | Petanque | 19 |
| 11. | Bola Tampar Pantai | 5 |
| 12. | Hoki Wanita | 17 |
| Jumlah | | 156 atlet |



Jurulatih kecergasan mengetuai sesi pemanas badan pasukan Hoki Wanita semasa kejohanan



Kunci kejayaan dalam menjalani latihan kecergasan adalah sentiasa fokus dan berdisiplin



Atlet Labuan juga tidak ketinggalan menjalani latihan di Gimnasium WiPers Labuan



Atlet Sukan Tinju fokus menjalani latihan bebanan di dalam gimnasium

## 6.5 UJIAN KECERGASAN ATLET

Dengan cabaran pandemik yang melanda negara, atlet kurang menjalani latihan fizikal secara spefisik dan juga tidak berpeluang menyertai kejohanan berikutan larangan bagi penganjuran sukan. Berikutan situasi ini, dengan mengaplikasikan sistem analisa prestasi APMS, FSS telah merancang program ujian kecergasan bagi menilai semula tahap kecergasan atlet WiPers. Dengan penilaian semula ini, jurulatih dapat mengenal pasti kekurangan dan merancang semula program yang diperlukan bagi membantu atlet kembali ke prestasi sebenar.

### 6.5.1 Bilangan Ujian Kecergasan Mengikut Sukan

| Bil. | Jenis Sukan | Bilangan Sesi |
|---|---|---|
| 1. | Tenpin Boling | 1 |
| 2. | Bola Keranjang | 1 |
| 3. | Judo | 1 |
| 4. | Muaythai | 1 |
| 5. | Pelayaran | 1 |
| 6. | Ragbi Lelaki | 1 |
| 7. | Sepak Takraw | 2 |
| 8. | Tinju | 1 |
| 9. | Tinju (Bakat) | 1 |
| 10. | Kanu | 1 |
| 11. | Kanu (Bakat) | 1 |
| Jumlah | | 12 sesi |

### 6.5.2 Bilangan Atlet Yang Menjalani Ujian Kecergasan

| Bil. | Jenis Sukan | Bilangan Atlet |
|---|---|---|
| 1. | Tenpin Boling | 13 |
| 2. | Bola Keranjang | 8 |
| 3. | Judo | 10 |
| 4. | Muaythai | 16 |
| 5. | Pelayaran | 7 |
| 6. | Ragbi Lelaki | 10 |
| 7. | Sepak Takraw | 18 |
| 8. | Tinju | 10 |
| 9. | Tinju (Bakat) | 16 |
| 10. | Kanu | 27 |
| 11. | Kanu (Bakat) | 7 |
| Jumlah | | 142 atlet |

### 6.5.3 Tahap Kecergasan Atlet Wilayah Persekutuan





Atlet Ragbi Lelaki menjalani ujian kecergasan



Pasukan Hoki Lelaki mendengar penjelasan dan taklimat sebelum ujian kecergasan bermula



Atlet pelapis sukan Berbasikal juga menjalani ujian kecergasan disamping meningkatkan pengetahuan dalam bidang Sains Sukan



Jurulatih kecergasan mengambil bacaan ujian fleksibiliti

## 6.6 PERKHIDMATAN PEMULIHAN KECEDERAAN SUKAN

Berikutan perintah larangan dan pembatalan kejohanan, atlet telah mengalami perubahan kaedah latihan yang mendadak dan telah memberi impak kepada fiizikal atlet. Pada tahun 2021, latihan sukan secara fizikal dan beberapa kejohanan sukan telah dibenarkan berlangsung. Situasi ini telah meningkatkan peratusan atlet yang mengalami kecederaan dan telah menerima rawatan di pusat rawatan MSWP. Berikut adalah informasi berkenaan rawatan dan pemulihan kecederaan sukan MSWP.

### 6.6.1 Jumlah Sesi Rawatan Dan Pemulihan Kecederaan Bagi Tahun 2021

| Bulan | Bilangan Sesi |
|---|---|
| Januari | 9 |
| Februari | 28 |
| Mac | 52 |
| April | 64 |
| Mei | 29 |

| Bulan | Bilangan Sesi |
|---|---|
| Jun | 30 |
| Julai | 27 |
| Ogos | 61 |
| September | 55 |
| Oktober | 56 |
| November | 20 |
| Disember | 61 |
| Jumlah | 492 sesi |

Sepanjang sesi rawatan dan pemulihan kecederaan dijalankan, pakar perubatan sukan dan ahli fisioterapi MSWP mendapati terdapat beberapa jenis kecederaan yang kerap dialami oleh atlet Wipers. Jenis – jenis kecederaan adalah kecederaan otot, tendon, ligamen, meniskus dan kecederaan tulang belakang. Kecederaan ini boleh dirumuskan sebagai kurangnya latihan bebanan yang bersesuian mengikut jenis sukan yang diceburi.

### 6.6.2 Bilangan Jenis Kecederaan

| Jenis Kecederaan | Bilangan Kes |
|---|---|
| Otot | 120 |
| Tendon | 54 |
| Ligamen | 112 |
| Meniskus | 130 |
| Tulang belakang | 55 |
| Lain–lain kecederaan | 21 |
| Jumlah | 492 kes |



Atlet Tenpin Boling menerima rawatan susulan selepas menyertai kejohanan



Rawatan segera terus dijalankan bagi tujuan pemulihan yang pantas dan efisien



Atlet Silat diperiksa bagi memastikan tahap kecederaan yang dialami



Program dijalankan secara bersemuka di Hotel Pullman, Kuala Lumpur yang dihadiri oleh semua jurulatih lantikan MSWP



Fisioterapi sukan MSWP memantau atlet menjalani latihan pemulihan otot



En. Zulkefli Sharef memberikan taklimat dan matlumat berkenaan tanggungajawab atlet dan jurulatih dalam Anti-Doping

## 6.7 SEMINAR PEMBANGUNAN KEJURULATIHAN MSWP

Bagi memastikan jurulatih sentiasa peka dan tidak ketinggalan, MSWP telah mengambil inisiatif dan mengambil kesempatan dengan menganjurkan program Pembangunan Kejurulatihan MSWP bagi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran jurulatih dalam aspek sains sukan secara spesifik mengikut keperluan sukan masing-masing. Dengan menerapkan aspek sains sukan terhadap jurulatih, MSWP berharap ilmu pengetahuan yang dikongsi dapat digunakan dan diterjemahkan di dalam latihan dan kejohanan.




Webinar yang telah dianjurkan oleh FSS




Jemputan terdiri daripada pakar-pakar yang berpengalaman dalam bidang sains sukan

## 6.8 PUSAT LATIHAN ATLET WILAYAH PERSEKUTUAN

Adalah menjadi tanggungjawab MSWP untuk menyediakan pusat latihan yang berkualiti dan kondusif bagi atlet dan jurulatih WiPers. Kerjasama PBT Wilayah Persekutuan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Perbadanan Labuan telah banyak membantu dalam menyediakan pusat latihan yang terbaik dan bertaraf antarabangsa. Selain itu, kerjasama turut dijalinkan bersama beberapa pusat pengajian tempatan, agensi kerajaan lain dan juga pihak swasta di sekitar Wilayah Persekutuan.

Pada tahun 2021, MSWP telah menaiktaraf keadaan gimnasium MSWP dan telah dijenamakan sebagai "WiPers *Performance Center* (WPC)" yang merupakan pusat sehenti bagi program sokongan sains sukan yang disediakan oleh pihak MSWP. Selain itu, MSWP juga telah merangka pelan perancangan bagi mewujudkan Kompleks Sukan Tempur Wilayah Persekutuan dan Kompleks Sukan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan sebagai pusat utama sukan prestasi tinggi di Wilayah Persekutuan.




WiPers *Performance Center* (WPC)



WPC dilengkapi peralatan latihan yang terbaik dan lebih sistematik



Cadangan fasiliti Kompleks Sukan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan



Akan dilengkapi dengan pelbagai jenis gelanggang dan ruang latihan yang bertaraf antarabangsa



# 7.0 MAJLIS SUKAN KAWASAN PENTADBIRAN



# 7.0 MAJLIS SUKAN KAWASAN PENTADBIRAN

## 7.1 PENGENALAN

Majlis Sukan Wilayah Persekutuan telah menubuhkan Majlis Sukan Kawasan Pentadbiran (MSKP) pada 5 Mei 2020. MSKP ditubuhkan sepertimana yang ditetapkan di bawah Kaedah 7 Perintah Majlis Sukan Negara Malaysia (Pengubahsuaian) 2006. Tujuan penubuhan adalah untuk memajukan sukan di Wilayah Persekutuan khususnya mengadakan kemudahan yang cukup bagi kemajuan sukan prestasi tinggi di Wilayah Persekutuan.

Untuk makluman, terdapat tiga (3) MSKP di Wilayah Persekutuan iaitu MSKP Kuala Lumpur yang dikenali sebagai Majlis Sukan Kuala Lumpur, MSKP Putrajaya sebagai Majlis Sukan Putrajaya dan MSKP Labuan sebagai Majlis Sukan Labuan. Bagi menyelaras dan membantu dalam pelaksanaan program di MSKP.

Dengan penubuhan MSKP ini akan merancakkan lagi pembangunan sukan di Wilayah Persekutuan terutamanya peringkat akar umbi selain memartabatkan kecemerlangan sukan di Wilayah Persekutuan. Selain itu, MSKP merupakan pelengkap kepada ekosistem pembangunan sukan Wilayah Persekutuan.

### 7.1.1 Peranan MSKP

1. Membantu melaksanakan program pembangunan sukan di peringkat akar umbi.
2. Mengenalpasti pusat latihan sukan sedia ada dan membantu menyediakan kemudahan latihan di kawasan masing-masing.
3. Menganjurkan program atau aktiviti sukan di kalangan masyarakat setempat sekali gus menjadi medium mengerakkan pembangunan sukan di Wilayah Persekutuan.



## 7.2 MAJLIS SUKAN KUALA LUMPUR DAN MAJLIS SUKAN PUTRAJAYA

### 7.2.1 Senarai Ahli Majlis Sukan Kuala Lumpur Sesi 2020-2022

| Bil. | Nama | Jawatan Agensi | Jawatan |
|---|---|---|---|
| 1. | Datuk Seri Mahadi bin Che Ngah | Datuk Bandar Kuala Lumpur | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Anwar bin Mohd Zain | Pengarah Eksekutif<br>(Pembangunan Sosio Ekonomi)<br>Dewan Bandaraya Kuala Lumpur | Timbalan Pengerusi |
| 3. | Khairul Azmir bin Ahmad | Pengarah<br>Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan<br>Dewan Bandaraya Kuala Lumpur | Setiausaha |
| 4. | Dr. Hasnul Faizal bin Hushin Amri | Pengarah<br>Majlis Sukan Wilayah Persekutuan | Ahli |
| 5. | | Pengarah<br>Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | Ahli |
| 6. | Mohamad bin Hamim @ Mohamed Kamaruddin | Pengarah<br>Jabatan Kewangan<br>Dewan Bandaraya Kuala Lumpur | Ahli |
| 7. | Asmori bin Sa'ahari | Pengarah<br>Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | Ahli |
| 8. | Datuk Sulaiman bin Mohamed | Presiden<br>Kelab Sukan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur | Ahli |
| 9. | Dato' Sri Jahaberdeen bin YM Mohamed Yunoos | Presiden<br>Persatuan Badminton Kuala Lumpur | Ahli |
| 10. | Rasila binti Hamzah | Presiden<br>Persatuan Bola Jaring Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | Ahli |
| 11. | Muregesu Soosaimany | Setiausaha Kehormat<br>Persatuan Olahraga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | Ahli |
| 12. | Tang Kwai Mae | Setiausaha Kehormat<br>Persatuan Renang Amatur Kuala Lumpur | Ahli |
| 13. | Arivalagan a/l Ponniyah | Persatuan Karate | Ahli |
| 14. | Wong Kang Woon | KPNP Malaysia Plt. | Ahli |
| 15. | Dr. Mohd Salleh Aman | UM | Ahli |

### 7.2.2 SENARAI AHLI MAJLIS SUKAN PUTRAJAYA SESI 2020-2022

| Bil. | Nama | Jawatan Agensi | Jawatan |
|---|---|---|---|
| 1. | Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain | Presiden<br>Perbadanan Putrajaya | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Nik Shukri bin Nik Soh | Naib Presiden<br>(Perkhidmatan Bandar)<br>Perbadanan Putrajaya | Timbalan Pengerusi |
| 3. | Muhammad Zaidi bin Abdul Wahab | Ketua Penolong Pengarah<br>Perbadanan Putrajaya | Setiausaha |
| 4. | Suhaila binti Eleas | Naib Presiden<br>(Kewangan)<br>Perbadanan Putrajaya | Ahli |
| 5. | Dr. Hasnul Faizal bin Hushin Amri | Pengarah<br>Majlis Sukan Wilayah Persekutuan | Ahli |
| 6. | Hajah Farizah binti Ahmad | Pengarah<br>Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya | Ahli |
| 7. | Asmori bin Haji Sa'ahari | Pengarah<br>Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | Ahli |
| 8. | Ahmad Janius bin Abdullah | Setiausaha<br>Persatuan Angkat Berat Putrajaya | Ahli |
| 9. | Mohd Saiful bin Abdul Jalil | Setiausaha<br>Persatuan Berbasikal Putrajaya | Ahli |
| 10. | Hanifah Yong Yin Fah | Pengerusi Pembangunan<br>Malaysian Waterski & Wakeboard Federation (MWWF) | Ahli |
| 11. | Muhammad Farhan bin Zakaria | Persatuan Skuasy Wilayah Persekutuan Putrajaya | Ahli |
| 12. | Ahmad Faisal bin Abdul Karim | Presiden<br>Persatuan Bola Sepak Putrajaya | Ahli |
| 13. | Mohd Tamizi bin Jaafar | Presiden<br>Ragas Sport Climbing Club | Ahli |
| 14. | Rosli bin Abdul Talib | Pengarah<br>Bahagian Perkhidmatan Komuniti<br>Perbadanan Putrajaya | Ahli |
| 15. | Mohd Suffian bin Mohd Salleh | Ketua Penolong Pengarah Kesihatan Persekitaran Kementerian Kesihatan Malaysia | Ahli |

## 7.3 MAJLIS SUKAN LABUAN

### 7.3.1 Pengenalan

Majlis Sukan Labuan (MSL) merupakan sebuah organisasi yang bertanggungjawab menjalankan fungsi pentadbiran dan pembangunan sukan di Wilayah Persekutuan Labuan yang meliputi aspek pembangunan bakat sukan di peringkat akar umbi mahupun di peringkat komuniti. Sehubungan dengan itu juga, inisiatif menyelaras serta menstruktur semula Majlis Sukan Kawasan Pentadbiran di tiga wilayah termasuk Labuan melalui pindaan dasar tanpa menafikan status persatuan sebagai persatuan negeri. Maka Majlis Sukan Labuan diberi nafas baru serta pengurusan yang lebih efektif, selaras dengan Pelan Pembangunan Sukan Wilayah Persekutuan 2020 – 2030.

Berikut adalah fungsi utama Majlis Sukan Labuan

1. Menyelaras dan menjalankan peranan utama MSWP di Wilayah Persekutuan Labuan.
2. Memberi fokus kepada Pembangunan Sukan di Wilayah Persekutuan Labuan.
3. Menyelaras dan menjalankan program bakat sukan di Wilayah Persekutuan Labuan seiring dengan Program Bakat Sukan Wilayah (BSW).
4. Memantau prestasi atlet SUKMA di Wilayah Persekutuan Labuan.
5. Menjalankan peranan sebagai medium perhubungan badan sukan serta jurulatih di Wilayah Persekutuan Labuan.

Pelbagai program pembangunan serta penggalakan sukan telah dijalankan merangkumi pelbagai aspek iaitu pemantauan berterusan atlet sukan berprestasi tinggi, program penggalakan sukan (Sukan Massa), bengkel pengurusan sukan, program pembangunan bakat sukan, serta program pendidikan dan pentauliahan sijil berkaitan sukan bagi memastikan agar Labuan tidak ketinggalan dan terus seiring dengan wilayah lain.

**Senarai Persatuan Sukan Dibawah Program MSL:**

| Bil. | Persatuan Sukan |
|---|---|
| 1. | Persatuan Boling Padang Labuan |
| 2. | Persatuan Karate WP Labuan |
| 3. | Persatuan Pencak Silat WP Labuan |
| 4. | Persatuan Ragbi Labuan |
| 5. | Persatuan Tomoi Wilayah Persekutuan Labuan |
| 6. | Persatuan Sepak Takraw Wilayah Persekutuan Labuan |
| 7. | Persatuan Bola Sepak Labuan |
| 8. | Persatuan Memanah Labuan |
| 9. | Persatuan Badminton Labuan |
| 10. | Persatuan Olahraga Amatur Wilayah Persekutuan Labuan |
| 11. | Persatuan Bina Badan W.P Labuan |
| 12. | Persatuan Akuatik Wilayah Persekutuan Labuan |
| 13. | Persatuan Renang Labuan |
| 14. | Persatuan Bola Tampar Amatur Labuan |
| 15. | Persatuan Kanu Labuan |
| 16. | Persatuan Sukan dan Rekreasi Orang Kurang Upaya WP Labuan |
| 17. | Persatuan Wushu Labuan |
| 18. | Persatuan Petanque W.P Labuan |
| 19. | Persatuan Tinju Amatur Wilayah Persekutuan Labuan |
| 20. | Persatuan Tenis Wilayah Persekutuan Labuan |

| Bil. | Persatuan Sukan |
|---|---|
| 21. | Persatuan Ping Pong Wilayah Persekutuan Labuan |
| 22. | Persatuan Sukan Elektronik Wilayah Persekutuan Labuan |
| 23. | Kelab Olahraga Bandar Labuan |
| 24. | Kelab Pelayaran Victoria |

**Aktiviti/Program Yang Telah Dilaksanakan Sepanjang 2021**

| Bil. | Program | Tarikh |
|---|---|---|
| 1. | Persatuan Ragbi Labuan<br><br>Bantuan Peralatan | 21 Januari 2021 |
| 2. | Kerja Pemindahan Pusat Latihan Sukan Tempur ke Gelanggang Gasing, Kompleks Sukan Laut Antarabangsa | 8 Mac 2021 |
| 3. | Persatuan Akuatik W.P Labuan<br><br>Kem Bakat Renang Peringkat W.P Labuan Siri 1 | 27 Mac – 10 April 2021 |
| 4. | Jemputan Seminar Kejurulatihan dan Pembangunan Sukan 2021 peringkat Wilayah Persekutuan | 10 – 11 April 2021 |
| 5. | Persatuan Karate Wilayah Persekutuan Labuan<br><br>Program Virtual E-Class W.P Labuan | Mac – Disember 2021 |
| 6. | Persatuan Karate Wilayah Persekutuan Labuan<br><br>Bantuan ke Pemilihan Program Pelapis (Karate) Kumite dan Kata Kebangsaan bagi tahun 2021 | 2 – 4 April 2021 |
| 7. | Persatuan Tinju Wilayah Persekutuan Labuan<br><br>Penyertaan ke kejohanan Tinju Remaja Kebangsaan SUKMA AGE 2021 | 5 – 10 April 2021 |
| 8. | Persatuan Bola Tampar Amatur Labuan<br><br>Kem Bakat Bola Tampar Pantai peringkat Wilayah Persekutuan Labuan | 10 April 2021 |
| 9. | Persatuan Ragbi Labuan<br><br>*Beach Tag Rugby* | 10 April 2021 |
| 10. | Majlis Sukan Labuan dan Perbadanan Labuan<br><br>Merdeka *Flag Run* Peringkat WP Labuan | 22 Ogos 2021 |
| 11. | Bola Tampar Amatur Labuan<br><br>Permohonan Pembelian Peralatan Sukan Bola Tampar Pantai | 17 September 2021 |
| 12. | Webinar SOP Sukan dengan kerjasama JBS Labuan<br><br>(4 siri) | 21 – 24 September 2021 |
| 13. | Persatuan Ragbi Labuan<br><br>Bantuan Atlet Nuramira ke Pusat Latihan Malaysia Ragbi | 1 Oktober 2021 |

| Bil. | Program | Tarikh |
|---|---|---|
| 14. | Persatuan Kanu Labuan<br>TID Klinik Asas Kayak | 16 - 17 Oktober 2021 |
| 15. | JBS Labuan dan AKBG<br>*Caddy Service Outreach* dan Klinik Asas Golf | 17 – 20 Oktober 2021 |
| 16. | Kelab Olahraga Bandar Labuan<br>Klinik dan Kem Olahraga | 22 – 24 Oktober 2021 |
| 17. | Kelab Sukan Elektronik Maida<br>Sukan Parlimen (FIFA21 Labuan) E-Sports SUKPAR | 25 Oktober 2021 |
| 18. | Persatuan Ragbi Labuan<br>Bantuan Pembelian *Scrum Machine* | 2 November 2021 |
| 19. | Persatuan Ragbi Labuan<br>Bantuan ke Kejohanan Royal 7'S – Terengganu | 8 – 14 November 2021 |
| 20. | Persatuan Sepak Takraw Labuan<br>Klinik dan Kejohanan Sepak Takraw Tertutup WP Labuan | 13 – 14 November 2021 |
| 21. | Persatuan Boling Padang WP Labuan<br>*Lawn Bowls Open Pairs* Remaja U30 Tertutup WP Labuan | 19 – 21 November 2021 |
| 22. | Persatuan Bola Tampar Amatur WP Labuan<br>Bengkel Kejurulatihan Sukan Bola Tampar Prestasi Tinggi Peringkat WP Labuan | 3 Disember 2021 |
| 23. | Kelab Berbasikal *Road Cyclists*<br>*Labuan Closed Team Time Trials* dan Klinik Bakat Berbasikal | 4 Disember 2021 |

Majlis Sukan Labuan merupakan sebuah badan sukan yang bernaung di bawah MSWP yang bertanggungjawab untuk menjalankan fungsi MSWP di Labuan. Penstrukturan Majlis Sukan Labuan adalah melalui permohonan penubuhan MSKP di dalam Mesyuarat Ahli Majlis Sukan Wilayah Persekutuan pada 29 April 2020. MSKP ini merangkumi ketiga – tiga wilayah iaitu Majlis Sukan Kuala Lumpur, Majlis Sukan Putrajaya dan Majlis Sukan Labuan.

Selaras dengan kelonggaran kepada aktiviti sukan dan rekreasi pada PPN, pelbagai aktiviti telah dirancang dan dilaksanakan bagi mengerakkan kembali program sukan di Wilayah Persekutuan Labuan. Program seperti Klinik Bakat Sukan dan kejohanan dalaman amat signifikan untuk persatuan memulakan semula latihan serta merencana program serta aktiviti tahunan.

Bagi memperkasa dan meningkatkan tahap pengurusan sukan di kalangan persatuan sukan, beberapa siri webinar dan kursus telah dilaksanakan sepanjang 2021 iaitu 4 siri Webinar SOP Etika dan Keselamatan Sukan dan Rekreasi bersama Jabatan Belia dan Sukan W.P Labuan dan kursus pengurusan sukan peringkat W.P Labuan.

### 7.3.2 Senarai Ahli Majlis Sukan Labuan Sesi 2020-2022

| Bil. | Nama | Jawatan Agensi | Jawatan |
|---|---|---|---|
| 1. | Dr. Fary Akmal binti Osman | Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan | Pengerusi |
| 2. | Hj. Rithuan bin Hj. Ismail | Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan | Timbalan Pengerusi |
| 3. | Mahathir Abd. Hamid | Pengarah Jabatan Hal Ehwal Korporat Perbadanan Labuan | Setiausaha |
| 4. | Norina @ Morin Ignatius Beatty | Pengarah Jabatan Kewangan Perbadanan Labuan | Bendahari |
| 5. | Dr. Hasnul Faizal bin Hushin Amri | Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan | Ahli |
| 6. | Yusup bin Mohamad | Pengarah Jabatan Pendidikan WP Labuan | Ahli |
| 7. | Mohamad Syahffie bin Japril | Pengarah Jabatan Belia dan Sukan WP Labuan | Ahli |
| 8. | Hasan@Hassan bin Jinin | Naib Presiden Persatuan Bowling padang WP Labuan | Ahli |
| 9. | Chong Chung Yee | Presiden Persatuan Wushu WP Labuan | Ahli |
| 10. | Lee Kiat Khim | Persatuan Olahraga Labuan | Ahli |
| 11. | Sophian bin Said | Persatuan Bola Sepak Labuan | Ahli |
| 12. | Abdul Rashid bin Adlie | Persatuan Ragbi Labuan | Ahli |

### 7.3.3 Program Dan Aktiviti

Berikut adalah bingkisan aktiviti yang telah dijalankan di Wilayah Persekutuan Labuan sepanjang 2021 :

**Klinik Dan Kejohanan Bakat Bola Tampar Pantai 2021**

Persatuan Bola Tampar Amatur Labuan telah mengadakan Klinik dan Kejohanan Bakat Bola Tampar Peringkat WP Labuan pada 10 & 30 Oktober 2021, bertempat di Ramsey Point, Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan. Penyertaan adalah seramai 80 peserta lelaki dan wanita.

Tarikh : 10 & 30 Oktober 2021

Tempat : Ramsey Point, Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

Penyertaan : 80 orang peserta

Tetamu : Wakil Pengarah JBS Labuan

Agensi Terlibat : Persatuan Bola Tampar Amatur Labuan, Majlis Sukan Labuan dan *Labuan Development Authority*



Sesi fotografi urusetia dan para peserta Klinik dan Kejohanan Bakat Bola Tampar Pantai Labuan 2021



Aksi para peserta program Klinik dan Kejohanan Bakat Bola Tampar Pantai Labuan 2021



Aksi para peserta program Klinik dan Kejohanan Bakat Bola Tampar Pantai Labuan 2021




Penyampaian sijil kepada urusetia dan teknikal Klinik dan Kejohanan Bakat Bola Tampar Pantai Labuan 2021

**Klinik Tinju Labuan 2021**

Persatuan Tinju Wilayah Persekutuan Labuan telah mengadakan Klinik Asas Tinju Peringkat WP Labuan pada 14 – 16 Disember 2021 bertempat di Pusat Latihan Sukan Tempur, Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan. Penyertaan adalah terdiri daripada atlet bakat sukan Tinju di Wilayah Persekutuan Labuan.

| | |
|---|---|
| Tarikh | : 14 – 16 Disember 2021 |
| Tempat | : Pusat Latihan Sukan Tempur, Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan |
| Penyertaan | : 15 orang |
| Tetamu | : - |
| Agensi Terlibat | : Persatuan Tinju Wilayah Persekutuan Labuan |





Sesi latihan kecergasan di kawasan pantai Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan



Latihan kemahiran dan penerangan teknik oleh jurulatih semasa Klinik Tinju Labuan 2021




Sesi "*Padding*" dikendalikan oleh jurulatih semasa Klinik Tinju Labuan 2021

**Klinik Dan Kejohanan Bakat Badminton Labuan 2021**

Persatuan Badminton Wilayah Persekutuan Labuan telah mengadakan Klinik Asas Tinju Peringkat WP Labuan pada 12 Disember 2021, bertempat di Dewan JS Sport Arena Labuan. Penyertaan adalah seramai 40 orang terdiri dari kategori umur bawah 12 tahun dan bawah 15 tahun.

| | |
|---|---|
| Tarikh | : 12 Disember 2021 |
| Tempat | : JS Sport Arena Labuan |
| Penyertaan | : 40 orang peserta |
| Tetamu | : - |
| Agensi Terlibat | : Persatuan Badminton Wilayah Persekutuan Labuan |





Sesi pemanasan badan peserta Klinik dan Kejohanan Bakat Badminton Labuan 2021






Sesi fotografi bersama urusetia dan pemenang Klinik dan Kejohanan Bakat Badminton Labuan 2021

**Klinik Bakat Renang Labuan 2021**

Persatuan Akuatik Wilayah Persekutuan Labuan telah mengadakan Klinik Bakat Renang Peringkat WP Labuan pada 27 Mac – 10 April 2021 bertempat di Kolam Renang Kelab Golf Labuan. Penyertaan adalah seramai 40 orang terdiri kategori umur bawah 12 tahun dan bawah 15 tahun.

Tarikh : 27 Mac – 10 April 2021

Tempat : Kolam Renang Kelab Golf Labuan

Penyertaan : 40 orang

Tetamu : -

Agensi Terlibat : Persatuan Akuatik Wilayah Persekutuan Labuan





Latihan kemahiran dan simulasi pertandingan semasa Klinik Bakat Renang Labuan 2021



Sesi penerangan dan taklimat oleh jurulatih Klinik Bakat Renang Labuan 2021




Sesi fotografi para peserta Klinik Bakat Renang Labuan 2021

**Klinik Bakat Sepak Takraw Labuan 2021**

Persatuan Sepak Takraw Wilayah Persekutuan Labuan telah mengadakan Klinik Sepak Takraw peringkat WP Labuan pada 13 – 14 November 2021, bertempat di Dewan Arena Bukit Kuda Labuan. Penyertaan adalah seramai 25 orang terdiri dari kategori umur bawah 18 tahun.

Tarikh : 13 - 14 November 2021

Tempat Labuan : Dewan Arena Bukit Kuda

Penyertaan : 25 orang

Tetamu : Dato' Suhaili bin Abdul Rahman

Agensi Terlibat : Persatuan Sepak Takraw Wilayah Persekutuan Labuan





Sesi penerangan dan taklimat oleh jurulatih Klinik Bakat Sepak Takraw Labuan 2021





Latihan kemahiran dan simulasi pertandingan semasa Klinik Bakat Sepak Takraw Labuan 2021

**Klinik Asas Dan *Talent Identification* (TID) Kayak Labuan 2021**

Persatuan Kanu Wilayah Persekutuan Labuan telah mengadakan Klinik Asas dan *Talent Identification* (TID) Kayak Peringkat WP Labuan pada 16 - 17 Oktober 2021, bertempat di Wak Kiman Camp Site Labuan. Penyertaan adalah seramai 40 orang terdiri dari kategori umur bawah 15 tahun dan bawah 18 tahun.

Tarikh : 16 - 17 Oktober 2021

Tempat : Wak Kiman Camp Site Labuan

Penyertaan : 40 orang

Tetamu : -

Agensi Terlibat : Persatuan Kanu Labuan







Sesi penerangan dan taklimat oleh jurulatih Klinik Asas dan TID Kayak Labuan 2021



Sesi "*water confidence*" dan keselamatan dalam air yang dikendalikan oleh jurulatih Klinik Asas dan TID Kayak Labuan 2021



Sesi demonstrasi kemahiran dan simulasi pertandingan Klinik Asas dan TID Kayak Labuan 2021



Sesi penerangan dan taklimat oleh jurulatih *Caddy Service Outreach* (COS) dan Klinik Asas Golf Labuan 2021

**Klinik Asas Golf Dan *Caddy Service Outreach* WP Labuan 2021**

Jabatan Belia dan Sukan Labuan dan Majlis Sukan Labuan dengan kerjasama Akademi Kemahiran Belia Golf telah mengadakan *Caddy Service Outreach* dan Klinik Asas Golf WP Labuan pada 17 – 20 Oktober 2021 bertempat di *Labuan International Golf Club*. Penyertaan adalah seramai 20 orang.

| | |
|---|---|
| Tarikh | : 17 - 20 Oktober 2021 |
| Tempat | : *Labuan International Golf Club* & Desa Tunas Hjiau Labuan |
| Penyertaan | : 20 orang |
| Tetamu | : - |
| Agensi Terlibat | : JBS Labuan, AKBG dan Majlis Sukan Labuan |



Sesi penerangan dan praktikal oleh jurulatih *Caddy Service Outreach* (COS) dan Klinik Asas Golf Labuan 2021






Sesi modul latihan teori yang dikendalikan oleh jurulatih *Caddy Service Outreach* (COS) dan Klinik Asas Golf Labuan 2021

**Siri Webinar SOP Sukan Peringkat Labuan 2021**

Majlis Sukan Labuan dan Jabatan Belia dan Sukan WP Labuan telah mengadakan Siri Webinar SOP Sukan Peringkat Labuan pada 21 – 24 September 2021 secara atas talian dan penyertaan adalah terdiri daripada wakil persatuan sukan serta penggiat sukan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Tarikh : 21 - 24 September 2021

Tempat : Secara atas talian

Penyertaan : Persatuan sukan dan penggiat sukan Labuan

Tetamu : YBrs. Pengarah JBS Labuan

Agensi Terlibat : JBS Labuan dan Majlis Sukan Labuan




Taklimat SOP Aktiviti Sukan dan Rekreasi yang disampaikan oleh Pegawai JBSN




Taklimat SOP Etika Keselamatan Rekreasi Air disampaikan oleh Presiden, Persatuan Kanu Labuan




Taklimat SOP Etika Keselamatan Berbasikal disampaikan oleh aktivis dan penggiat Komuniti berbasikal Labuan




Sesi perkongsian berkenaan Etika Keselamatan Berbasikal disampaikan oleh aktivis dan penggiat Komuniti Berbasikal Labuan




Taklimat SOP Etika Keselamatan Larian dan Aktiviti Mendaki disampaikan oleh aktivis dan penggiat Komuniti Pelari dan Pendaki Labuan




Sesi perkongsian berkenaan Etika Keselamatan Berlari disampaikan oleh aktivis dan penggiat Komuniti Berbasikal Labuan

**Kursus Pengurusan Sukan Peringkat WP Labuan 2021**

Majlis Sukan Labuan telah mengadakan Kursus Pengurusan Sukan Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan pada 25 – 26 November 2021 bertempat di Grand Ballroom, Palm Beach Resort, Wilayah Persekutuan Labuan dan penyertaan adalah terdiri daripada wakil persatuan sukan serta penggiat sukan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Tarikh : 25 – 26 November 2021

Tempat : Grand Ballroom, Palm Beach Resort, Labuan

Penyertaan : Persatuan dan kelab sukan di Wilayah Persekutuan Labuan

Tetamu : YBrs. Hj. Rithuan bin Hj. Mohd Ismail, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) Perbadanan Labuan

Agensi Terlibat : Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, Majlis Sukan Labuan, JBS Labuan dan Perbadanan Labuan



Sesi soal jawab dan penerangan bersama penceramah Kursus Pengurusan Sukan Peringkat Labuan 2021



Sesi penerangan yang disampaikan oleh penceramah jemputan Kursus Pengurusan Sukan Peringkat Labuan 2021




Sesi penyampaian sijil kepada peserta Kursus Pengurusan Sukan Peringkat Labuan 2021



Para peserta diberikan nota dan latihan oleh penceramah semasa kursus dijalankan





# 8.0 BAHAGIAN SUKAN PRESTASI TINGGI

# 8.0 BAHAGIAN SUKAN PRESTASI TINGGI

## 8.1 PENGENALAN

Bahagian Sukan Prestasi Tinggi Wilayah Persekutuan berperanan sebagai sebuah bahagian yang bertanggungjawab merancang dan melaksanakan program persediaan atlet berprestasi tinggi bagi mewakili Kontinjen Wilayah Persekutuan ke Temasya Sukan Malaysia (SUKMA).

Atlet-atlet prospek berumur bawah 21 tahun hasil daripada program Bakat Sukan Wilayah Persekutuan (BSW) akan diserap masuk ke bahagian ini bertujuan untuk meningkatkan prestasi atlet pada peringkat yang lebih tinggi. Antara kelebihan bagi atlet yang berada di dalam program ini adalah mereka akan dilatih oleh Jurulatih yang berkualiti dan berkelayakan. Mereka juga berpeluang untuk menyertai kejohanan-kejohanan yang lebih kompetitif dalam negara mahupun luar negara.

### Fungsi Bahagian

Bahagian ini bertanggungjawab kepada pencapaian Teras Satu (1) dalam Pelan Strategik MSWP (2019 – 2023) iaitu "Mempertingkat Prestasi Atlet Ke Tahap Cemerlang". Bahagian ini telah merangka dua (2) strategi utama bagi memastikan teras ini tercapai :

i. Menyelia dan menyelaras elaun latihan atlet SUKMA di dalam program MSWP berkualiti bagi meningkatkan prestasi atlet ke tahap cemerlang;

ii. Memantapkan program latihan prestasi tinggi secara menyeluruh bagi melahirkan atlet bertaraf nasional dan antarabangsa berteraskan sains sukan.




### Objektif Strategik

Objektif Bahagian Sukan Prestasi Tinggi ditunjangi oleh Teras 1 dalam Pelan Strategik MSWP (2019 - 2023) iaitu "Mempertingkat Prestasi Atlet Ke Tahap Cemerlang". Bahagian ini telah merangka 2 strategi utama bagi memastikan teras ini tercapai :

i. Memastikan atlet-atlet menyertai pertandingan dan kejohanan yang

ii. Menyelia dan menyelaras elaun jurulatih SUKMA di dalam program MSWP;

iii. Menyelaras pelaporan persatuan sukan bagi bantuan pentadbiran;

iv. Menyelaras bantuan makanan tambahan;

v. Menyelaras pengagihan bantuan pakaian latihan;

vi. Menyelaras bantuan peralatan dan pakaian pertandingan;

vii. Menyelaras pemantauan kejohanan dalam negara;

viii. Menyelaras pelaksanaan Mesyuarat Jawatan Kuasa Kerja (JKK) Sukan;

ix. Menyelaras pelaksanaan pemantauan sukan;

x. Menyelaras pelaksanaan pemantauan Program *Golden Sport Collaboration* (GSC); dan

xi. Menyelaras pelaksanaan sewaan pusat latihan

### 8.1.1 Pegawai Dan Kakitangan

Bahagian Sukan Prestasi Tinggi mempunyai seramai 10 orang kakitangan yang menggalas tanggungjawab dan melaksanakan program-program yang dirancang.

| Bil. | Nama | Jawatan |
|---|---|---|
| 1. | En. Fadzlan Naim bin Anuar | Ketua Bahagian |
| 2. | En. Yasseruddin bin Hamidan | Penyelaras Sukan : |
| | | Badminton |
| | | Bola Sepak |
| 3. | En. Khairul Azli bin Kamarul Adnan | Penyelaras Sukan : |
| | | Boling Padang |
| | | Kanu |
| | | Pelayaran |
| | | E-Sports |
| | | Ragbi |
| 4. | En. Muhamad Khudhoiri bin Bonari | Penyelaras Sukan : |
| | | Memanah |
| | | Wushu |
| | | Tenis |
| | | Pencak Silat |
| | | Bola Jaring |
| 5. | En. Muhammad Syafiq bin Shaharudin | Penyelaras Sukan : |
| | | Gimrama |
| | | Gimnastik |
| | | Skuasy |
| | | Bola Tampar |
| 6. | En. Muhammad Hisham bin Damiri | Penyelaras Sukan : |
| | | Hoki |
| | | Menembak |
| | | Kriket |
| | | Sepak Takraw |
| 7. | En. Muhammad Hafiz bin Jamil Khair | Penyelaras Sukan : |
| | | Akuatik - Renang |
| | | Akuatik - Terjun |
| | | Tenpin Boling |
| | | Judo |
| | | Angkat Berat |

| Bil. | Nama | Jawatan |
|---|---|---|
| 8. | En. Akmal Syarifuddin bin Ahmad | Penyelaras Sukan :<br>Olahraga<br>Karate<br>Petanque<br>Muay |
| 9. | En. Mohd Jauhar Ikhwan bin Ismail | Penyelaras Sukan :<br>Berbasikal<br>Golf<br>Bola Keranjang<br>Tinju |
| 10. | En. Mohd Hafizzullah bin Mohd Sohi | Pembantu Tadbir |

**Atlet Dan Sukan**

Seramai 765 orang atlet daripada 33 jenis sukan telah terpilih menyertai program persediaan atlet bagi mewakili Kontinjen Wilayah Persekutuan ke Temasya Sukan Malaysia (SUKMA)

| Bil. | Sukan | Atlet | |
|---|---|---|---|
| | | Lelaki | Wanita |
| 1. | Badminton | 11 | 11 |
| 2. | Terjun | 2 | 5 |
| 3. | Renang | 15 | 15 |
| 4. | Skuasy | 8 | 6 |
| 5. | Tenpin Boling | 8 | 8 |
| 6. | Boling Padang | 8 | 7 |
| 7. | Gimnastik Artistik | 0 | 8 |
| 8. | Menembak | 11 | 10 |
| 9. | Memanah | 12 | 12 |
| 10. | Berbasikal | 24 | 5 |
| 11. | Pelayaran | 6 | 9 |
| 12. | Karate | 7 | 11 |
| 13. | Wushu | 14 | 8 |
| 14. | Bola Sepak | 29 | 0 |
| 15. | Hoki | 27 | 27 |
| 16. | Pencak Silat | 27 | 21 |
| 17. | Bola Jaring | 0 | 18 |
| 18. | Judo | 13 | 12 |
| 19. | Olahraga | 27 | 13 |
| 20. | Petanque | 10 | 10 |
| 21. | Angkat Berat | 9 | 2 |
| 22. | Muaythai | 18 | 8 |
| 23. | Tenis | 9 | 8 |
| 24. | Bola Tampar | 23 | 15 |
| 25. | Gimrama | 0 | 2 |
| 26. | Kriket | 21 | 0 |
| 27. | Golf | 6 | 3 |
| 28. | Bola Keranjang | 18 | 18 |

| Bil. | Sukan | Atlet | |
|---|---|---|---|
| | | Lelaki | Wanita |
| 29. | Tinju | 11 | 0 |
| 30. | Kanu | 18 | 17 |
| 31. | E-Sports | 19 | 1 |
| 32. | Ragbi | 18 | 18 |
| 33. | Sepak Takraw | 17 | 11 |
| | Jumlah | 446 | 319 |
| | Jumlah Keseluruhan | 765 | |

## 8.2 PROGRAM

Beberapa program latihan telah dirangka sebagai persiapan Kontinjen Wilayah Persekutuan ke Temasya Sukan Malaysia (SUKMA). MSWP telah meletakkan sasaran untuk berada di kedudukan Ke-3 terbaik keseluruhan. Antara program yang dirangka adalah :

Program WiJuara ini telah bermula pada tahun 2018 melalui beberapa siri pemilihan atlet yang telah dijalankan. Ia bagaimanapun hanya membabitkan sukan-sukan yang dipertandingkan di SUKMA sahaja. Seramai 765 orang atlet dan 95 orang jurulatih telah terpilih menyertai program ini.

Sebanyak 45 buah pusat latihan disediakan di sekitar Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan bagi menampung keperluan atlet. Program ini mempunyai 3 fasa pelaksanaan iaitu Fasa 1 (Januari - Jun), Fasa 2 (Julai - Disember) dan Fasa 3 (Januari - Jun).

Atlet-atlet yang terlibat di dalam program ini akan menjalankan latihan secara spesifik selain diberi pendedahan kejohanan dalam dan luar negara. Selain itu, para atlet turut menerima beberapa faedah seperti elaun, pakaian latihan dan kejohanan, peralatan latihan, insurans serta sokongan sains sukan.

### 8.2.1 *Golden Sports Collaboration* (GSC)

Program GSC ini merupakan program khas yang dirancang bersama persatuan sukan bagi menghantar atlet-atlet menyertai latihan dan kejohanan ke luar negara. Walau bagaimanapun program ini adalah dihadkan kepada sukan dan atlet yang berpotensi menyumbang pingat di temasya SUKMA sahaja.

Program ini merupakan platform bagi para atlet menimba pengalaman selain dapat mempertingkatkan prestasi apabila berpeluang untuk menjalani latihan dan menyertai kejohanan lebih kompetitif bersama pasukan yang bertaraf antarabangsa. Selain itu, atlet juga dapat mengenalpasti kekuatan dan kelemahan serta mempelajari pendekatan baru yang dipraktikkan oleh pasukan luar negara.

### 8.2.2 Kem Latihan Atlet SUKMA (KLAS)

Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan wabak pandemik Covid-19 yang melanda negara. Sebagai langkah proaktif MSWP telah merangka program latihan alternatif secara *Quarantine Based Approach* (QBA) sebagaimana yang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negara Malaysia (MSN) melalui kaedah pelaksanaan latihan berpusat atlet secara tertutup dan terkawal.

Pelaksanaan program ini secara tidak langsung dapat membantu para atlet dan jurulatih kekal bersedia dan meningkatkan kemahiran sebelum menghadapi SUKMA. Selain program latihan, simulasi pertandingan juga dilaksanakan dalam program ini sebagai medan penilaian prestasi semasa atlet.

## 8.3 LAPORAN SUKAN

Beberapa program dan aktiviti telah dilaksanakan dalam tahun 2021. Antara program dan aktiviti yang telah dilaksanakan adalah seperti pemilihan atlet, kejohanan, mesyuarat JKK sukan, klinik sukan dan kem latihan intensif. Rumusan dan ringkasan program setiap sukan adalah seperti yang dilampirkan:

**Sukan** : **Akuatik Renang**

**Penyelaras** : **Muhammad Hafiz bin Jamil Khair**

**Persatuan Sukan** : **Persatuan Renang Amatur Kuala Lumpur**
**Persatuan Renang Amatur Putrajaya**
**Persatuan Akuatik Labuan**
**Persatuan Renang Labuan**



**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Shazali bin Salleh | Kompleks Renang Kuala Lumpur, Bandar Tun Razak, Cheras |
| 2. | Daniel William Ak Henry Bego | |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| Atlet | 2 | 13 | | | 1 | 12 | | 1 | 29 |

**Kejohanan / Pertandingan Dalam Negara**

| Bil. | Kejohanan | Tempat | Tarikh | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|
| 1. | 63rd Milo/Pram Malaysia Open Swimming Championships 2021 | National Aquatic Center, KLSC, Bukit Jalil | 11-13 Jun 2021 | 9 Emas<br>5 Perak<br>6 Gangsa |
| 2. | CVIII Spanish National Championship Open 2021 | Astralpool Las Palmas, Sepanyol | 3-7 Ogos 2021 | Khiew Hoe Yean<br>- 400m Freestyle – Emas |
| 3. | SUKMA Time Trials | Kompleks Renang Kuala Lumpur, BTR, Cheras | 24 Oktober 2021 | Hampir Menyamai Catatan Masa Terbaik |
| 4. | Toyota USA Swimming US Open 2021 | Greensboro, North Carolina, USA | 1-4 Disember 2021 | Khiew Hoe Yean<br>- 200m Freestyle – Perak |
| 5. | Kem Intensif Renang Akhir Tahun 2021 | Kompleks Renang Kuala Lumpur, BTR, Cheras | 13-31 Disember 2021 | |

**Mesyuarat Jawatankuasa Kerja**

| Bil. | Mesyuarat | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat JKK Sukan Akuatik Bil.1/2021 | MSWP | 12 Januari 2021 |
| 2. | Mesyuarat JKK Sukan Akuatik Bil.2/2021 | MSWP | 11 Mac 2021 |
| 3. | Perbincangan Bersama Jurulatih | Kediaman masing-masing | 2 Ogos 2021 |

Tahun 2021 merupakan tahun yang penuh dengan cabaran apabila keadaan masih lagi tidak mengizinkan acara sukan untuk dijalankan berskala besar seperti tahun-tahun sebelumnya. Walaubagaimanapun, MSWP dengan kerjasama PRAKL telah berjaya merancang beberapa program dan menghantar atlet ke kejohanan selain daripada atlet renang Wilayah Persekutuan yang berada di kem kebangsaan yang melayakkan diri menyertai beberapa kejohanan renang di luar negara.

Semasa tempoh PKP, para atlet sukan Akuatik Renang hanya menjalankan latihan kecergasan fizikal di kawasan rumah sahaja kerana Kompleks Renang Kuala Lumpur tidak dapat digunakan berikutan arahan larangan terhadap aktiviti sukan oleh kerajaan sebagai usaha membendung penularan wabak Covid-19.

Walau bagaimanapun, pasukan Akuatik Renang Wilayah Persekutuan tidak dapat mengambil kesempatan untuk menyertai setiap Kem Latihan Pusat Secara Kuarantin (QBA) yang dianjurkan oleh MSWP disebabkan masalah kekurangan fasiliti latihan di tempat yang dianjurkan kem latihan berkenaan.

Selepas pihak kerajaan telah memberikan kelonggaran terhadap lebih banyak sektor, MSWP dengan kerjasama PRAKL telah merancang untuk melaksanakan sekali lagi Kem Latihan Pusat Secara Kuarantin (Quarantine Based Approach, QBA) kali ini diadakan pada 15 hingga 20 November 2021 bertempat di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Negeri Sembilan, namun Pasukan Akuatik Renang Wilayah Persekutuan hanya mengadakan kem latihan pusat akhir tahun di Kompleks Renang Kuala Lumpur sahaja.

Pasukan juga telah mengambil bahagian dalam beberapa kejohanan yang dianjurkan pada tahun ini dan memperoleh keputusan seperti di dalam jadual di atas. Sepanjang tahun 2021 segala mesyuarat dan perbincangan bersama jurulatih dan juga pemantauan latihan atau berkomunikasi bersama atlet dilaksanakan lebih banyak diadakan secara atas talian bagi mengurangkan risiko penularan jangkitan virus Covid-19.




Program latihan yang disediakan oleh jurulatih semasa kem latihan akhir tahun sukan Akuatik Renang Wilayah Persekutuan




Khiew Hoe Yean berjaya memperoleh pingat perak dalam acara 200m Gaya Bebas Lelaki pada Kejohanan Toyota USA Swimming US Open 2021



Perbincangan secara atas talian turut diadakan bersama jurulatih sepanjang tempoh PKP




Liputan terhadap atlet Wilayah Persekutuan yang memperoleh kejayaan pada Kejohanan Renang CVIII Spanish National Championship Open 2021 dalam acara 400m Gaya Bebas Lelaki

**Sukan** : **Akuatik Terjun**

**Penyelaras** : **Muhammad Hafiz bin Jamil Khair**

**Persatuan Sukan** : **Persatuan Renang Amatur Kuala Lumpur**
**Persatuan Renang Amatur Putrajaya**
**Persatuan Akuatik Labuan**
**Persatuan Renang Labuan**

**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Yeoh Ken Nee | Kompleks Renang Kuala Lumpur, BTR, Cheras |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| Atlet | 2 | 1 | | | 1 | 6 | | | 10 |

**Kejohanan / Pertandingan Dalam Negara**

| Bil. | Kejohanan | Tempat | Tarikh | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|
| 1. | SUKMA Diving Control Test | Kompleks Renang Kuala Lumpur, BTR, Cheras | 24 Oktober 2021 | |
| 2. | Kem Intensif Terjun Akhir Tahun 2021 | Kompleks Renang Kuala Lumpur, BTR, Cheras | 13-31 Disember 2021 | |

**Mesyuarat Jawatankuasa Kerja**

| Bil. | Mesyuarat | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat JKK Sukan Akuatik Bil.1/2021 | MSWP | 12 Januari 2021 |
| 2. | Mesyuarat JKK Sukan Akuatik Bil.2/2021 | MSWP | 11 Mac 2021 |
| 3. | Perbincangan Bersama Jurulatih | *Online* | 2 Ogos 2021 |

Tahun 2021 menjadi tahun yang mencabar bagi sukan terjun kerana tiada kejohanan atau sebarang aktiviti dan program dapat dijalankan kerana kekangan pergerakan dalam menyokong usaha kerajaan membendung penularan wabak yang sedang melanda. Walau bagaimanapun, MSWP dengan kerjasama PRAKL telah berjaya merancang beberapa program namun tidak dapat menghantar atlet ke kejohanan kerana tiada kejohanan terjun yang dianjurkan pada tahun 2021.

Semasa tempoh PKP para atlet sukan Akuatik Terjun hanya menjalankan latihan kecergasan fizikal di kawasan rumah sahaja kerana Kompleks Renang Kuala Lumpur tidak dapat digunakan berikutan arahan larangan terhadap aktiviti sukan oleh kerajaan sebagai usaha membendung penularan wabak Covid-19.

Walau bagaimanapun, pasukan Akuatik Terjun Wilayah Persekutuan tidak dapat mengambil kesempatan untuk menyertai setiap Kem Latihan Pusat Secara Kuarantin (QBA) yang dianjurkan oleh MSWP disebabkan masalah kekurangan fasiliti latihan di tempat yang dianjurkan kem latihan berkenaan.

Selepas pihak kerajaan telah memberikan kelonggaran terhadap lebih banyak sektor, MSWP dengan kerjasama PRAKL telah merancang untuk melaksanakan sekali lagi Kem Latihan Pusat Secara Kuarantin (Quarantine Based Approach, QBA) kali ini diadakan pada 15 hingga 20 November 2021 bertempat di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Negeri Sembilan namun pasukan Akuatik Terjun Wilayah Persekutuan hanya mengadakan Kem Latihan Pusat Akhir Tahun di Kompleks Renang Kuala Lumpur sahaja.

Sepanjang tahun 2021 segala mesyuarat dan perbincangan bersama jurulatih dan juga pemantauan latihan atau berkomunikasi bersama atlet dilaksanakan lebih banyak diadakan secara atas talian bagi mengurangkan risiko penularan jangkitan virus Covid-19.



Perbincangan secara atas talian turut diadakan bersama jurulatih sepanjang tempoh PKP



Latihan diadakan di basement Gym Kompleks Renang Kuala Lumpur semasa Kem Latihan Akhir Tahun



*Control Test* turut diadakan untuk menilai prestasi semasa para atlet



Latihan di Dry Gym untuk memantapkan dan memperbetulkan teknik sebelum latihan terjunan di kolam



**Sukan : Angkat Berat**

**Penyelaras : Muhammad Hafiz bin Jamil Khair**

**Persatuan Sukan : Persatuan Angkat Berat Putrajaya**
**Persatuan Angkat Berat Kuala Lumpur (Baru)**

**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Matin Guntali | Gimnasium Kompleks Sukan DBKL, Desa Tasik |
| 2. | Elyone Matin | |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| Atlet | 8 | | | 1 | 1 | | | | 10 |

**Kejohanan / Pertandingan Dalam Negara**

| Bil. | Kejohanan | Tempat | Tarikh | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Kem Latihan Pusat Secara Kuarantin (QBA) | SDTC, Kg. Baru, Kuala Lumpur | 26-28 Mac 2021 | |

| Bil. | Kejohanan | Tempat | Tarikh | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|
| 2. | Kejohanan Angkat Berat Junior & Senior Kebangsaan 2021 | Dewan IPD Jasin, Melaka | 5–10 April 2021 | 1 orang atlet terpilih ke Program Sukan Komanwel<br><br>(Erry Hidayat)<br><br>2 Rekod Kebangsaan berjaya dipecahkan kategori 73 kg lelaki (Erry Hidayat)<br><br>Snatch - 140 kg -> 141 kg<br><br>C&J - 170 kg - 171 kg<br><br>5 Pingat Emas<br>(109+ kg- Fadhil)<br>(96 kg Abdilla Iyad)<br>(89 kg- Syahmi)<br>(81 kg- Izzat)<br>(59 kg Wanita - Atikah)<br><br>1 Pingat Gangsa<br>(102 kg - Faris Hakimi) |
| 3. | Kejohanan Angkat Berat Terbuka Kebangsaan 2021 Pahang | Dewan MSN, Rompin | 15-19 Oktober 2021 | 73kg – Erry Hidayat (Emas)<br><br>59kg – Atikah Sabri (Perak) |
| 4. | Kem Latihan Pusat Secara Kuarantin (QBA) | USIM, Nilai | 14-18 November 2021 | |

**Mesyuarat Jawatankuasa Kerja**

| Bil. | Mesyuarat | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat JKK Angkat Berat Bil.1/2021 | MSWP | 19 April 2021 |
| 2. | Perbincangan Bersama Jurulatih Secara Atas Talian | *Online* | 3 Ogos 2021 |
| 3. | Mesyuarat JKK Angkat Berat Bil.2/2021 | MSWP | 29 September 2021 |

Walaupun tahun 2021 tidak mengizinkan sebarang acara sukan untuk dijalankan secara meriah seperti tahun-tahun sebelumnya namun MSWP telah berjaya merancang Kem Latihan Pusat Secara Kuarantin (QBA) yang diadakan di SDTC, Kg Baru, Kuala Lumpur pada 26 hingga 28 Mac 2021 yang telah disertai oleh para atlet sukan Angkat Berat.

Sebelum dan selepas daripada kem ini para atlet sukan Angkat Berat hanya menjalankan latihan kecergasan fizikal di kawasan rumah sahaja kerana Kompleks Sukan DBKL, Desa Tasik tidak dapat digunakan kerana telah digunakan sebagai pusat kuarantin pesakit-pesakit Covid-19. Namun apabila Kompleks Sukan DBKL, Desa Tasik telah ditukar daripada pusat kuarantin pesakit-pesakit Covid-19 kepada pusat pemberian vaksin barulah dibenarkan atlet-atlet Angkat Berat Wilayah Persekutuan untuk masuk dan menjalani latihan namun hanya selepas waktu bekerja sahaja.

Oleh yang demikian, pasukan Angkat Berat Wilayah Persekutuan mengambil kesempatan untuk menyertai setiap Kem Latihan Pusat Secara Kuarantin (QBA) yang dianjurkan oleh MSWP agar dapat mengembalikan tahap prestasi seperti sebelum pandemik melanda dan juga sebagai persediaan menyertai kejohanan yang diadakan pada tahun 2021 ini.

Selepas pihak kerajaan telah memberikan kelonggaran terhadap lebih banyak sektor, MSWP telah merancang untuk melaksanakan sekali lagi Kem Latihan Pusat Secara Kuarantin (Quarantine Based Approach, QBA) kali ini diadakan pada 15 hingga 20 November 2021 bertempat di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Negeri Sembilan. Pasukan Angkat Berat Wilayah Persekutuan telah menunjukkan komitmen dan kesediaan yang tinggi untuk menyertai kem berikut.

Pasukan juga telah mengambil bahagian dalam beberapa kejohanan yang dianjurkan pada tahun ini dan memperoleh keputusan seperti di dalam jadual di atas. Sepanjang tahun 2021 segala mesyuarat dan perbincangan bersama jurulatih dan juga pemantauan latihan atau berkomunikasi bersama atlet dilaksanakan lebih banyak diadakan secara atas talian bagi mengurangkan risiko penularan jangkitan virus Covid-19.



Pasukan Angkat Berat Wilayah Persekutuan semasa menjalani Kem Latihan Pusat Secara Kuarantin (QBA) di SDTC, Kg. Baru, Kuala Lumpur



Pasukan Angkat Berat Wilayah Persekutuan pada Kejohanan Angkat Berat Junior & Senior Kebangsaan 2021 di Dewan IPD Jasin, Melaka




2 orang atlet Angkat Berat Wilayah Persekutuan layak bertanding pada Kejohanan Angkat Berat Terbuka Kebangsaan 2021 Pahang di Dewan MSN, Rompin



Pasukan Angkat Berat Wilayah Persekutuan semasa menjalani Kem Latihan Pusat Secara Kuarantin (QBA) di USIM, Nilai

**Sukan** : **Badminton**

**Penyelaras** : **Yasseruddin bin Hamidan**

**Persatuan Sukan** : **Persatuan Badminton Kuala Lumpur**
**Persatuan Badminton Putrajaya**



**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Farzad Shah bin Misfahul Muneer | Pioneer Badminton Academy, 1 Shamelin Mall, Kuala Lumpur |
| 2. | Celestine George | Kompleks Kejiranan P11, Presint 11, Putrajaya |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| Atlet | 1 | 10 | | | 1 | 10 | | | 22 |

**Kejohanan / Pertandingan Dalam Negara**

| Bil. | Kejohanan | Tempat | Tarikh | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Kejohanan Badminton Tertutup WiPers | Pioneer Badminton Academy, 1 Shamelin | 11 dan 12 Disember | Penyertaan dari para pemain yang berpusat di Kuala Lumpur dan Putrajaya |

**Mesyuarat Jawatankuasa Kerja**

| Bil. | Mesyuarat | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil.1/2021 | Bilik Mesyuarat Ahmad Phesal, MSWP | 9 Februari 2021 |
| 2. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil.2/2021 | Bilik Mesyuarat Ahmad Phesal, MSWP | 10 Mei 2021 |
| 3. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil.3/2021 | Bilik Mesyuarat Pejabat Persatuan Badminton Kuala Lumpur (KLBA) | 22 Oktober 2021 |

Terdapat satu sahaja kejohanan Badminton yang sempat dilaksanakan sendiri oleh MSWP dengan penyertaan di dalam lingkungan persatuan setelah kekangan dilonggarkan sedikit untuk atlet menyertai kejohanan setelah menjalani latihan kendiri. Seramai 70 orang atlet kehadiran merangkumi 44 pemain daripada Kuala Lumpur dan 26 daripada Putrajaya berjaya direkodkan menyertai kejohanan ini yang berlangsung selama dua (2) hari iaitu pada 11 dan 12 Disember 2021. Merupakan inisiatif MSWP melalui keputusan menganjurkan kejohanan secara tertutup Wilayah Persekutuan bagi membolehkan atlet-atlet di Kuala Lumpur dan Putrajaya menyertainya. Objektif penganjuran program ini adalah bertujuan untuk:

i. Membuka peluang penyertaan kejohanan kepada semua pemain di Kuala Lumpur dan Putrajaya;

ii. Memberi peluang kepada semua pemain menilai tahap permainan masing-masing; dan

iii. Memberi peluang kepada MSWP mengenal pasti pemain-pemain berpotensi untuk dipanggil bagi menyertai Sesi Pemilihan Pemain melalui Sistem Ranking.

Bahagian Prestasi Tinggi sesuai dengan tanggungjawab yang diamanahkan untuk pencapaian Teras satu (1) dalam Pelan Strategik MSWP (2019 - 2023) iaitu "Mempertingkat Prestasi Atlet Ke Tahap Cemerlang". Dua (2) strategi utama dirangka bagi memastikan teras ini tercapai iaitu:

i. Memastikan atlet-atlet menyertai pertandingan dan kejohanan yang berkualiti bagi meningkatkan prestasi atlet ke tahap cemerlang; dan

ii. Memantapkan program latihan prestasi tinggi secara menyeluruh bagi melahirkan atlet bertaraf nasional dan antarabangsa berteraskan sains sukan.

Selepas PKP dilaksanakan, latihan secara fizikal tidak dapat dijalankan seperti biasa. Pihak pengurusan MSWP telah bersetuju agar program latihan atlet perlu dijalankan secara *online* atau secara maya bagi memastikan kecergasan mereka berada di tahap yang terbaik. Dengan kerjasama persatuan dan jurulatih juga sempat mengadakan beberapa sesi latihan secara *online* dan berpeluang berjumpa bersama pengurus dan jurulatih selepas pihak kerajaan memberi kelonggaran program latihan negeri boleh dilaksanakan secara fizikal mengikut SOP yang sangat ketat bagi mengelakkan risiko penularan wabak Covid-19.

Pemantauan Pematuhan SOP & Latihan Sukan Badminton WP Putrajaya dilaksanakan setiap kali kelonggaran diberikan oleh Kerajaan. Ianya dilaksanakan di semua Pusat Latihan Badminton Putrajaya dan Kuala Lumpur. Semakan Tatacara Penggunaan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa berpandukan SOP penggunaan semasa tempoh Pandemik Covid-19 tetap dilaksanakan. Dianggarkan pelaksanaan latihan secara dalam talian atau maya serta semakan pematuhan SOP yang berkuat kuasa telah dilaksanakan sebanyak 10 kali bagi tahun 2021.

Selain itu, seramai 10 orang atlet Wilayah Persekutuan yang berpusat di Akademi Badminton Malaysia (ABM) turut dipantau perkembangan latihan dan kesihatan mereka. Antara strategi yang diguna pakai adalah mengadakan perjumpaan dan latihan kendiri bersama atlet Badminton di ABM 2021. Tujuannya, untuk memberi sokongan mental kepada mereka yang dikawal ketat pergerakan dan latihan mereka selain untuk terus bersama semua atlet pada masa sukar berikutan Pandemik Covid-19 yang melanda negara. Pelaksanaan program ini melibatkan pengurus pasukan, jurulatih dan atlet keseluruhannya. Program ini juga merupakan salah satu perancangan semasa PKP yang berkuat kuasa dan telah dipersetujui dianjurkan bersama atlet dan pengurusan secara berkala setiap bulan sepanjang tempoh PKP dan ia menjadi program standard untuk tempoh PKP.

Dalam pada itu, fungsi utama MSWP adalah untuk menumpukan kepada pembangunan sukan dengan memberi penekanan terhadap atlet yang berkemahiran serta mempunyai kemantapan dan ketahanan dari aspek fizikal. Setelah mengharumkan nama negara dan khasnya Wilayah Persekutuan, ganjaran kepada para atlet tidak mungkin dilupakan. Satu program sumbangan insentif kemenangan kepada atlet Badminton Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang mewakili Malaysia beraksi di Sukan Olimpik dan Paralimpik di Tokyo telah dilaksanakan pada 20 September 2021 bertempat di Menara 1, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan kehadiran sejumlah jemputan di kalangan Ahli Majlis, MSWP. Seramai tiga (3) orang atlet sukan Badminton dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah mewakili negara ke Sukan Olimpik, Tokyo. Mereka berjaya melayakkan diri secara merit berdasarkan pencapaian ketika menyertai beberapa siri kejohanan yang menawarkan mata kelayakan ke Sukan Olimpik, Tokyo. Senarai atlet tersebut seperti berikut:

Nama : Soh Wooi Yik

Acara : Bergu Lelaki di Olimpik bersama Aaron Chia

Pencapaian : Gangsa

Nama : Chow Mei Kuan

Acara : Beregu Wanita di Olimpik bersama Lee Meng Yean

Pencapaian : Kumpulan

Nama : Soniia Cheah Su Ya

Acara : Perseorangan Wanita di Olimpik

Pencapaian : Kumpulan

Penyertaan kesemua atlet ini adalah penyertaan kali pertama di pentas Sukan Olimpik.




Latihan bersama secara kendiri dilaksanakan sepanjang PKP




Para pemain diberi masa memanaskan badan




Pengadil dan pegawai pertandingan membuat persiapan



Penjarakkan Sosial dan pematuhan SOP yang berkuatkuasa sentiasa dipatuhi



Encik Fadzlan Naim Anuar diberi penghormatan menyampaikan hadiah pada Kejohanan Badminton Tertutup WiPers 2021



Komitmen dan dedikasi setiap atlet dituntut untuk mengekalkan tahap kecergasan semasa PKP

**Sukan** : **Berbasikal**

**Penyelaras** : **Mohd Jauhar Ikhwan bin Ismail**

**Persatuan Sukan** : **Persatuan Berbasikal Kuala Lumpur**
**Persatuan Berbasikal Putrajaya**



**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Datuk Ng Joo Ngan | Taman Midah, Cheras, Kuala Lumpur |
| 2. | En. Aliff Farhan bin Abu Samah | |
| 3. | En. Nor Effandy Rosli | Taman Cabaran, Putrajaya |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| Atlet | 18 | 4 | | | 3 | 1 | | | 26 |

**Kejohanan / Pertandingan Dalam Negara**

| Bil. | Kejohanan | Tempat | Tarikh | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Kejohanan Jelajah Negeri Sembilan | 1. Stage 1 (Bandar Sri Sendayan Loop)<br>2. Stage 2 (Bandar Sri Sendayan Ke Gadong, Rembau)<br>3. Stage 3 (Rembau Loop) | 2 Hingga 5 Disember 2021 | 2 Gangsa |
| 2. | Kejohanan Berbasikal Trek Kebangsaan 2021 | Velodrom Nasional, Nilai, Negeri Sembilan | 13 Hingga 16 Disember 2021 | 1 Gangsa |
| 3. | Kejohanan Berbasikal Lebuhraya Kebangsaan 2021 | Bukit Katil, Melaka | 26 – 31 Disember 2021 | 1 Emas<br>2 Perak |
| 4. | Qobe Xcc Mountainbike Challenge 2021 | Qobe MTB Trek, Kuala Berang, Hulu Terengganu, Terengganu | 29 Oktober 2021 | 1 Perak<br>1 Gangsa |

**Mesyuarat Jawatankuasa Kerja**

| Bil. | Mesyuarat | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sukan Berbasikal | Majlis Sukan Wilayah Persekutuan | 21 September 2021 |

Pasukan Berbasikal Wilayah Persekutuan terdiri dari dua pasukan. Pasukan Lebuhraya dan Trek berada di bawah kendalian Persatuan Berbasikal Kuala Lumpur dan Pasukan XCO & Downhill berada di bawah kendalian Persatuan Berbasikal Putrajaya.

Untuk tahun 2021, pasukan berbasikal Wilayah Persekutuan telah menyertai 4 kejohanan rasmi sebagai persiapan pasukan menghadapi Temasya SUKMA 2022. Kejohanan yang paling cemerlang untuk tahun 2021 adalah di Kejohanan Kebangsaan Berbasikal 2021 dengan Yeong Zhen Yi berjaya memenangi serta menjadi juara kebangsaan untuk acara ujian masa perseorangan bawah 19 tahun.

Bagi pasukan XCO pula telah menyertai kejohanan Qobe XCC Mountain Bike Challenge 2021 dengan berjaya memperoleh 1 perak dan 1 gangsa.

Selain dari itu, antara kejohanan lain yang disertai oleh pasukan Berbasikal adalah Kejohanan Jelajah Negeri Sembilan yang diadakan pada 2 hingga 5 Disember 2021. Pada kejohanan ini pasukan berjaya meraih pencapaian podium pada peringkat pertama dan kedua. Ini menunjukkan prestasi atlet dalam landasan yang tepat dalam persiapan menghadapi Temasya SUKMA 2022. Pasukan berbasikal juga telah menyertai 1 kejohanan trek pada Kejohanan Berbasikal Trek Kebangsaan 2021 pada 13 hingga 16 Disember 2021 yang diadakan di Velodrom Nasional Nilai, Negeri Sembilan. Pada kejohanan ini pasukan Berbasikal berjaya meraih 1 pingat gangsa menerusi acara individu *pursuit* wanita, Yeong Zhen Yi.




Yeong Zhen Yi setelah memenangi ujian masa perseorangan bawah 19 tahun dengan memakai baju juara kebangsaan



Atlet memberi fokus untuk dilepaskan semasa kejohanan




Atlet melakukan pemanas badan sebelum acara dimulakan



Atlet melakukan latihan di Kemensah Height

**Sukan** : **Bola Jaring**

**Penyelaras** : **Muhamad Khudhoiri bin Bonari**

**Persatuan Sukan** : **Persatuan Bola Jaring Kuala Lumpur**



**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Norizan bt Rajab | Kompleks Perniagaan PT 80 DBKL Kuala Lumpur |
| 2. | Noorahiza bt Azami | |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| Atlet | | | | | 15 | 1 | 2 | | 18 |

**Kejohanan / Pertandingan Dalam Negara**

| Bil. | Kejohanan | Tempat | Tarikh | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Kejohanan Netball Super League 2021 | Stadium Bukit Kiara | 15 Mac - 11 April 2021 | Juara |
| 2. | Kejohanan Terbuka Kebangsaan 2021 | Stadium Bukit Kiara | 20 - 23 Disember 2021 | Juara |

**Mesyuarat Jawatankuasa Kerja**

| Bil. | Mesyuarat | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil 1/2021 | Bilik Mesyuarat MSWP | 14 Januari 2021 |
| 2. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil 2/2021 | Bilik Mesyuarat MSWP | 12 Ogos 2021 |
| 3. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil 3/2021 | Bilik Mesyuarat MSWP | 18 November 2021 |

Pada tahun 2021 terdapat 2 kejohanan bertaraf kebangsaan yang disertai oleh pasukan Bola Jaring SUKMA Wilayah Persekutuan. Kejohanan tersebut ialah Kejohanan Netball Super League dan Kejohanan Bola Jaring Kebangsaan. Untuk makluman Kejohanan Netball Super League (NSL) merupakan kejohanan terbesar dalam sukan Bola Jaring yang julung kali diadakan oleh Persatuan Bola Jaring Kebangsaan bersama pihak Astro. Dalam kejohanan ini pasukan Wilayah Persekutuan diwakili oleh 9 atlet SUKMA dan 3 atlet bekas SUKMA Wilayah Persekutuan. Dengan keputusan akhir sebagai juara, secara tidak langsung Wilayah Persekutuan dinobatkan sebagai Juara edisi pertama NSL 2021.

Kejohanan kedua yang disertai oleh pasukan Bola Jaring Wilayah Persekutuan ialah Kejohanan Bola Jaring Terbuka Kebangsaan. Dalam kejohanan ini pasukan Wilayah Persekutuan telah menghantar pasukan SUKMA dan berjaya

mendapat johan dengan menewaskan pasukan Johor. Dalam kejohanan ini, Nor Diyanah Sabadine telah dianugerahkan sebagai pemain terbaik perlawanan akhir manakala Pavithra pula dianugerahkan sebagai pemain pertahanan terbaik semasa kejohanan.



Pasukan Wilayah Persekutuan yang menjuarai Netball Super League 2021



Aksi perlawanan antara WiPers bertemu Perak



Antara aksi perlawanan antara WiPers bertemu Melaka



Gambar Pasukan Wilayah Persekutuan yang menyertai Kejohanan Bola Jaring Kebangsaan 2021

**Sukan** : **Bola Keranjang**

**Penyelaras** : **Mohd Jauhar Ikhwan bin Ismail**

**Persatuan Sukan** : **Persatuan Bola Keranjang Kuala Lumpur**

**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | En. Looi Seng Loong | Setia Alam Rex Basketball Court |
| 2. | En. Low Boon Hong | |
| 3. | Cik Low Chee Mei | |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| Atlet | 1 | 17 | | | | 18 | | | 36 |

**Mesyuarat Jawatankuasa Kerja**

| Bil. | Mesyuarat | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sukan Bola Keranjang | Majlis Sukan Wilayah Persekutuan | 10 November 2021 |

Pasukan Bola Keranjang Wilayah Persekutuan telah berlatih seperti biasa pada tahun 2021 walaupun negara masih melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan. Pasukan lelaki tetap melakukan latihan kecergasan di rumah sewaan dan telah di berikan tunjuk ajar oleh tenaga pengajar pakar. Manakala pasukan wanita melakukan latihan secara *online* untuk memastikan latihan tetap berjalan dan kecergasan dapat dikekalkan pada tahap optimum.



Ujian kecergasan Bola Keranjang




Perlawanan Kuala Lumpur di Kejohanan Menteri Besar Negeri Sembilan



Latihan pasukan lelaki



Latihan secara kendiri semasa Perintah Kawalan Pergerakan

**Sukan** : **Bola Tampar**

**Penyelaras** : **Muhammad Syafiq bin Shaharudin**

**Persatuan Sukan** : **Persatuan Bola Tampar Kuala Lumpur**
**Persatuan Bola Tampar Amatur WP Labuan**



**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Ong Chun Keong | Gelanggang Bola Tampar Dewan, Menara Boustead, Kuala Lumpur |
| 2. | Lee Han Kie | |
| 3. | Ahmad Fadly bin Abdul Rahman | Gelanggang Bola Tampar Pantai, Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan |
| 4. | Mohd Radzi bin Mohd Rawi | Gelanggang Bola Tampar Pantai, Presint 4, Putrajaya |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| Atlet | 7 | 16 | 1 | | 1 | 23 | | | 48 |

**Kejohanan / Pertandingan Dalam Negara**

| Bil. | Kejohanan | Tempat | Tarikh | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Perlawanan Persahabatan 5 Penjuru | Dewan MBSA Seksyen 19, Shah Alam, Selangor | 18 - 19 Disember 2021 | Menang 2 perlawanan. |
| 2. | Kejohanan Bola Tampar Pantai Kebangsaan Siri 1 | Gelanggang Bola Tampar Pantai, Seksyen 19, Shah Alam, Selangor | 3 - 5 Disember 2021 | Pasukan Lelaki - Separuh Akhir<br>Pasukan Wanita - Suku Akhir |

| Bil. | Kejohanan | Tempat | Tarikh | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|
| 3. | Kejohanan Bola Tampar Pantai Kebangsaan Siri 2 | Gelanggang Bola Tampar Pantai Batu Ferringhi, Pulau Pinang | 9 - 12 Disember 2021 | Pasukan Lelaki - Gangsa<br>Pasukan Wanita - Suku Akhir |
| 4. | Kejohanan Bola Tampar Pantai Kebangsaan Siri 3 | Gelanggang Bola Tampar Pantai Danga Bay, Johor | 17 - 19 Disember 2021 | Pasukan Wanita - Suku Akhir |

**Mesyuarat Jawatankuasa Kerja**

| Bil. | Mesyuarat | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil.1/2021 | Bilik Mesyuarat MSWP | 16 Mac 2021 |
| 2. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil.2/2021 | Bilik Mesyuarat Hotel Palm Garden | 24 November 2021 |

Latihan pasukan Bola Tampar Dewan WiPers dan pasukan Bola Tampai Pantai WiPers hanya dapat dijalankan secara dalam talian disebabkan oleh arahan PKP yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan pada permulaan tahun 2021. Latihan yang dijalankan lebih tertumpu kepada latihan fizikal dan memperbaiki teknik asas bagi memastikan atlet kekal cergas dalam tempoh PKP. Pasukan Bola Tampar Dewan WiPers telah menyertai perlawanan persahabatan 5 penjuru yang diadakan pada 18 hingga 19 Disember 2021 bertempat di Dewan MBSA, Shah Alam, Selangor. Perlawanan persahabatan ini disertai oleh 4 pasukan Bola Tampar iaitu Selangor Eagles, SMK Pandan Mewah, VPM Sports Club dan Titans Kuantan. Pasukan Bola Tampar Dewan berjaya memenangi 2 perlawanan menentang VPM Sports Club dan SMK Pandan Mewah. Untuk makluman, pasukan Bola Tampar Pantai telah menyertai 3 siri kejohanan kebangsaan yang diadakan pada bulan Disember 2021 bertempat di lokasi yang berbeza. Kejohanan ini merupakan medan pemilihan atlet Bola Tampar Pantai untuk mewakili negara ke Temasya Sukan SEA dan Sukan Komanwel yang akan diadakan pada tahun 2022. Pada Kejohanan Kebangsaan siri 1 yang diadakan pada 3 - 5 Disember 2021 bertempat di Selangor, pasukan lelaki berjaya layak ke peringkat separuh akhir manakala pasukan wanita pula layak ke peringkat suku akhir sebelum tewas kepada lawan masing-masing. Kejohanan ini merupakan kejohanan kompetitif pertama yang disertai oleh kedua-dua pasukan setelah hampir 2 tahun tiada penganjuran kejohanan akibat pandemik Covid-19. Momentum dan semangat pasukan perlu dikekalkan sebagai persediaan menyertai kejohanan seterusnya di Pulau Pinang. Pasukan lelaki berjaya mempamerkan prestasi yang baik pada kejohanan siri 2 di Pulau Pinang apabila berjaya memenangi pingat gangsa manakala pasukan wanita layak ke pusingan suku akhir sebelum tewas kepada pasukan dari Selangor yang diwakili atlet kebangsaan. Kejohanan terakhir yang disertai pasukan bola tampar wanita adalah kejohanan kebangsaan siri 3 di Danga Bay, Johor. Pasukan wanita mengekalkan pencapaian pada 2 kejohanan sebelum ini apabila layak ke pusingan suku akhir namun terpaksa akur dengan kekalahan kepada pasukan yang lebih berpengalaman.



Keadaan gelanggang Bola Tampar Dewan MBSA setelah dinaiki air akibat banjir yang melanda sekitar kawasan Shah Alam



Barisan jurulatih dan atlet pasukan Bola Tampar Dewan Lelaki ketika menyertai perlawanan persahabatan 5 penjuru di Shah Alam



Aksi pasukan Bola Tampar Pantai Lelaki pada Kejohanan Kebangsaan Siri 2 di Pulau Pinang



Aksi pasukan Bola Tampar Pantai Wanita pada Kejohanan Kebangsaan Siri 3 di Danga Bay, Johor

**Sukan** : **Boling Padang**

**Penyelaras** : **Khairul Azli bin Kamarul Adnan**

**Persatuan Sukan** : **Persatuan Boling Padang W.P.Labuan**

**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan :**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Aisah binti Alias | Arena Boling Padang Labuan |
| 2. | Hassan bin Hussein @ Hussin | |

**Maklumat Atlet :**

| Bil. | Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| 1 | Atlet | 16 | 0 | 0 | 0 | 16 | 0 | 0 | 0 | 32 |

**Kejohanan / Pertandingan Dalam Negara**

| Bil. | Kejohanan | Tempat | Tarikh | Penyertaan | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Open Triples Tertutup Labuan Ambang 2022 Peringkat Labuan | Labuan | 29 Disember 2021 – 01 Januari 2022 | 8 Pasukan | Johan / Naib Johan / Ke 3, 4, 7, 8, 9, 10, 11, 14 & Ke 16 |
| 2. | Karnival Bakat Sukan Lawn Bowls | Labuan | 25 Disember 2021 | 12 Pasukan | Johan – Ke 12 |

**Mesyuarat Jawatankuasa Kerja**

| Bil. | Mesyuarat | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil.1/2021 | MSWP | 12 Februari 2021 |
| 2. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil.2/2021 | MSWP | 30 Julai 2021 |
| 3. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil.3/2021 | Palm Beach Resort, Labuan | 23 November 2021 |

Pasukan Boling Padang WiPers menjalani Latihan di Arena Boling Padang Antarabangsa Labuan. Terdapat dua Kejohanan dalam negara telah disertai oleh Pasukan Boling Padang. Seramai 20 orang atlet SUKMA daripada Persatuan-Persatuan Boling Padang Labuan telah menyertai Kejohanan Open Triples Tertutup Labuan Ambang 2022 Peringkat Labuan yang berlangsung pada 29 Disember 2021 – 01 Januari 2022 dan Karnival Bakat Sukan Lawn Bowls yang berlangsung pada 25 Disember 2021. Kejohanan ini telah mengembalikan keyakinan dan prestasi pasukan WiPers setelah ketiadaan kejohanan kerana PKP. Latihan di Labuan turut menggunakan Gimnasium MSWP.









Atlet WiPers yang memenangi hadiah pada Open Triples tertutup Labuan Ambang 2022 Peringkat Labuan

**Sukan** : **E-Sports**

**Penyelaras** : **Khairul Azli bin Kamarul Adnan**

**Persatuan Sukan** : **Persatuan E-Sports Kuala Lumpur**



**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan :**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Shaharil Shaifuddin bin Shaharuddin | *Online*/ Gamesbond |
| 2. | Shahrul Nizam bin Noor Azmi | *Online*/ IO E-Sports |
| 3. | Muhammad Marsham bin Mohd Maghrib | *Online*/ IO E-Sports |

**Maklumat Atlet :**

| Bil. | Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| 1. | Atlet | 25 | | | | 1 | | | | 26 |

**Kejohanan / Pertandingan Dalam Negara**

| Bil. | Kejohanan | Tempat | Tarikh | Penyertaan | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | TIADA | | | | |

**Kejohanan / Pertandingan Luar Negara**

| Bil. | Kejohanan | Tempat | Tarikh | Penyertaan | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | TIADA | | | | |

**Mesyuarat Jawatankuasa Kerja**

| Bil. | Mesyuarat | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil.1/2021 | MSWP | 10 Mac 2021 |
| 2. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil.2/2021 | MSWP | 06 Oktober 2021 |
| 3. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil.3/2021 | Pusat Latihan Gamesbond, Damansara | 10 Disember 2021 |

Pasukan E-Sports WiPers menjalani Latihan secara *online*. Terdapat dua orang atlet Mobile Legend (MLBB) telah terpilih di dalam program Sukan SEA Vietnam. Seramai 20 orang atlet SUKMA daripada Persatuan Elektronik Kuala Lumpur telah terpilih mewakili Wilayah Persekutuan ke SUKMA (6 atlet Dota 2, 6 atlet MLBB dan 4 atlet Pro Evolution Soccer PES). Pasukan E-Sports telah menjalani Latihan dan mengadakan perlawanan persahabatan secara *online*.

**Sukan : Gimnastik Artistik**

**Penyelaras : Muhammad Syafiq bin Shaharudin**

**Persatuan Sukan : Persatuan Gimnastik Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**



**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Thong Chee Wai | Pusat Latihan Gimnastik Taman Tasik Perdana, Kuala Lumpur |
| 2. | Nabihah Ali | |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| Atlet | | 1 | | | 4 | 4 | 0 | | 9 |

**Kejohanan / Pertandingan Dalam Negara**

| Bil. | Kejohanan | Tempat | Tarikh | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|
| 1. | TIADA | | | |

**Mesyuarat Jawatankuasa Kerja**

| Bil. | Mesyuarat | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil 1 | Bilik Mesyuarat MSWP | 6 April 2021 |

Pasukan Gimnastik Artistik WiPers telah menjalankan latihan secara dalam talian mengikut program latihan yang telah disediakan oleh jurulatih pada permulaan tahun 2021. Program latihan yang dijalankan lebih memfokuskan kepada mengekalkan tahap kecergasan dan memperbaiki teknik asas atlet semasa tempoh PKP. Bermula pada bulan September 2021, jurulatih dan atlet telah kembali menjalani program latihan secara fizikal mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan. Untuk makluman, seorang atlet Gimnastik Artistik WiPers iaitu Geanie Ng Ee Ling telah terpilih untuk mengikuti Kem Latihan Atlet Kebangsaan pada 10 - 21 November 2021 bertempat di Baku, Azerbaijan. Penyertaan ke kem latihan ini merupakan platform terbaik untuk mendapatkan pendedahan dan pengalaman berlatih bersama atlet luar negara.



Sesi latihan pasukan Gimnastik Artistik yang dijalankan secara atas talian semasa PKP di bawah kendalian jurulatih, En. Thong Chee Wai



Sesi latihan atlet Gimnastik Artistik Wilayah Persekutuan di bawah kendalian jurulatih Thong Chee Wai dan Nabihah Ali di Pusat Latihan Gimnastik Taman Tasik Perdana, Kuala Lumpur




Gambar atlet Geanie Ng Ee Ling bersama pasukan Gimnastik Artistik negara sebelum berlepas ke Baku, Azerbaijan bagi mengikuti Kem Latihan Pusat



Sesi latihan pasukan Gimnastik Artistik yang dijalankan secara atas talian semasa PKP di bawah kendalian jurulatih, Pn. Nabihah binti Ali

**Sukan** : **Gimrama**

**Penyelaras** : **Muhammad Syafiq bin Shaharudin**

**Persatuan Sukan : Persatuan Gimnastik Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**

**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Tai Qing Tong | Pusat Latihan Negeri MSWP, Endah Parade, Sri Petaling |
| 2. | Afrita Ariany binti Nasril | Gymdays Studio, Cyberjaya |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| Atlet | | | | | 1 | 9 | | | 10 |

**Kejohanan / Pertandingan Dalam Negara**

| Bil. | Kejohanan | Tempat | Tarikh | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Pertandingan Kemahiran Sukan e-Gimrama MSSM 2021 | Secara dalam talian | 13 - 15 Oktober 2021 | 12 emas<br>10 perak<br>6 gangsa |

**Mesyuarat Jawatankuasa Kerja**

| Bil. | Mesyuarat | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil.1 | Bilik Mesyuarat MSWP | 6 April 2021 |

Program latihan atlet Gimrama WiPers dijalankan secara dalam talian pada permulaan tahun 2021 bagi mengekang penularan Covid-19. Latihan secara fizikal telah bermula pada bulan Oktober 2021 mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan. Untuk makluman, pasukan Gimrama WiPers telah menyertai Pertandingan Kemahiran Sukan e-Gimrama MSSM 2021 yang dianjurkan secara dalam talian pada 13 hingga 15 Oktober 2021. Pasukan Gimrama WiPers yang terdiri daripada atlet junior dan senior berjaya memenangi 12 pingat emas, 10 pingat perak dan 6 pingat gangsa pada pertandingan tersebut. Jurulatih Gimrama di bawah Persatuan Gimnastik Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menghadiri satu klinik mengenai *Code of Points* (*difficulty combinations, risks and masteries*) 2022/2024 pada 28 Disember 2021 anjuran Persekutuan Gimnastik Malaysia.



Aksi atlet Gimrama Wilayah Persekutuan Erin Chan bagi acara gelung pada Pertandingan Kemahiran Sukan e-Gimrama MSSM 2021 secara dalam talian



Aksi Trisha Ng Xue Wen bagi acara bola pada Pertandingan Kemahiran Sukan e-Gimrama MSSM 2021 secara dalam talian




Sesi latihan secara dalam talian dibawah kendalian jurulatih, Puan Afrita Ariany



Sesi latihan atlet Gimrama di bawah kendalian jurulatih, Cik Tai Qing Tong di Pusat Latihan Negeri MSWP, Endah Parade, Sri Petaling

**Sukan** : **Golf**

**Penyelaras** : **Mohd Jauhar Ikhwan bin Ismail**

**Persatuan Sukan** : **Persatuan Golf Kuala Lumpur**



**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | En. Wan Muhammad Adzwan bin Mohamed | Kelab Golf Perkhidmatan Awam |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| Atlet | 4 | | | | | 3 | | | 7 |

**Kejohanan / Pertandingan Dalam Negara**

| Bil. | Kejohanan | Tempat | Tarikh | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Kejohanan 1st Leg Sportexcel Malaysian Junior Premier Elite Golf Circuit 2021 | Danau Golf Club, Bangi | 9 – 11 November 2021 | 1 Emas |

**Mesyuarat Jawatankuasa Kerja**

| Bil. | Mesyuarat | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Perbincangan bersama jurulatih | Padi House, Cyberjaya | 21 Mac 2021 |
| 2. | Perbincangan bersama pengurus pasukan Golf | Majlis Sukan Wilayah Persekutuan | 24 April 2021 |

Pasukan Golf Wilayah Persekutuan di uruskan oleh Persatuan Golf Kuala Lumpur. Sebanyak 4 orang atlet lelaki dan 3 orang atlet wanita berada di dalam program WiJuara sebagai persiapan ke Sukan Malaysia 2022. Untuk atlet lelaki kesemuanya berlatih di bawah Akademi Golf Kebangsaan Universiti Utara Malaysia, Sintok. Manakala 2 atlet Golf wanita berpengkalan di USA dan seorang di Kuala Lumpur. Untuk tahun 2021, pasukan Golf banyak berlatih dalam persiapan untuk memantapkan permainan semasa di dalam padang memandangkan telah lama tidak menyertai kejohanan.

Pada penghujung tahun 2021, seorang atlet Golf telah menyertai kejohanan Sportexcel Malaysian Junior Premier Elite Golf Circuit 2021 yang berlangsung pada 9 hingga 11 November 2021 bertempat di Danau Golf Club, Bangi. Pada Kejohanan ini beliau berjaya meraih pingat emas dalam kategori wanita. Ini adalah permulaan yang baik setelah hampir 2 tahun tidak menyertai kejohanan akibat dari wabak Covid-19.



Atlet melakukan latihan Driving Range



Atlet melakukan latihan di padang




Atlet Golf Ng Jing Xuen memenangi Sportexcel Siri 1

**Sukan** : **Hoki**

**Penyelaras** : **Muhammad Hisham bin Damiri**

**Persatuan Sukan** : **Persatuan Hoki Kuala Lumpur**



**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | James Murthy A/L Benjamin Murty | Stadium Hoki Pantai, Kuala Lumpur |
| 2. | Mohd Badrul Hisham bin Osman | |
| 3. | Kannagi A/P Arumugam | |
| 4. | Roshin bin Noordin | |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| Atlet | 25 | | 2 | 1 | 25 | | 1 | 1 | 55 |

**Kejohanan / Pertandingan Dalam Negara**

| Bil. | Kejohanan | Tempat | Tarikh | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Kejohanan Hoki TNB Piala Tun Abdul Razak 2021 (Lelaki) | Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil | 10 hingga 21 Oktober 2021 | Ke-5 |
| 2. | Kejohanan Hoki TNB Piala Tun Abdul Razak 2021 (Wanita) | Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil | 10 hingga 21 Oktober 2021 | Johan |
| 3. | Kejohanan Liga Hoki Dalam Dewan Kebangsaan 2021 | Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak | 10 hingga 19 Disember 2021 | Ke-4 |

**Mesyuarat Jawatankuasa Kerja**

| Bil. | Mesyuarat | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil 1/2021 | Pejabat Persatuan Hoki Kuala Lumpur | 24 April 2021 |
| 2. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil 2/2021 | Bilik Perbincangan MSWP | 19 Ogos 2021 |
| 3. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil 3/2021 | Bilik Perbincangan MSWP | 2 Disember 2021 |

Pasukan Hoki WiPers telah menyertai 2 kejohanan peringkat kebangsaan yang dianjurkan oleh Konfederasi Hoki Malaysia (KHM) iaitu Kejohanan Hoki TNB Piala Tun Abdul Razak 2021 dan Kejohanan Liga Hoki Dalam Dewan Kebangsaan 2021. Untuk makluman, Kejohanan Hoki TNB Piala Tun Abdul Razak ini merupakan salah satu kejohanan terbesar yang anjurkan oleh KHM dengan kerjasama Tenaga Nasional Berhad (TNB) selain Kejohanan Liga Hoki Malaysia (MHL). Pada kejohanan ini pasukan Hoki Wanita WiPers telah dibarisi oleh 13 orang pemain SUKMA dan 5 orang bekas pemain SUKMA. Manakala pasukan Hoki Lelaki pula dibarisi oleh 7 pemain SUKMA dan 11 bekas pemain SUKMA WiPers. Pasukan Hoki Wanita WiPers muncul juara pada kejohanan ini selepas menewaskan juara bertahan, Pahang dengan jaringan 1-0 di perlawanan akhir. Pasukan Hoki Lelaki pula berjaya mendapat tempat Ke-5 selepas berjaya menewaskan pasukan PRDM pada perlawanan penentuan tempat ke-5 & 6.

Kejohanan kedua yang disertai oleh pasukan Hoki Wanita WiPers ialah Kejohanan Hoki Dalam Dewan Kebangsaan 2021. Kejohanan ini merupakan kejohanan terakhir bagi tahun 2021 di dalam kalender KHM. Hanya 6 pasukan sahaja yang menyertai kejohanan ini dan merupakan kejohanan kategori terbuka. Pasukan WiPers dibarisi oleh majoriti pemain SUKMA dan hanya 3 orang pemain senior. Pasukan Hoki WiPers berjaya menduduki tempat ke-4 pada kejohanan ini.

Sebagai tambahan, selain 2 kejohanan ini, atlet Hoki WiPers turut menyertai Kejohanan Liga Hoki Malaysia 2021. Bagi kategori wanita, seramai 13 orang atlet SUKMA mewakili pasukan Young Tigress dan 2 orang mewakili pasukan PKS Uniten-KPT. Manakala bagi pasukan lelaki, 1 orang atlet SUKMA mewakili pasukan Maybank dan 1 orang atlet mewakili pasukan UiTM HA.




Pasukan Hoki WiPers dinobatkan sebagai Juara Kejohanan Hoki TNB Piala Tun Abdul Razak 2021 bagi kategori wanita



Perlawanan peringkat kumpulan antara pasukan WiPers menentang pasukan Selangor pada Kejohanan Hoki TNB Piala Tun Abdul Razak 2021



Atlet Hoki menjalani latihan bebanan di Gimnasium MSWP sebagai persediaan bagi menghadapi Kejohanan Hoki TNB Piala Tun Abdul Razak 2021



Barisan pemain Hoki WiPers bagi Kejohanan Hoki Dalam Dewan Kebangsaan 2021 yang diadakan pada 10 – 19 Disember 2021 bertempat di UPSI, Tanjung Malim, Perak.



Sesi latihan pasukan Hoki Lelaki WiPers dibawah kendalian jurulatih En. James Murthy

**Sukan** : **Judo**

**Penyelaras** : **Muhammad Hafiz bin Jamil Khair**

**Persatuan Sukan** : **Kelab Judo Panthera Tigris**
**Kelab Judo Jaya**
**Persatuan Judo Putrajaya**



**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Yeoh Oon Oon | KL Judo Center, Plaza Pudu |
| 2. | Muhammad Jafaanuar bin Jamaluddin | SMK Seri Bintang Utara, Cheras |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| Atlet | 4 | 7 | 1 | 1 | 6 | 6 | | | 25 |

**Kejohanan / Pertandingan Dalam Negara**

| Bil. | Kejohanan | Tempat | Tarikh | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Kem Latihan Sukan Judo | SDTC, Kg Baru, KL | 26-28 Mac 2021 | Kem Latihan Secara Kuarantin Berpusat |

**Mesyuarat Jawatankuasa Kerja**

| Bil. | Mesyuarat | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Perbincangan Antara Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) Bersama Kelab Judo Jaya Dan Pegawai Kedutaan Jepun | Bilik Mesyuarat Pejabat Urusan Sogo, KL | 21 April 2021 |
| 2. | Perbincangan Bersama Jurulatih Secara Atas Talian | Kediaman Masing-Masing | 2 Ogos 2021 |

Untuk makluman, semua kejohanan di dalam kalendar 2021 Persatuan Judo Kebangsaan terpaksa ditunda dan juga dibatalkan. Walau bagaimanapun MSWP telah berjaya merancang Kem Latihan Pusat Secara Kuarantin (*Quarantine Based Approach*, QBA) yang diadakan di SDTC, Kg Baru, Kuala Lumpur pada 26 hingga 28 Mac 2021 yang telah disertai oleh para atlet sukan judo.

Sebelum dan selepas daripada kem ini para atlet sukan Judo hanya menjalankan latihan kecergasan fizikal sama ada di rumah (ketika tempoh PKP) atau di One Reps Gym, Ampang apabila gimnasium dibenarkan beroperasi. Ini adalah salah satu inisiatif daripada pasukan Judo Wilayah Persekutuan untuk tetap kekal berlatih walau terdapat pelbagai halangan akibat daripada wabak yang sedang melanda negara.

Manakala di KL Judo Center, Plaza Pudu pula, latihan hanya dapat dijalankan selepas pihak pengurusan kompleks tersebut memberi kebenaran berdasarkan kelulusan MKN iaitu bermula pada bulan September 2021. Selain daripada itu kedua-dua jurulatih hanya mampu memberikan arahan, tunjuk ajar dan membuat pemantauan program latihan para atlet secara atas talian sahaja.

Selepas pihak kerajaan telah memberikan kelonggaran terhadap lebih banyak sektor, MSWP telah merancang untuk melaksanakan sekali lagi Kem Latihan Pusat Secara Kuarantin (*Quarantine Based Approach*, QBA) kali ini diadakan pada 15 hingga 20 November 2021 bertempat di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Negeri Sembilan. Walau bagaimanapun Pasukan Judo Wilayah Persekutuan terpaksa menarik diri saat akhir daripada menyertai kem ini kerana separuh daripada pasukan telah disahkan positif virus Covid-19.

Sepanjang tahun 2021 segala mesyuarat dan perbincangan bersama jurulatih dan juga pemantauan latihan atau berkomunikasi bersama atlet dilaksanakan lebih diadakan secara atas talian bagi mengurangkan risiko penularan jangkitan virus Covid-19.



Jurulatih Jafaanuar mengendalikan sesi latihan di One Reps Gym, Ampang selepas kerajaan memberikan kebenaran dan melonggarkan sekatan gimnasium diberikan kebenaran untuk beroperasi





Jurulatih Yeoh Oon Oon mengendalikan sesi latihan di KL Judo Center, Plaza Pudu selepas kerajaan memberikan kelonggaran dan kebenaran untuk aktiviti sukan kombat dijalankan dengan SOP yang ketat




Jurulatih turut mengendalikan dan membuat pemantauan program latihan secara dalam talian sepanjang tempoh PKP

**Sukan** : **Kanu**

**Penyelaras** : **Khairul Azli bin Kamarul Adnan**

**Persatuan Sukan** : **Persatuan Kanu Putrajaya**
**Persatuan Kanu Kuala Lumpur**

**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan :**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Adam bin Aris | Kelab Tasik Putrajaya |
| 2. | Azhari Hussen | |
| 3. | Julianda bin Amin | Tasik Titiwangsa, KL |
| 4. | Mohd Khirulniza bin Salleh | |

**Maklumat Atlet:**

| Bil. | Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| 1. | Atlet | 24 | | | | 20 | | | | 44 |

**Kejohanan / Pertandingan Dalam Negara**

| Bil. | Kejohanan | Tempat | Tarikh | Penyertaan | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Pertandingan Persahabatan Perahu Tradisional | Pagoh, Johor | 10 – 12 Disember 2021 | 28 Orang | 2 Perak 1 Gangsa |
| 2. | Pemilihan Pasukan Kebangsaan | Kelab Tasik Putrajaya | 17 – 18 Disember 2021 | 19 orang | 5 orang lelaki dan 5 orang wanita tersenarai dalam Skuad Kebangsaan |
| 3. | Liga Kanu Polo Kuala Lumpur (Kejohanan Dalaman WP) | Taman Tasik Titiwangsa | 27 - 28 November 2021 | 30 orang | Penyertaan pasukan daripada atlet-atlet Kuala Lumpur dan Putrajaya. |
| 4. | Pertandingan Persahabatan Kanu Polo Jemputan Johor 2021 | Pagoh, Johor | 10 – 12 Disember 2021 | 28 orang | Lelaki<br>- Pingat Perak<br>-Tempat Ke-4<br><br>Wanita<br>- Pingat Emas |

**Kejohanan / Pertandingan Luar Negara**

| Bil. | Kejohanan | Tempat | Tarikh | Penyertaan | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | ICF Junior & U23 Canoe Sprint World Championship | Montemor O-Velho Portugal | 22 Ogos – 6 September | Seorang atlet lelaki<br>& seorang wanita | Perbaharui Rekod Kebangsaan K1 1000m L<br>K1 500m W<br>K1 200m W |

**Mesyuarat Jawatankuasa Kerja**

| Bil. | Mesyuarat | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat JKK Bil.1 | Kelab Tasik Putrajaya | 24 April 2021 |
| 2. | Mesyuarat JKK Bil.2 | MSWP | 25 September 2021 |
| 3. | Mesyuarat JKK Bil.3 | MSWP | 11 Disember 2021 |

Pasukan Kanu WiPers mengadakan latihan di dua pusat latihan iaitu di Tasik Titiwangsa Kuala Lumpur dan Tasik Putrajaya. Sepanjang tahun 2021, terdapat tiga kejohanan dalam negara, satu kejohanan luar negara dan 1 sesi pemilihan atlet kebangsaan telah disertai oleh Pasukan Kanu WiPers. Seramai 32 orang atlet SUKMA daripada 2 persatuan telah menyertai Pertandingan Persahabatan Perahu Tradisional yang berlangsung pada 10 hingga 12 Disember 2021, Liga Kanu Polo Kuala Lumpur (Kejohanan Dalaman Wilayah Persekutuan) yang berlangsung pada 27 & 28 November 2021, Pertandingan Persahabatan Kanu Polo Jemputan Johor 2021 yang berlangsung pada 10 hingga 12 Disember 2021 dan Pemilihan Pasukan Kebangsaan yang berlangsung pada 17 & 18 Disember 2021. Prestasi atlet-atlet semakin meningkat dan catatan masa semakin baik. Atlet prospek WiPers berjaya memecahkan rekod kebangsaan dalam acara K1 1000m dengan catatan masa (4.02s) di Kejohanan ICF Junior & U23 Canoe Sprint World Championship bertempat di Montemor O-Velho Portugal pada 22 Ogos – 6 September 2021.

**K1 U23 Men 1000m - Heat 1** — **Race 16** — 10:30 - 03/09/2021

| Rank | Lane | NF | | Name(s) | | 250m | 500m | 750m | Time | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 5 | GER | 617 | Martin HILLER | 2000 | 49.300 | 1:42.176<br>52.876 | 2:35.532<br>53.356 | **3:31.356**<br>55.824 | | SF |
| 2 | 2 | SWE | 850 | Dennis KERNEN | 2000 | 49.104 | 1:41.468<br>52.364 | 2:36.632<br>55.164 | **3:34.376**<br>57.744 | +3.020 | SF |
| 3 | 1 | CAN | 537 | Laurent LAVIGNE | 2001 | 48.628 | 1:42.572<br>53.944 | 2:38.756<br>56.184 | **3:35.829**<br>57.073 | +4.473 | SF |
| 4 | 4 | ESP | 833 | Aitor GORROTXATEGI | 1998 | 49.864 | 1:43.284<br>53.420 | 2:38.660<br>55.376 | **3:36.136**<br>57.476 | +4.780 | SF |
| 5 | 6 | LTU | 703 | Tomas JUSEVICIUS | 1999 | 51.380 | 1:45.560<br>54.180 | 2:41.924<br>56.364 | **3:38.073**<br>56.149 | +6.717 | SF |
| 6 | 7 | NED | 717 | Milan DEKKER | 2001 | 51.580 | 1:48.188<br>56.608 | 2:46.896<br>58.708 | **3:43.726**<br>56.830 | +12.370 | sf |
| 7 | 8 | CHI | 542 | Jose GARCES | 1999 | 54.152 | 1:54.444<br>1:00.292 | 2:58.864<br>1:04.420 | **4:02.391**<br>1:03.527 | +31.035 | |
| 8 | 3 | MAS | 707 | Khairul ZAINAL | 2000 | 54.256 | 1:59.088<br>1:04.832 | 3:00.428<br>1:01.340 | **4:02.851**<br>1:02.423 | +31.495 | |

*1/5 + 2x6th BT to semifinal, rest out.*

Keputusan pertandingan di ICF Junior & U23 Canoe Sprint World Championship. Atlet prospek WiPers berjaya memecahkan rekod kebangsaan dalam acara K1 1000m







Atlet Wilayah Persekutuan, Khairul Naim bin Zainal dan Aisyah Farhanah binti Azwan ke ICF Junior World Champ di Portugal





Kem Latihan Pusat dan Perlawanan Persahabatan Perahu Tradisional di Pagoh, Johor




Atlet Wilayah Persekutuan di Pertandingan Perahu Tradisional Jemputan Johor 2021





Aksi pasukan Kanu Polo Lelaki





**Sukan** : **Karate**

**Penyelaras** : **Akmal Syarifuddin bin Ahmad**

**Persatuan Sukan** : **Persatuan Karate Hayashi-Ha Kuala Lumpur**
**Persatuan Karate-Do Wilayah Persekutuan Putrajaya**
**Persatuan Karete Wilayah Persekutuan Labuan**



**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Arivalagan A/L Ponniyah | Jalan Ipoh, Kuala Lumpur |
| 2. | Thiagu A/L Ponniyah | UTC Sentul |
| 3. | Yamini A/P Gopalasamy | Jalan Ipoh, Kuala Lumpur |
| 4. | Aswadee bin Taba | USK Dojo Labuan |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| Atlet | 2 | 0 | 9 | 0 | 0 | 0 | 5 | 0 | 16 |

**Kejohanan / Pertandingan Dalam Negara**

| Bil. | Kejohanan | Tempat | Tarikh | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Kejohanan Karate Tertutup (Wi-Juara) 17-21 Tahun 2021 | UTC Sentul | 21 November 2021 | |
| 2. | Latihan Sparring 5 Penjuru Bersama Pasukan SUKMA Perlis, Kedah & Perak Dan Pulau Pinang | Global Sports Seminar Hall, Ipoh | 27 - 28 November 2021 | |
| 3. | Latihan Sparring Bersama Pasukan Karate SUKMA Negeri Sabah | Kota Kinabalu | 27 - 30 Disember 2021 | |

**Mesyuarat Jawatankuasa Kerja**

| Bil. | Mesyuarat | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat JKK Bil.01/21 | MSWP | 29 April 2021 |

Bagi tempoh dua tahun 2021 hingga 2022, tiada penganjuran kejohanan melibatkan sukan kontak seperti mana yang telah digariskan dalam SOP oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Namun, atas inisiatif pihak persatuan telah manjalankan beberapa siri kejohanan dalaman dan latihan sparring serta persahabatan melibatkan pasukan SUKMA dari negeri terdekat. Latihan dan perlawanan ini bagi membolehkan semua atlet dapat kembali mendapatkan rentak dan mood perlawanan selepas sekian lama menjalani latihan fizikal dan *online* di rumah masing-masing.

Persatuan Karate Hayashi-Ha KL dengan kerjasama Persatuan Karate-Do WP Putrajaya telah megadakan satu kejohanan dalam secara tertutup melibatkan semua atlet dalam senarai panjang bagi memberi peluang kepada atlet terlibat dalam kejohanan. Selain itu, Persatuan Karate WP Labuan juga telah menjalankan latihan dan perlawanan persahabatan bersama pasukan SUKMA Negeri Sabah bagi membolehkan pasukan sentiasa mempraktikkan segala latihan yang telah dipelajari selama tempoh PKP yang lepas.

Selepas PKP dilaksanakan, latihan secara fizikal tidak dapat dijalankan seperti biasa. Pihak pengurusan MSWP telah bersetuju agar program latihan atlet perlu dijalankan secara *online* bagi memastikan kecergasan mereka berada di tahap yang terbaik. MSWP dengan kerjasama persatuan dan jurulatih juga sempat mengadakan beberapa sesi latihan pusat secara QBA selepas pihak kerajaan memberi kelonggaran program latihan negeri boleh dilaksanakan secara fizikal mengikut SOP yang sangat ketat bagi mengelakkan risiko penularan wabak Covid-19.



Pemenang Kejohanan Tertutup (Wi-Juara) Wilayah Persekutuan 2021



Pasukan SUKMA dan BSW Wilayah Persekutuan pada latihan dan perlawanan sparring 5 penjuru di Ipoh



Latihan dan perlawanan persahabatan atlet SUKMA dan BSW Labuan di Kota Kinabalu

**Sukan** : **Kriket**

**Penyelaras** : **Muhammad Hisham bin Damiri**

**Persatuan Sukan** : **Persatuan Kriket Kuala Lumpur**



**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Neville Cristy Kumar Liyanage | Royal Selangor Club (RSC) Kiara Sports Annexe, Bukit Kiara |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| Atlet | 8 | | 12 | 1 | | | | | 21 |

**Kejohanan / Pertandingan Dalam Negara**

| Bil. | Kejohanan | Tempat | Tarikh | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Test Match Pasukan Kriket WiPers Menentang Pasukan RSC | Royal Selangor Club (RSC) Kiara Sports Annexe, Bukit Kiara | 14 Mac 2021 | Menang:<br>WP: 252 Larian<br>RSC: 211 Larian |

**Mesyuarat Jawatankuasa Kerja**

| Bil. | Mesyuarat | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil 1/2021 | Royal Selangor Club (RSC) Bukit Kiara | 14 Mac 2021 |
| 2. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil 2/2021 | Royal Selangor Club (RSC) Bukit Kiara | 18 September 2021 |
| 3. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil 3/2021 | Royal Selangor Club (RSC) Bukit Kiara | 11 Disember 2021 |

Tiada kejohanan peringkat kebangsaan yang disertai oleh Pasukan Kriket WiPers bagi tahun 2021. Persatuan Kriket Malaysia (MCA) tidak menganjurkan sebarang kejohanan di peringkat kebangsaan bagi kategori umur SUKMA.

Satu *test match* telah dijalankan antara pasukan Kriket WiPers dengan pasukan Kriket Royal Selangor Club (RSC) pada 14 Mac 2021 di Royal Selangor Club (RSC) Kiara Sports Annexe, Bukit Kiara. Tujuan *test match* ini adalah untuk memberi pendedahan perlawanan kepada atlet Kriket SUKMA WiPers yang masih belum menyertai sebarang kejohanan kompetitif bagi tahun 2021.

Sebagai Maklumat tambahan, seorang atlet Kriket SUKMA WiPers, Virandeep Singh telah terpilih mewakili pasukan Kriket Chitwan Tigers yang merupakan pasukan professional di Nepal

yang akan menyertai kejohanan Everest Premier League 2021 pada 28 September hingga 9 Oktober 2021 di Nepal. Beliau mendapat pendedahan kejohanan kompetitif yang baik sepanjang kejohanan berlangsung. Beliau turut berjaya membantu pasukan Chiwan Tigers menjuarai kejohanan tersebut bagi edisi 2021 dan mencipta nama sebagai pemain Kriket Malaysia pertama yang memenangi liga tersebut.



Sesi latihan *netting* (Bowling & Hitting) dibawah kendalian jurulatih, En. Neville di RSC, Bukit Kiara



Barisan atlet Kriket WiPers menentang pasukan Kriket RSC pada 14 Mac 2021




Atlet Kriket WiPers, Virandeep Singh A/L Jagjit Singh telah terpilih mewakili pasukan Kriket Profesional Chitwan Tigers yang berpangkalan di Nepal bagi menyertai saingan Everest Premier League 2021 pada 25 September hingga 9 Oktober 2021






Atlet Kriket WiPers, Virandeep Singh A/L Jagjit Singh membantu pasukan Chitwan Tigers memenangi Kejohanan Everest Premier League 2021 pada 25 September hingga 9 Oktober 2021 dan menjadi pemain kriket Malaysia pertama yang menjuarai liga tersebut.

**Sukan** : **Memanah**

**Penyelaras** : **Muhamad Khudhoiri bin Bonari**

**Persatuan Sukan** : **Persatuan Memanah Red Arrows Wilayah Persekutuan**



**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Liew Teck Wa | Lapang Sasar Memanah PTD Kem Sungai Besi |
| 2. | Mohd Atiq Bazil | |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| Atlet | 8 | | | | 8 | | | | 16 |

**Kejohanan / Pertandingan Dalam Negara**

| Bil. | Kejohanan | Tempat | Tarikh | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Kem Latihan Atlet WiPers SUKMA (KLAS) | Universiti Islam Malaysia (USIM) | 14-20 November 2021 | |
| 2. | Kejohanan Memanah Terbuka Selangor | Universiti Putra Malaysia (UPM) | 15-19 Disember 2021 | 2 Gangsa |

**Mesyuarat Jawatankuasa Kerja**

| Bil. | Mesyuarat | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja bil 1 | Bilik Mesyuarat MSWP | 13 Januari 2021 |
| 2. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja bil 2 | Bilik Mesyuarat MSWP | 11 Ogos 2021 |
| 3. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja bil 3 | Bilik Mesyuarat MSWP | 17 November 2021 |

Pasukan Memanah Wilayah Persekutuan telah menyertai kejohanan bertaraf kebangsaan yang diadakan pada bulan Disember. Kejohanan ini majoriti disertai oleh pasukan Memanah SUKMA negeri lain. Dengan latihan secara fizikal yang tidak dapat dijalankan sepenuhnya menyebabkan atlet tidak dapat mempersiapkan diri di tahap terbaik. Walau bagaimanapun penyertaan kejohanan ini sedikit sebanyak dapat membantu jurulatih dan atlet menilai tahap pencapaian masing-masing.

Selain daripada penyertaan kejohanan, pasukan memanah juga menyertai Kem Latihan Atlet SUKMA (KLAS) yang dianjurkan oleh MSWP. Kem KLAS ini bertujuan untuk mendapatkan semula rentak latihan atlet selepas lama tidak dapat berlatih secara fizikal dalam tempoh PKP.



Sekitar Kejohanan Memanah Terbuka Selangor Peringkat Olimpik Round



Sekitar Kejohanan Memanah Kejohanan Terbuka Selangor Peringkat Olimpik Round





Sekitar Program Kem Latihan Atlet WiPers (KLAS)

**Sukan** : **Menembak**

**Penyelaras** : **Muhammad Hisham bin Damiri**

**Persatuan Sukan** : **Persatuan Menembak Wilayah Persekutuan**



**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | En. Zamil bin Hj. Ahmad Murad | Lapang Sasar Menembak Bandar Tun Razak, Cheras, Kuala Lumpur |
| 2. | Pn. Muslifah bin Zulkifli | |
| 3. | En. Lana Hon bin Ambok Selepa | Lapang Sasar Menembak PULAPOL, Kuala Lumpur |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| Atlet | 17 | | | | 9 | | | 1 | 27 |

**Kejohanan / Pertandingan Dalam Negara**

| Bil. | Kejohanan | Tempat | Tarikh | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Kejohanan Menembak Air Gun Terbuka Kebangsaan Piala Menteri Besar Negeri Sembilan 2021 | Lapang Sasar Menembak Mantin, Negeri Sembilan | 18 – 21 Disember 2021 | 4 Gangsa |
| 2. | Karnival Bakat Sukan Menembak Wilayah Persekutuan 2021 | Lapang Sasar Menembak Bandar Tun Razak, Cheras | 28 – 30 Disember 2021 | Atlet memperbaharui catatan mata peribadi |

**Mesyuarat Jawatankuasa Kerja**

| Bil. | Mesyuarat | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil 1/2021 | Bilik Perbincangan MSWP | 15 Februari 2021 |
| 2. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil 2/2021 | Bilik Perbincangan MSWP | 26 September 2021 |
| 3. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil 3/2021 | Pejabat, Lapang Sasar Menembak Bandar Tun Razak, Cheras | 2 Disember 2021 |

Hanya 1 kejohanan peringkat kebangsaan yang disertai oleh atlet Menembak WiPers bagi tahun 2021. Persatuan Menembak Kebangsaan Malaysia (NSAM) dengan kerjasama Persatuan Menembak Negeri Sembilan telah menganjurkan Kejohanan Air Gun Terbuka Kebangsaan Piala Menteri Besar Negeri Sembilan 2021 pada 18 – 21 Disember 2021 bertempat di Lapang Sasar Menembak Mantin, Negeri Sembilan. Kejohanan tersebut tidak menganjurkan kategori penuh, hanya kategori air gun sahaja yang dipertandingkan. Pasukan Menembak WiPers telah menghantar atlet SUKMA dan atlet pembangunan bagi kejohanan tersebut memandangkan ini merupakan kejohanan terakhir yang dianjurkan oleh NSAM bagi tahun 2021. Pasukan Menembak WiPers berjaya memperoleh 4 pingat gangsa dalam kejohanan tersebut.

Akibat kurang pendedahan kejohanan, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Persatuan Menembak Wilayah Persekutuan telah menganjurkan Karnival Bakat Wilayah Persekutuan pada 28 hingga 30 Disember 2021 bertempat di Lapang Sasar Menembak Cheras, Kuala Lumpur. Atlet yang bertanding adalah dikalangan atlet SUKMA dan atlet Bakat Menembak Wilayah Persekutuan. Objektif Karnival ini adalah untuk melahirkan lebih ramai atlet bakat yang berpotensi mewakili Wilayah Persekutuan disamping membolehkan jurulatih memantau prestasi semasa atlet dalam memperbaharui catatan mata masing-masing.




Atlet Menembak WiPers, Muhd Ikhmal Syafiq berjaya menduduki tempat ke-3 bagi kategori 10m Air Rifle Lelaki Junior pada Kejohanan Air Gun Terbuka Kebangsaan Piala Menteri Besar Negeri Sembilan 2021




Barisan pegawai dan atlet Menembak WiPers pada Kejohanan Air Gun Terbuka Kebangsaan Piala Menteri Besar Negeri Sembilan 2021



Sekitar Karnival Bakat Wilayah Persekutuan bagi kategori 10m Air Rifle Wanita



Barisan atlet Menembak WiPers yang menyertai Karnival Bakat Wilayah Persekutuan bagi kategori 10m Air Rifle Wanita

**Sukan** : **Muay**

**Penyelaras** : **Akmal Syarifuddin bin Ahmad**

**Persatuan Sukan** : **Persatuan Muaythai Kuala Lumpur**
**Persatuan Muay Wilayah Persekutuan Putrajaya**



**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Adiirman bin Abd Ghani | Gym PMKL |
| 2. | Eric bin Abunju | Gym Selendang Kuning |
| 3. | Mohd Faqueh bin Mohd Tarmidi | Gym Kawanboxx |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| Atlet | 8 | 0 | 0 | 0 | 6 | 1 | 0 | 0 | 15 |

**Kejohanan / Pertandingan Dalam Negara**

| Bil. | Kejohanan | Tempat | Tarikh | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Kejohanan Muay IFMA Dunia Senior Dan Junior 2021 | Bangkok | 03 - 12 Disember 2021 | 2 Gangsa |

**Mesyuarat Jawatankuasa Kerja**

| Bil. | Mesyuarat | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat JKK Bil.1/21 | MSWP | 29 April 2021 |

Bagi tempoh dua tahun 2021 hingga 2022, tiada penganjuran kejohanan melibatkan sukan kontak sepertimana yang telah digariskan dalam SOP oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Namun, atas inisiatif pihak persatuan telah manjalankan beberapa siri kejohanan dalaman dan latihan sparring serta persahabatan melibatkan pasukan SUKMA dari negeri terdekat. Latihan dan perlawanan ini bagi membolehkan semua atlet dapat kembali mendapatkan rentak dan mood perlawanan selepas sekian lama menjalani latihan fizikal dan *online* di rumah masing-masing.

Kedua persatuan telah menghantar atlet bagi satu kejohanan besar yang dilangsungkan di Bangkok pada Disember 2021. Seramai 5 orang atlet dan 2 jurulatih telah menyertai Kejohanan IFMA Dunia Senior dan Junior 2021 dan telah membawa pulang dua pingat gangsa. Kejayaan ini membuktikan walaupun dengan tempoh PKP yang lama, atlet masih tetap terus menjalani latihan fizikal bagi memastikan tahap kecergasan dikekalkan selain daripada latihan teknik.

Selepas PKP dilaksanakan, latihan secara fizikal tidak dapat dijalankan seperti biasa. Pihak pengurusan MSWP telah bersetuju agar program latihan atlet perlu dijalankan secara *online* bagi memastikan kecergasan mereka berada di tahap yang terbaik. MSWP dengan kerjasama persatuan dan jurulatih juga sempat mengadakan beberapa sesi latihan pusat secara QBA selepas pihak kerajaan memberi kelonggaran program latihan negeri boleh dilaksanakan secara fizikal mengikut SOP yang sangat ketat bagi mengelakkan risiko penularan wabak Covid-19.



Aksi Atlet WiPers pada Kejohanan IFMA di Bangkok bagi kategori 51-54kg Wanita




Jurulatih dan Atlet WiPers di Kejohanan IFMA di Bangkok




Atlet WiPers yang berjaya memenangi pingat di IFMA 2021

**Sukan** : **Olahraga**

**Penyelaras** : **Akmal Syarifuddin bin Ahmad**

**Persatuan Sukan** : **Persatuan Olahraga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**
**Persatuan Olahraga Putrajaya**
**Persatuan Olahraga Labuan**



**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Subramaniam A/L Vellasamy | Kompleks Sukan Setiawangsa |
| 2. | Hisham Mustaza bin Ibrahim | SSBJ |
| 3. | Khoo Boo Keat | SMK Seri Sentosa |
| 4. | Mohd Farhan Mulyadiy bin Mohamed | Kompleks Sukan Labuan |
| 5. | Muhammad Aidil bin Taufek | Kompleks Sukan Bangsar |
| 6. | Roslinda binti Samsu | SSMP |
| 7. | Mohd Fauzi bin Sulaiman | SSMP |
| 8. | Siti Shahida binti Abdullah | SSMP |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| Atlet | 17 | 8 | 0 | 2 | 7 | 5 | 1 | 0 | 40 |

**Kejohanan / Pertandingan Dalam Negara**

| Bil. | Kejohanan | Tempat | Tarikh | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Kejohanan Olahraga Tertutup POWPKL / MSWP / Milo Ke 33 Dan Karnival Bakat Sukan Wilayah Persekutuan 2021 | Stadium Mini Majlis Sukan Negara Malaysia | 04 - 05 Disember 2021 | |
| 2. | Kejohanan Olahraga Tertutup Malaysia 2021 | Stadium Mini Majlis Sukan Negara Malaysia | 17 - 18 Disember 2021 | 2 Perak<br>2 Gangsa |

**Mesyuarat Jawatankuasa Kerja**

| Bil. | Mesyuarat | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat JKK Bil.01/21 | MSWP | 03 Mac 2021 |

Terdapat dua kejohanan yang sempat disertai selepas tempoh PKP iaitu pada Disember 2021. Kejohanan pertama yang dilaksanakan adalah melibatkan peringkat dalaman tertutup melibatkan kelab dan sekolah di peringkat Wilayah Persekutuan sahaja. Kejohanan Olahraga Tertutup POWPKL / MSWP / MILO Ke-33 dan Karnival Bakat Sukan Wilayah Persekutuan 2021 melibatkan seramai 723 orang atlet serta 23 kelab dan sekolah melibatkan tiga peringkat umur 9-12 tahun, 13-15 tahun dan 16-23 tahun. Kejohanan ini adalah sebagai pembuka bagi tahun 2021 memandangkan tahun tersebut kesemua atlet tidak dapat menyertai kejohanan tempatan. Objektif penganjuran tercapai dengan semua atlet dalam senarai panjang SUKMA XX Johor dapat kembali mencatatkan masa dan jarak baru serta beberapa nama atlet dari luar juga bersaing untuk mendapatkan tempat dalam pasukan SUKMA Wilayah Persekutuan.

Kejohanan seterusnya yang disertai pasukan Olahraga SUKMA adalah Kejohanan Olahraga Tertutup Malaysia 2021 yang berlangsung pada 17-18 Disember 2021 di Majlis Sukan Negara Malaysia. Kejohanan ini dianjurkan oleh persatuan sukan kebangsaan sebagai kaedah pemilihan atlet senarai panjang ke Temasya Sukan SEA Vietnam 2021. Pasukan WiPers menghantar seramai 38 orang atlet dengan beberapa muka baru diberikan peluang untuk mencatatkan masa dan jarak terbaik. Keputusan penuh atlet jalan kaki Wilayah Persekutuan, Muhamad Aliff Mubarak Ahmad dan Chau Tai Kee berjaya mengungguli kedudukan pingat perak dan gangsa bagi acara 10000m jalan kaki manakala Nurul Ashikin Hussin pingat perak juga bagi acara 10000m jalan kaki wanita. Selain itu, beberapa atlet Pelapis dalam program Bakat Sukan Wilayah (BSW) turut mencuri tumpuan dengan peningkatan ketara terutama dalam acara trek. Thanussha A/P Vikneswaran meraih pingat gangsa bagi acara lontar peluru wanita dan kuartet 4x100m lelaki meraih gangsa.

Selepas PKP dilaksanakan, latihan secara fizikal tidak dapat dijalankan seperti biasa. Pihak pengurusan MSWP telah bersetuju agar program latihan atlet perlu dijalankan secara *online* bagi memastikan kecergasan mereka berada di tahap yang terbaik. MSWP dengan kerjasama persatuan dan jurulatih juga sempat mengadakan beberapa sesi latihan pusat secara QBA selepas pihak kerajaan memberi kelonggaran program latihan negeri boleh dilaksanakan secara fizikal mengikut SOP yang sangat ketat bagi mengelakkan risiko penularan wabak Covid-19.



Pematuhan SOP sepanjang penganjuran Kejohanan Olahraga Tetutup MSWP/POWPKL/ MILO Ke-33 2021 dan Karnival Bakat Sukan Olahraga Wilayah Persekutuan 2021



Aksi acara 100m akhir melibatkan atlet dalam senarai panjang SUKMA Wilayah Persekutuan




Atlet Lontar Peluru Wilayah Persekutuan di podium bagi pingat gangsa Kejohanan Olahraga Tertutup Malaysia 2021



Nurul Ashikin binti Hussin memenangi pingat perak bagi acara 10000m Jalan Kaki Wanita pada Kejohanan Olahraga Tertutup Malaysia 2021

**Sukan** : **Pelayaran**

**Penyelaras** : **Khairul Azli bin Kamarul Adnan**

**Persatuan Sukan** : **Kelab Pelayaran Putra**



**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan :**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Ahmad Hakhimi bin Ahmad Shukri | Royal Port Dickson Yatch Club |

**Maklumat Atlet :**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| Atlet | 9 | | | | 3 | | | | 12 |

**Kejohanan / Pertandingan Dalam Negara**

| Bil. | Kejohanan | Tempat | Tarikh | Penyertaan | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Terengganu Monsoon Cup Challenge 2021 | Pulau Duyong | 30 /12/ 2021- 01 /12/ 2022 | 1 atlet wanita<br>1 atlet lelaki | 1 Pingat Perak |
| 2. | Kem Latihan Intensif | RPDYC, Port Dickson | 01/12/2022 – 14/12/2022 | 9 atlet lelaki<br>3 atlet wanita | - |

**Mesyuarat Jawatankuasa Kerja**

| Bil. | Mesyuarat | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil.1/2021 | *Online* | 10/1/2021 |
| 2. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil.2/2021 | MSWP | 30/3/2021 |
| 3. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil.3/2021 | MSWP | 18/10/2021 |

Pasukan pelayaran telah melakukan persiapan dengan berlatih di Royal Port Dickson Yatch Club (RPDYC). Sepanjang tahun 2021, pasukan Pelayaran telah menyertai 1 kejohanan iaitu Regatta Monsoon Cup. Seramai 2 orang atlet SUKMA dan 9 orang atlet pelapis daripada 2 kelab Pelayaran telah menyertai Kejohanan Pelayaran Regatta Monsoon Cup yang berlangsung pada 30 Disember 2021 hingga 01 Januari 2022 dan seorang atlet wanita muncul naib johan kategori wanita. Kejohanan ini merupakan yang pertama selepas PKP.

Atlet prospek berjaya mendapatkan keputusan yang baik selepas memenangi pingat perak di belakang atlet tuan rumah Terengganu yang muncul juara bagi kategori Laser Radial Wanita. Manakala bagi atlet lain dilihat masih bergelut dengan prestasi setelah ketiadaan kejohanan dan PKP.

Sebelum menyertai kejohanan di Terengganu, pasukan Pelayaran WiPers telah mengadakan kem latihan intensif pada 01 hingga 14 Disember 2021 bertempat di RPDYC, Port Dickson, Negeri Sembilan. Selain itu, atlet-atlet turut berlatih di Gimnasium MSWP di Putrajaya.



Keadaan angin kuat memberikan cabaran baru kepada atlet Pelayaran WiPers



Atlet WiPers (Nur Ku Zarith Bt Jaafar) bersaing dalam ketegori Laser Radial Wanita



Persiapan akhir sebelum turun bertanding di Regatta Monsoon Cup Terengganu



Persediaan untuk latihan Starting Line 2 Min X 5 Set (*Starting Practice*) semasa latihan intensif pasukan Pelayaran WiPers di RPDYC Port Dickson

**Sukan** : **Petanque**

**Penyelaras** : **Akmal Syarifuddin bin Ahmad**

**Persatuan Sukan** : **Persatuan Petanque Kuala Lumpur**
**Persatuan Petanque Putrajaya (baru)**
**Persatuan Petanque Labuan**



**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Kol (B) Hj. Ahmad Zulkifle bin Ahmad Zain | Arena Petanque Pudu Ulu |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| Atlet | 7 | 0 | 0 | 0 | 7 | 0 | 0 | 0 | 14 |

**Kejohanan / Pertandingan Dalam Negara**

| Bil. | Kejohanan | Tempat | Tarikh | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Kejohanan Petanque Terbuka Port Dickson Berpasukan 2021 | Port Dickson | 27-28 November 2021 | Ke-3 |
| 2. | Kejohanan Double Terbuka Negeri Sembilan 2021 | Port Dickson | 11-12 Disember 2021 | Separuh Akhir |

**Mesyuarat Jawatankuasa Kerja**

| Bil. | Mesyuarat | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat JKK Bil.01/21 | MSWP | 03 Mac 2021 |

Terdapat dua kejohanan yang sempat disertai selepas tempoh PKP iaitu pada November dan Disember 2021. Kejohanan pertama yang disertai adalah Kejohanan Petanque Terbuka Port Dickson Berpasukan 2021 iaitu kejohanan pertama selepas tempoh 2 tahun tanpa sebarang kejohanan kompetiif. Pada kejohanan ini jurulatih menurunkan semua pemain dalam senarai panjang yang didaftarkan bagi menguji pasangan dan rentak permainan. Keseluruhan pencapaian secara berpasukan di tempat ketiga kejohanan.

Kejohanan seterusnya yang disertai pasukan Petanque SUKMA Wilayah Persekutuan adalah Kejohanan Double Terbuka Negeri Sembilan 2021 yang dijalankan pada Disember. Kejohanan terbuka ini disertai hampir semua pasukan SUKMA dari setiap negeri dan dari pasukan jemputan dalam negara. Pada kejohanan kali ini, hanya 1 pasangan berjaya mara ke pusingan separuh akhir kejohanan namun ditewaskan oleh pasukan senior. Secara keseluruhan, jurulatih amat berpuas hati dengan pencapaian pasukan Petanque walaupun mengalami kesukaran dalam menjalani latihan teknikal sepanjang tempoh PKP yang lepas.

Selepas PKP dilaksanakan, latihan secara fizikal tidak dapat dijalankan seperti biasa. Pihak pengurusan MSWP telah bersetuju agar program latihan atlet perlu dijalankan secara *online* bagi memastikan kecergasan mereka berada di tahap yang terbaik. MSWP dengan kerjasama persatuan dan jurulatih juga sempat mengadakan beberapa sesi latihan pusat secara QBA selepas pihak kerajaan memberi kelonggaran program latihan negeri boleh dilaksanakan secara fizikal mengikut SOP yang sangat ketat bagi mengelakkan risiko penularan wabak Covid-19.



Pasukan Petanque SUKMA Wilayah Persekutuan






Aksi atlet Wilayah Persekutuan pada Kejohanan Petanque Terbuka Berpasukan 2021

**Sukan** : **Ragbi**

**Penyelaras** : **Khairul Azli bin Kamarul Adnan**

**Persatuan Sukan** : **Persatuan Ragbi Labuan**



**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan :**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Abdul Rashid bin Adlie | Padang LDA dan Gimnasium WiPers |
| 2. | Sukor bin Ashak | |
| 3. | Khairul Azhar bin Shaarani | Pusat Sukan UIAM dan Gimnasium WiPers |
| 4. | Jahangir Khan bin Majith Khan | |

**Maklumat Atlet :**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| Atlet | 20 | | | | 13 | | | 13 | 46 |

**Kejohanan / Pertandingan Dalam Negara**

| Bil. | Kejohanan | Tempat | Tarikh | Penyertaan | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Terengganu Royals 7s | Terengganu | 12-13 November 2021 | 12 Lelaki<br>12 Wanita | Lelaki : 3rd Runner Up Cup<br>Wanita : Runner-up Bowl |
| 2. | Aramaii 7s | Sandakan | 11-12 Disember 2021 | 12 Wanita | Johan |

**Mesyuarat Jawatankuasa Kerja**

| Bil. | Mesyuarat | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil.1/2021 | MSWP | 10 Mac 2021 |
| 2. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil.2/2021 | Palm Beach Resort, Labuan | 23 November 2021 |
| 3. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil.3/2021 | MSWP | 15 Disember 2021 |

Pasukan Ragbi WiPers melaksanakan persiapan di dua lokasi iaitu di Labuan (wanita) dan Kuala Lumpur (lelaki). Sepanjang tahun 2021 terdapat dua kejohanan dalam negara telah disertai oleh pasukan Ragbi lelaki dan wanita Wilayah Persekutuan semasa tempoh PKP Fasa 1-4 dilaksanakan. Seramai 24 orang atlet SUKMA daripada Persatuan Ragbi Labuan (PRL) telah menyertai Terengganu Royals 7s yang berlangsung pada 12-13 November 2021 dan pasukan Ragbi wanita telah menyertai kejohanan tersebut. Kejohanan jemputan Aramaii 7s yang berlangsung pada 11 & 12 Disember 2021. Kejohanan ini merupakan kejohanan pertama selepas PKP. Selain itu, kedua-dua pasukan turut menjalani latihan di Gimnasium MSWP di Putrajaya dan Labuan.







Pasukan lelaki di Kejohanan Terengganu Royal 7s



Pasukan Ragbi Wanita di Kejohanan Ragbi Terengganu Royal 7s




Perlawanan terpaksa diadakan dalam hujan lebat di Terengganu Royal 7s 2021



Aksi pemain pasukan Ragbi Wanita WiPers Kajolin melakukan serangan




Pasukan Ragbi Wanita Wilayah Persekutuan muncul Johan Cup di Kejohanan Aramaii 10s, Sandakan, Sabah




Pasukan Ragbi Wanita Wilayah Persekutuan di Lapangan Terbang Labuan sebelum bertolak ke Terengganu

**Sukan** : **Sepak Takraw**

**Penyelaras** : **Muhammad Hisham bin Damiri**

**Persatuan Sukan** : **Persatuan Sepak Takraw Wilayah Persekutuan**
**Persatuan Sepak Takraw Labuan**



**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | En. Azhar bin Hj. Sarabini | Stadium Titiwangsa, Kuala Lumpur |
| 2. | En. Muhammad Ali Hanapiah bin Hussain | Pusat Latihan Telekom, Kuala Lumpur |
| 3, | En. Mohd Saiful Nizam bin Mohd | |
| 4. | En. Abidin bin Ahmad | Dewan Arena Bukit Kuda, Labuan |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| Atlet | 15 | | | | 8 | | | | 23 |

**Kejohanan / Pertandingan Dalam Negara**

| Bil. | Kejohanan | Tempat | Tarikh | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Kejohanan Pemilihan Akhir Atlet SUKMA Sepak Takraw WiPers | Pusat Latihan Telekom, Kuala Lumpur | 3 hingga 5 Disember 2021 | - |
| 2. | Test Match Pasukan Sepak Takraw WiPers Menentang Pasukan SUKMA Sarawak | Pusat Latihan Telekom, Kuala Lumpur | 9 Disember 2021 | Menang – 3<br>Tewas – 2 |

**Mesyuarat Jawatankuasa Kerja**

| Bil. | Mesyuarat | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil 1/2021 | Bilik Perbincangan MSWP | 1 Mac 2021 |
| 2. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil 2/2021 | Bilik Perbincangan MSWP | 5 Oktober 2021 |
| 3. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil 3/2021 | Bilik Perbincangan MSWP | 16 Disember 2021 |

Persatuan Sepak Takraw Malaysia (PSM) tidak menganjurkan sebarang kejohanan peringkat kebangsaan bagi kategori umur SUKMA, hanya Kejohanan Liga Sepak Takraw (STL) sahaja yang dijalankan oleh PSM.

Kejohanan pemilihan akhir atlet SUKMA WiPers telah dijalankan pada 3 hingga 5 Disember 2021 di Pusat Latihan Telekom, Kuala Lumpur. Tujuan kejohanan ini diadakan adalah bagi memilih senarai panjang atlet yang akan diserap ke

pasukan SUKMA WiPers. Kejohanan ini disertai oleh atlet Sepak Takraw dari Kuala Lumpur dan Labuan yang berumur 21 tahun kebawah. Atlet yang terpilih akan menjalani latihan mingguan yang dikendalikan oleh persatuan Sepak Takraw Wilayah Persekutuan dan jurulatih bagi persediaan ke Temasya SUKMA 2022.

Satu *test match* turut dijalankan antara pasukan Sepak Takraw WiPers dengan Pasukan Sepak Takraw SUKMA Sarawak pada 9 Disember 2021 di Pusat Latihan Telekom, Kuala Lumpur. Tujuan *test match* ini dibuat adalah untuk memberi pendedahan perlawanan kepada atlet SUKMA Wilayah Persekutuan yang masih belum menyertai sebarang kejohanan kompetitif bagi tahun 2021. Atlet yang terpilih di dalam kejohanan pemilihan sebelum ini wajib menyertai *test match* ini bagi membolehkan jurulatih memantau prestasi semasa atlet.

Selain dari pemilihan akhir atlet SUKMA Sepak Takraw WiPers dan perlawanan *test match* yang dijalankan pada tahun 2021, seramai 2 orang atlet SUKMA Wilayah Persekutuan terpilih mewakili yang bertanding dalam saingan Liga Sepak Takraw (STL) 2021 dan STL Champions Cup 2021. Iaitu Muhammad Redwan Hakim yang mewakili pasukan KL Thunder dan Mohamad Syahril yang mewakili pasukan Putrajaya Cyborg. Pasukan KL Thunder dinobatkan sebagai juara bagi kedua-dua kejohanan tersebut.



Barisan pemain yang menyertai *test match* antara pasukan Sepak Takraw WiPers dan pasukan Sepak Takraw Sarawak.



Sekitar Kejohanan Pemilihan Akhir Atlet Sepak Takraw WiPers bagi kategori Regu Trio Lelaki



Sekitar Kejohanan Pemilihan Akhir Atlet Sepak Takraw WiPers bagi kategori Regu Trio Wanita




Pasukan Sepak Takraw KL Thunder dinobatkan Juara bagi Kejohanan STL Champions Cup 2021 yang berlangsung di Iskandar Malaysia Studio, Johor Bahru pada 2 - 6 Mac 2021

**Sukan** : **Silat**

**Penyelaras** : **Muhamad Khudhoiri bin Bonari**

**Persatuan Sukan** : **Persatuan Silat Kebangsaan Kuala Lumpur (PESAKA)**



**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Hazli bin Adnan | Pusat Latihan Silat Dewan Tun Razak |
| 2. | Halim bin Hamit | Kelab Silat Cikgu Halim |
| 3. | Ahmad Shahrozli bin Zailudin | |
| 4. | Abdullah Amir bin Abdul Rahman | Sekolah Sukan Titiwangsa |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| Atlet | 18 | | | | 14 | | | | 32 |

**Kejohanan / Pertandingan Dalam Negara**

| Bil. | Kejohanan | Tempat | Tarikh | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Perlawanan Persahabatan Bersama Pasukan Silat Perak | Dewan MSN Perak | 26 Disember 2022 | Menang semua perlawanan mengikut kelas kategori |

**Mesyuarat Jawatankuasa Kerja**

| Bil. | Mesyuarat | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil.1/2021 | Bilik Mesyuarat MSWP | 11 Januari 2021 |
| 2. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil.2/2021 | Bilik Mesyuarat MSWP | 10 Ogos 2021 |
| 3. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil.3/2021 | Bilik Mesyuarat MSWP | 18 November 2021 |

Perlawanan persahabatan Silat bersama pasukan Silat Perak telah dijalankan pada 26 Disember 2021. Perlawanan persahabatan ini dilakukan bagi menilai dan mengukur tahap prestasi setiap atlet selepas hampir setahun pasukan Silat Wilayah Persekutuan tidak dapat menyertai sebarang aktiviti fizikal disebabkan PKP yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

Dalam perlawanan persahabatan tersebut semua kelas kategori dijalankan termasuk Silat Seni bagi melihat prestasi atlet semasa. Dalam perlawanan tersebut semua perlawanan telah dimenangi oleh pesilat atlet Wilayah Persekutuan.



Pasukan atlet Silat Wilayah Persekutuan dan Perak yang menyertai perlawanan persahabatan



Aksi Silat Olahraga Lelaki atlet Wilayah Persekutuan bertemu dengan Pasukan Perak



Aksi Silat Seni Wanita atlet Wilayah Persekutuan bertemu dengan pasukan Perak

**Sukan** : **Skuasy**

**Penyelaras** : **Muhammad Syafiq bin Shaharudin**

**Persatuan Sukan** : **Persatuan Skuasy WP Kuala Lumpur**



**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Sanjay Singh Chal | Kompleks Sukan Skuasy Negara, Persiaran Jalan Duta |
| 2. | Ryan Neville Pasqual | |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| Atlet | 2 | 5 | 2 | | 6 | 1 | 2 | | 18 |

**Kejohanan / Pertandingan Dalam Negara**

| Bil. | Kejohanan | Tempat | Tarikh | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Dunlop Sraft KL Junior Closed Championship 2021 | Kompleks Sukan Skuasy Negara, Persiaran Jalan Duta | 11 - 12 Disember 2021 | Johan - Joachim Chuah<br>Kedua - Yong Juin Xian<br>Ketiga - Praviin Jeeva |
| 2. | CIMB Foundation 16th National Junior Circuit 2021 | Pusat Skuasy Nasional, Bukit Jalil | 10 - 14 November 2021 | Johan - Joachim Chuah<br>Tempat Ketiga - Hashvind Kugan |

**Mesyuarat Jawatankuasa Kerja**

| Bil. | Mesyuarat | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil.1/2021 | Bilik Mesyuarat MSWP | 24 Februari 2021 |
| 2. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil.2/2021 | Kompleks Sukan Skuasy Negara, Persiaran Jalan Duta | 30 Oktober 2021 |

Pasukan Skuasy WiPers telah menjalani latihan secara dalam talian pada permulaan tahun 2021. Latihan yang dijalankan memfokuskan kepada aspek kecergasan dan teknik. Pasukan Skuasy WiPers telah menyertai Kejohanan CIMB Foundation 16th National Junior Circuit 2021 pada 10 hingga 14 November 2021 bertempat di Pusat Skuasy Nasional, Bukit Jalil. Atlet perseorangan lelaki Wilayah Persekutuan, Joachim Chuah berjaya muncul juara kategori bawah 19 tahun apabila menewaskan lawannya Andrik Lim Kai Shan dari Melaka. Joachim Chuah telah menunjukkan aksi yang bertenaga sepanjang kejohanan ini. Bagi kategori bawah 17 tahun pula atlet pelapis Hashvind Kugan berjaya menewaskan lawannya dari Selangor bagi penentuan tempat ketiga dan keempat kejohanan. Persatuan Skuasy Wilayah

Persekutuan Kuala Lumpur telah menganjurkan Dunlop SRAFTKL Junior Closed Championship 2021 pada 11 hingga 12 Disember 2021 bertempat di Kompleks Sukan Skuasy Negara, Persiaran Jalan Duta. Seramai 10 orang atlet SUKMA yang menyertai kejohanan ini. Joachim Chuah berjaya menjuarai kejohanan ini dengan menundukkan Sam Yong Juin Xian pada pusingan akhir sekaligus mengekalkan prestasi yang cemerlang bagi tahun 2021.




Joachim Chuah bersama jurulatih Sanjay Singh Chal pada Kejohanan CIMB Foundation 16th National Junior Circuit 2021




Aksi Joachim Chuah ketika menentang Hi Jia Rong pada pusingan Separuh Akhir Kejohanan CIMB Foundation 16th National Junior Circuit 2021



Aksi Sam Yong Juin Xian menentang Praviin Jeeva pada pusingan Separuh Akhir Kejohanan Dunlop Sraftkl Junior Closed Championship 2021




Sesi pendaftaran Kejohanan Dunlop Sraftkl Junior Closed Championship 2021

**Sukan** : **Tenis**

**Penyelaras** : **Muhamad Khudhoiri bin Bonari**

**Persatuan Sukan** : **Persatuan Lawn Tenis Kuala Lumpur**



**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Helmi Mohamad | Gelanggang Tenis Titiwangsa |
| 2. | Muliyadi Jamal | |
| 3. | Azizul Azhar Ahmad | |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| Atlet | 4 | 1 | 1 | | 2 | 4 | | | 12 |

**Kejohanan / Pertandingan Dalam Negara**

| Bil. | Kejohanan | Tempat | Tarikh | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Perlawanan Persahabatan 3 Penjuru | Pulau Pinang | 3-5 Disember 2021 | Menang semua perlawanan |

**Mesyuarat Jawatankuasa Kerja**

| Bil. | Mesyuarat | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil.1/2021 | Bilik Mesyuarat MSWP | 20 Januari 2021 |
| 2. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil.2/2021 | Bilik Mesyuarat MSWP | 7 Ogos 2021 |
| 3. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil.3/2021 | Bilik Mesyuarat MSWP | 3 November 2021 |

Tiada kejohanan yang dapat disertai pada tahun 2021, ini menyebabkan pihak persatuan telah mengambil inisiatif untuk mengadakan perlawanan persahabatan antara negeri lain bagi menilai semula tahap prestasi setiap atlet selepas sekian lama tidak menyertai kejohanan kompetitif.

Perlawanan yang diadakan pada 3-5 Disember 2021 di Pulau Pinang telah memberikan impak yang baik kepada atlet Wilayah Persekutuan. Jurulatih dapat mengukur kemampuan setiap atlet terutama atlet yang akan bertanding dalam acara individu ataupun berkumpulan. Secara keseluruhan perlawanan persahabatan seperti ini perlu dilakukan secara kerap jika tiada kejohanan kompetitif yang dianjurkan pada masa akan datang.




Atlet Wilayah Persekutuan bersama pasukan Tenis Negeri Perak



Atlet Wilayah Persekutuan bersama pasukan Tenis Negeri Pulau Pinang



Aksi atlet Wilayah Persekutuan ketika Perlawanan 3 Penjuru

**Sukan** : **Tenpin Boling**

**Penyelaras** : **Muhammad Hafiz bin Jamil Khair**

**Persatuan Sukan** : **Persatuan Tenpin Boling Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**
**Persatuan Tenpin Boling Wilayah Persekutuan Putrajaya**



**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Alisha Iman Cheong binti Abdullah | Sunway Megalanes, Sunway Pyramid |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| Atlet | 7 | 1 | | | 7 | | | | 15 |

**Kejohanan / Pertandingan Dalam Negara**

| Bil. | Kejohanan | Tempat | Tarikh | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Kem Latihan Sukan Tenpin Boling | SDTC, Kg Baru, KL | 26-28 Mac 2021 | Kem Latihan Secara Kuarantin Berpusat |
| 2. | Kejohanan Tenpin Boling 5th Anniversary Aman Bowls Invitation Doubles | Alor Setar, Kedah | 24-26 Disember 2021 | Mix Doubles, Matthew Ong & Nadira - Johan<br>Single, Matthew - Johan |
| 3. | Kejohanan 21st Storm U22 Junior All Stars Bowling Championship 2021 | Sunway Megalanes, Sunway Pyramid | 11-19 Disember 2021 | 7 Atlet Ke Pusingan Akhir |

**Mesyuarat Jawatankuasa Kerja**

| Bil. | Mesyuarat | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Perbincangan Bersama Jurulatih Tenpin Boling | SDTC, Kg Baru, KL | 27 Mac 2021 |
| 2. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sukan Tenpin Boling Wilayah Persekutuan Bil. 01/2021 | MSWP | 8 Mac 2021 |
| 3. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sukan Tenpin Boling Wilayah Persekutuan Bil. 02/2021 | MSWP | 23 Oktober 2021 |

Pada tahun 2021 sekali lagi semua kejohanan di dalam kalendar Tenpin Boling kebangsaan terpaksa ditunda dan juga dibatalkan. Walaubagaimanapun MSWP telah berjaya merancang Kem Latihan Pusat Secara Kuarantin (Quarantine Based Approach, QBA) yang

diadakan di SDTC, Kg Baru, Kuala Lumpur pada 26 hingga 28 Mac 2021 yang telah disertai oleh para atlet sukan Tenpin Boling.

Sebelum dan selepas daripada kem ini para atlet sukan Tenpin Boling hanya menjalankan latihan kecergasan fizikal sama ada di rumah (ketika tempoh PKP) atau di Sunway Megalanes, Sunway Pyramid apabila telah dibenarkan beroperasi. Selain daripada itu kedua-dua jurulatih hanya mampu memberikan arahan, tunjuk ajar dan membuat pemantauan program latihan para atlet secara atas talian sahaja.

Selepas pihak kerajaan telah memberikan kelonggaran terhadap lebih banyak sektor, MSWP telah merancang untuk melaksanakan sekali lagi Kem Latihan Pusat Secara Kuarantin (Quarantine Based Approach, QBA) kali ini diadakan pada 15 hingga 20 November 2021 bertempat di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Nilai, Negeri Sembilan. Walaubagaimanapun pasukan Tenpin Boling Wilayah Persekutuan tidak dapat menyertai kem berkenaan kerana tarikh penganjuran kem bertindih dengan tarikh kejohanan penting untuk disertai.

Sepanjang tahun 2021 pasukan juga telah mengambil bahagian dalam beberapa kejohanan yang dianjurkan pada tahun ini dan memperoleh keputusan seperti di dalam jadual di atas. Segala mesyuarat dan perbincangan bersama jurulatih dan juga pemantauan latihan atau berkomunikasi bersama atlet dilaksanakan lebih banyak diadakan secara atas talian bagi mengurangkan risiko penularan jangkitan virus Covid-19.



Latihan suaian fizikal dilaksanakan semasa Kem Latihan Secara Kuarantin Berpusat di SDTC, Kg Baru, Kuala Lumpur




Program latihan turut dijalankan secara atas talian sepanjang tempoh PKP dan semasa pusat boling tidak dibenarkan beroperasi




Pasukan Tenpin Boling Wilayah Persekutuan pada Kejohanan Tenpin Boling 5th Anniversary Aman Bowls Invitation Doubles



Pasukan Tenpin Boling Wilayah Persekutuan pada Kejohanan Tenpin Boling 21st Storm U22 Junior All Stars Bowling Championship 2021

**Sukan** : **Tinju**

**Penyelaras** : **Mohd Jauhar Ikhwan Bin Ismail**

**Persatuan Sukan** : **Kelab Tinju Golden Glove**



**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Mohd Hafiz Arqam bin Makhtar | Sekolah Tunas Bakti, Sungai Besi, Kuala Lumpur |
| 2. | Adli Hafidz bin Mohd Pauzi | |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| Atlet | 12 | | 2 | | | | | | 14 |

**Kejohanan / Pertandingan Dalam Negara**

| Bil. | Kejohanan | Tempat | Tarikh | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Kejohanan Tinju Remaja Kebangsaan SUKMA Age | Gelanggang Tinju, Kompleks MSN Taman Keramat | 5 – 10 April 2021 | 4 Gangsa |
| 2. | Kejohanan Tinju Piala Malaysia 2021 | Kompleks Sukan Majlis Sukan Negara, Nilai, Negeri Sembilan | 6 – 12 Disember 2021 | 2 Gangsa |

**Mesyuarat Jawatankuasa Kerja**

| Bil. | Mesyuarat | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat JKK Sukan Tinju | Bilik Mesyuarat Sekolah Tunas Bakti, Sungai Besi. | 24 Februari 2021 |
| 2. | Perbincangan Perancangan Sukan Tinju | Bilik Perbincangan, MSWP | 6 September 2021 |

Pusat latihan pasukan Tinju Wilayah Persekutuan bertempat di Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi. Pasukan Tinju Wilayah Persekutuan berlatih sebanyak 2 sesi sehari iaitu pada pagi dan petang.

Untuk tahun 2021, pasukan Tinju hanya menyertai 2 kejohanan sahaja. Ini berikutan masih kekurangan penganjuran latihan oleh persatuan kebangsaan berikutan penularan wabak Covid-19. Kejohanan pertama adalah kejohanan Tinju Remaja Kebangsaan SUKMA Age yang melibatkan atlet Bakat dan SUKMA. Di kejohanan ini pasukan Tinju Wilayah Persekutuan berjaya membawa pulang 4 gangsa.

Kejohanan kedua adalah kejohanan Tinju Piala Malaysia 2021 yang bertempat di Kompleks Sukan Majlis Sukan Negara, Nilai, Negeri Sembilan.

Kejohanan ini hanya disertai oleh atlet-atlet SUKMA sebagai persiapan mereka menghadapi SUKMA pada tahun 2022. Pada kejohanan ini, pasukan Wilayah Persekutuan berjaya membawa pulang 2 pingat gangsa. Walaupun begitu, kejohanan ini dilihat sangat membantu dalam persiapan atlet kerana mereka bertarung bersama atlet-atlet yang lebih berpengalaman dan besar.



Atlet sedang beraksi di Kejohanan Tinju Piala Malaysia 2021



Jurulatih sedang mempersiapkan atlet sebelum perlawanan



Atlet sedang menjalani latihan luar sebagai persiapan ke kejohanan




Atlet sedang beraksi di Kejohanan Tinju Remaja Kebangsaan 2021

**Sukan** : **Wushu**

**Penyelaras** : **Muhamad Khudhoiri bin Bonari**

**Persatuan Sukan** : **Persekutuan Wushu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**



**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Chin Hoong Iap | 1. Stadium Chin Woo |
| 2. | Yoe Yong Yao | |
| 3. | Loh Jack Chang | |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| Atlet | | 6 | | | | 6 | | | 12 |

**Kejohanan / Pertandingan Dalam Negara**

| Bil. | Kejohanan | Tempat | Tarikh | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|
| 1. | 1st International Wushu Culture Video Competition | Secara maya | 1 Januari-31 Mac 2021 | -Anugerah Video Terbaik (Best Video Award)<br>-Anugerah Persembahan Seni Mempertahankan Diri – Saguhati (Best Martial Arts Presentation)<br>-Anugerah Bintang Muda (Rising Star Award): Alvyn Toh Jung Hyuk |
| 2. | Wushu Taolu Competition 2021 | Secara maya | 7 April-6 Mei 2021 | |

**Mesyuarat Jawatankuasa Kerja**

| Bil. | Mesyuarat | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil.1/2021 | Bilik Mesyuarat MSWP | 25 Januari 2021 |
| 2. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil.2/2021 | Bilik Mesyuarat MSWP | 9 Ogos 2021 |
| 3. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil.3/2021 | Bilik Mesyuarat MSWP | 3 November 2021 |

Pasukan wushu tidak dapat menyertai kejohanan secara fizikal pada tahun 2021 disebabkan PKP yang dilaksanakan oleh kerajaan. Oleh yang demikian pihak persatuan telah mengambil bahagian dalam kejohanan yang dianjurkan secara maya bagi menilai dan menguji kemahiran setiap atlet.

Kejohanan ini juga banyak disertai oleh pasukan lain dalam negara dan juga luar negara. Hasil keputusan menunjukkan atlet Wilayah Persekutuan masih mengekalkan prestasi yang baik walaupun latihan secara maya semasa PKP dijalankan.




Poster kejohanan yang dijalankan secara maya




Poster kejohanan yang dijalankan secara maya



# 9.0 BAHAGIAN BAKAT SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

# 9.0 BAHAGIAN BAKAT SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

## 9.1 PENGENALAN

Program Bakat & Pelapis Negeri merupakan kerjasama antara Majlis Sukan Negara Malaysia (MSNM) dan semua majlis sukan negeri-negeri termasuk MSWP. Program ini merupakan penjenamaan semula kepada program pembangunan yang dikenali dahulunya sebagai Unit Sukan Prestasi Tinggi Negeri (USPTN) yang diperkenalkan oleh Majlis Sukan Negara Malaysia, dimana program ini mensasarkan pembangunan atlet di akar umbi.

MSWP telah mewujudkan Bahagian Bakat Sukan Wilayah Persekutuan bagi menumpukan dan melaksanakan program pembangunan di peringkat akar umbi. Program ini terbahagi kepada dua (2) dengan mensasarkan atlet berumur 16 hingga 19 tahun bagi Program Pelapis Negeri yang merangkumi 14 sukan teras dengan 16 disiplin dan 8 sukan teras bagi Program Bakat bagi atlet yang berumur 15 tahun dan kebawah.

Dalam melebarkan lagi pembangunan di peringkat akar umbi dan mengambil kira sukan pilihan yang sering dipertandingkan di SUKMA, MSWP juga menambah tiga (3) lagi sukan pilihan popular yang dipertandingkan di SUKMA.

### 9.1.1 Pegawai Dan Kakitangan

Bahagian Bakat Sukan Wilayah Persekutuan mempunyai seramai lima (5) orang kakitangan yang menggalas tanggungjawab dan melaksanakan program-program yang dirancang.

| Bil. | Nama | Jawatan |
|---|---|---|
| 1. | En. Mohd Azri Heikal bin Abd Latif | Ketua Bahagian |
| 2. | En. Amirul Aqmal bin Lokman Hakim Lau | Penyelaras Sukan : |
| | | Memanah |
| | | Wushu |
| | | Skuasy |
| | | Berbasikal |
| 3. | En. Anwar bin Kamarul Bahrin | Penyelaras Sukan : |
| | | Karate |
| | | Olahraga |
| | | Tinju |
| | | Pelayaran |
| 4. | Cik Siti Maryam binti Mohamad | Penyelaras Sukan : |
| | | Silat |
| | | Badminton |
| | | Akuatik Renang |
| | | Akuatik Terjun |
| 5. | En. Faizal bin Ishak | Penyelaras Sukan : |
| | | Tenpin Boling |
| | | Gimrama |
| | | Gimnastik |
| | | Judo |
| 6. | Cik Sabrina Yasmin binti Abdul Halim | Penyelaras Sukan : |
| | | Petanque |
| | | Angkat Berat |
| | | Menembak |
| | | Boling Padang |
| 7. | Pn. Aida binti Muhammad Seri | Pembantu Tadbir |

### 9.1.2 Objektif Strategik

Antara objektif strategik adalah tertumpu kepada 2 teras :

| | |
|---|---|
| **Teras Strategik 1** | : Mempertingkat Prestasi Atlet Ke Tahap Cemerlang |
| Strategik 1 | : Memastikan atlet-atlet menyertai pertandingan dan kejohanan yang berkualiti bagi meningkatkan prestasi atlet ke tahap cemerlang |
| Bidang Fokus | : Pertandingan dan Kejohanan |
| Objektif Strategik | : Memastikan semua atlet Wilayah Persekutuan yang telah terpilih menyertai kejohanan dan pertandingan di peringkat negeri dan kebangsaan sebagai medan penilaian prestasi. |
| Strategik 2 | : Program Latihan dan Struktur Pembangunan Sukan |
| Bidang Fokus | : Program latihan dan Struktur pembangunan diperingkat Bakat & Pelapis yang menyeluruh |
| Objektif Strategik | : Memastikan struktur pembangunan di peringkat Bakat & Pelapis yang lebih komprehensif dan program latihan yang berterusan agar selari dengan Program Prestasi Tinggi. |
| **Teras Strategik 2** | : Memperkasakan Kemahiran dan Potensi Kejurulatihan dan Kepegawaian untuk Kecemerlangan Sukan |
| Strategik 1 | : Meningkatkan kemahiran dan pengetahuan jurulatih dan kepegawaian secara menyeluruh |
| Bidang Fokus | : Persijilan Kejurulatihan |
| Objektif Strategik | : Memastikan semua jurulatih Wilayah Persekutuan yang dilantik mempunyai kelayakan yang diiktiraf melalui Skim Pensijilan Kejurulatihan (SPKK) sekurang-kurangnya Tahap 1. |
| Bidang Fokus | : Kemahiran Kejurulatihan |
| Objektif Strategik | : Memastikan setiap jurulatih Wilayah Persekutuan mempunyai asas kejurulatihan yang kukuh dan latihan berterusan. |
| Bidang Fokus | : Kemahiran Spesifik |
| Objektif Strategik | : Memastikan setiap jurulatih dan pengurus Sukan Wilayah Persekutuan mempunyai kemahiran spesifik berkaitan pengurusan dan sains sukan. |

### 9.1.3 Fungsi Bahagian

Antara fungsi bahagian terbahagi kepada empat (4) komponen:

**Atlet**

Memastikan atlet yang dilahirkan berpotensi dan berkualiti untuk mewakili Wilayah Persekutuan ke peringkat tertinggi

**Kepegawaian**

Merangka dan menyelaras program di peringkat akar umbi serta memastikan kesinambungan atlet ke peringkat lebih tinggi

**Kejurulatihan**

Meningkatkan potensi dan kualiti jurulatih dengan menyertai kursus-kursus serta seminar yang berkaitan dengan kejurulatihan

**Program latihan**

Memastikan tahap prestasi atlet pelapis negeri setara dengan atlet prestasi tinggi

## 9.2 PERINCIAN MAKLUMAT PROGRAM

### 9.2.1 Program Pelapis Negeri Wilayah Persekutuan

| Bil. | Sukan | Bil. | Alamat Pusat Latihan | Daerah | Nama Jurulatih | Atlet | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | L | P | J |
| 1. | Akuatik Renang | 1 | Kompleks Renang Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur | Kuala Lumpur | Kamarudin bin Mustafa | 17 | 8 | 25 |
| | | | | | Kung Ming Hwei | 16 | 7 | 23 |
| | | 2 | Pusat Akuatik, Labuan International School | Labuan | Nurul Syafiqah bt Mohd Faizal | 8 | 10 | 18 |
| | Akuatik Terjun | 3 | Kompleks Renang Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur | Kuala Lumpur | Loh Zia Yi | 5 | 4 | 9 |
| 2. | Angkat Berat | 4 | SMK Seri Petaling | Kuala Lumpur | Zulhelmi bin Md Pisol | 9 | 3 | 12 |
| 3. | Badminton | 5 | Dewan Badminton, Kompleks Kejiranan Presint 11, 62300 Putrajaya | Kuala Lumpur | Marcel Simon | 28 | 21 | 49 |
| | | 6 | Pioneer Badminton Academy, 1Shamelin Mall | Kuala Lumpur | Farzad Shah bin Misfahul Muneer | 26 | 22 | 48 |
| 4. | Berbasikal | 7 | Persatuan Berbasikal Kuala Lumpur, No 18, Jalan Midah 16, Taman Midah, 56000, Cheras, Kuala Lumpur | Kuala Lumpur | Suod bin Hussin | 5 | 5 | 10 |
| 5. | Gimnastik Artistik | 8 | KL Gimnasium Taman Tasik Perdana, KL | Kuala Lumpur | Saiful Razlan bin Salehuddin | 0 | 18 | 18 |
| | | | | | Ti Deng Jay | 12 | 0 | 12 |
| | | | | | Lee Weng Yau | 2 | 4 | 6 |
| | Gimrama | 9 | Endah Parade, Sri Petaling | Kuala Lumpur | Chan Mei Thung | - | 15 | 15 |
| | | | | | Clarissa Lee Ching Ching | - | 21 | 21 |
| | | 10 | Gymday Studio Cyberjaya | | Faliha Shaslynne bt Ahmad Husni | - | 15 | 15 |
| 6. | Karate | 11 | Pusat Latihan Karate Jalan Ipoh | Kuala Lumpur | Sudhen A/L Sivaguru | 8 | 8 | 16 |
| 7. | Boling Padang | 12 | Arena Boling Padang Antarabangsa Labuan | Kuala Lumpur | Nurfarahayunni Azriawil bt Tawil | 5 | 5 | 10 |
| 8. | Memanah | 13 | Lapang Sasar Memanah, Kem Perdana, Sungai Besi | Kuala Lumpur | Mohd Alif Adha bin Hassan | 20 | 15 | 35 |
| | | 14 | Universiti Malaya | Kuala Lumpur | Atiq Bazil bin Bakri | 13 | 15 | 28 |
| 9. | Menembak | 15 | Lapang Sasar Issf, Pusat Latihan Polis, Jalan Semarak | Kuala Lumpur | Shahrizal bin Ishak | 14 | 4 | 18 |

| Bil. | Sukan | Bil. | Alamat Pusat Latihan | Daerah | Nama Jurulatih | Atlet | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | L | P | J |
| 10. | Olahraga | 16 | SMK Seri Titiwangsa (SSNWPKL) | Kuala Lumpur | Mohammad Faizal bin Mohammad Johar | 8 | 8 | 16 |
| | | 17 | SMK Putrajaya Presint 8(1) | Putrajaya | Norshamizi bin Ismail | 6 | 8 | 14 |
| | | 18 | Kompleks JBS Labuan | Labuan | Fairus Hakim bin Zainal | 10 | 9 | 19 |
| | | 19 | Stadium Bola Sepak Cheras | Kuala Lumpur | Anpumani Govindan | 3 | 3 | 6 |
| 11. | Pelayaran | 20 | Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan | Labuan | Wan Hazwan bin Wan Mohamad Norshid | 9 | 6 | 15 |
| 12. | Petanque | 21 | Arena Petanque Pudu Ulu, Kuala Lumpur | Kuala Lumpur | Mohd Zainuri bin Abdullah | 11 | 10 | 21 |
| 13. | Silat | 22 | Dewan Serbaguna Fasa 1E, Bandar Tun Razak Cheras, Kuala Lumpur | Kuala Lumpur | Sudirman bin Arifin | 15 | 9 | 24 |
| 14. | Skuasy | 23 | Pusat Skuasy Jalan Duta, Bukit Tunku, 50480 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | Kuala Lumpur | Ryan Neville Pasqual | 10 | 9 | 19 |
| | | | | | Kwan Kar Sern | 8 | 5 | 13 |
| 15. | Tenpin Boling | 24 | Kuala Lumpur Megalanes 4th Floor, Endah Parade, Jalan 1/149E, Bandar Baru Sri Petaling, 57000 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | Kuala Lumpur | Steven Cheng Chee Man | 14 | 1 | 15 |
| | | | | | Radin Nur Najwa Arifah binti Radin Dzulfakar | 6 | 4 | 10 |
| 16. | Wushu | 25 | SJK (C) Nan Kai Persiaran Raja Chulan, Bukit Bintang, 50200 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | Kuala Lumpur | See Min | 8 | 5 | 13 |
| | | 26 | SJKC Taman Connaught 2 | Kuala Lumpur | Lim Ee Siang | 17 | 15 | 32 |
| 17. | Tinju | 27 | Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi, Kuala Lumpur | Kuala Lumpur | Mohamad Mazian bin Razali | 21 | - | 21 |
| | | 28 | Kem Fairyland, Labuan | Labuan | Koh Chan Lee | 11 | 0 | 11 |
| 18. | Judo | 29 | Forum Pudu Badminton Centre, KL | Kuala lumpur | Yeoh Shenshen | 3 | 7 | 10 |
| | | 30 | SMK Bintang Utara | | Mohammad Azil bin Mohammad Roslin | 15 | 12 | 27 |
| 18 Sukan (20 Disiplin) | | 30 Pusat Latihan Negeri | | | 30 Jurulatih | 363 | 311 | 674 |

### 9.2.2 Program Bakat Wilayah Persekutuan

| Bil. | Sukan | Bil. | Alamat Pusat Latihan | Daerah | Nama Jurulatih | Atlet | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | L | P | J |
| 1. | Akuatik Renang | 1 | Kolam Renang Kompleks Sukan Setiawangsa, 54200, Wangsa Maju, Kuala Lumpur | Kuala Lumpur | Salman bin Rajikin | 15 | 15 | 30 |
| | | | | | Khairul Azizi bin Mohd Yatim | 15 | 15 | 30 |
| 2. | Karate | 2 | Pusat Latihan Karate Jalan Ipoh | Kuala Lumpur | Shyamala A/P Rubini | 5 | 5 | 10 |
| 3. | Boling Padang | 3 | MSN Bukit Kiara | Kuala Lumpur | Zulkifli bin Yusop | 6 | 4 | 10 |
| 4. | Memanah | 4 | SMK Presint 14(1) 1A, Jalan P14, Presint 14 | Putrajaya | Mohd Mahfuz bin Mohd Isa | 9 | 14 | 23 |
| | | 5 | Lapang Sasar Memanah, Kompleks Sukan Labuan | Labuan | Mohd Azreen bin Razali | 5 | 9 | 14 |
| 5. | Olahraga | 6 | SMK Seri Sentosa | Kuala Lumpur | Kwong Kar Jun | 14 | 11 | 25 |
| | | 7 | SMK Seri Permaisuri | Kuala Lumpur | Sallehuddin bin Mamat | 5 | 3 | 8 |
| 6. | Pelayaran | 8 | Royal Port Dickson Yacht Club, Port Dickson | Kuala Lumpur | Syaiful Amri bin Abdullah | 4 | 4 | 8 |
| 7. | Tenpin Boling | 9 | IOI Putrajaya, Putrajaya | Putrajaya | Sazril bin Murshid | 5 | 5 | 10 |
| 8. | Silat | 10 | SJKC Chung Hwa (P), Jln Damai Off Jln Ampang 55000 KL | Kuala Lumpur | Mohd Samsulihqmal b Samsuddin | 18 | 23 | 41 |
| 8 Sukan | | 10 Pusat Latihan Daerah | | | 10 Jurulatih | 101 | 108 | 209 |

## 9.3 LAPORAN SUKAN

**Sukan** : **Memanah**

**Penyelaras** : **Amirul Aqmal bin Lokman Hakim Lau**

**Persatuan Sukan** : **Persatuan Memanah Red Arrows Wilayah Persekutuan (WIRA)**
**Persatuan Memanah Labuan**



**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Mohd Alif Adha bin Hassan | Lapang Sasar Pengkalan Tentera Darat |
| 2. | Nur Afisa binti Abdul Halil | Lapang Sasar Universiti Malaya |
| 3. | Othman bin Abd Wahab | SK Danau Perdana |
| 4. | Mohd Mahfuz bin Mohd Isa | SMK Presint 14(1) |
| 5. | Mohd Azreen bin Rajali | Lapang Sasar JBS Labuan |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| PLN | 47 | | 1 | | 50 | 3 | | | 101 |
| PLD | 12 | | | 2 | 19 | | 1 | 4 | 38 |
| JUMLAH | 59 | | 1 | 2 | 49 | 3 | 1 | 4 | 139 |

Sepanjang tempoh latihan pada awal tahun 2021 latihan hanya dapat dilakukan secara dalam talian dengan mengikuti perancangan dan pemantauan jurulatih sukan Memanah, Antara latihan yang dijalankan adalah lebih menekankan pada teknik asas sukan Memanah dengan menggunakan peralatan memanah (*Bow Training*) dan latihan getah. Jurulatih turut menekankan latihan fizikal dan daya tahan atlet sebelum latihan secara fizikal dapat dibuat iaitu pada sesi persekolahan dimulakan.

Dengan usaha dan kerjasama dari Persatuan Memanah Red Arrows Wilayah Persekutuan (WIRA), Kejohanan Remote Scoring Challenge dapat dilaksanakan sebanyak tiga siri dan satu siri akhir yang disertai oleh semua atlet dari setiap wilayah bertempat di kediaman dan tempat latihan masing-masing. Kejohanan ini diadili melalui aplikasi lanseo dan pemarkahan setiap atlet dipantau oleh juri secara maya. Selain itu, Karnival Bakat Sukan Memanah turut diadakan yang bertempat di Lapang Sasar Universiti Putra Malaysia pada 4 dan 5 Disember dengan penyertaan atlet BSW di setiap wilayah bagi kategori Bawah 18,15,12 dan 10. Hasil dari karnival bakat ini, seramai 12 orang atlet (6 lelaki dan 6 perempuan) terpilih mewakili Wilayah Persekutuan ke Kejohanan Memanah Terbuka Selangor bagi kategori bawah 15 tahun yang bertempat di Lapang Sasar Memanah UPM. 3 orang atlet Wilayah Persekutuan berjaya membawa pulang 1 pingat perak dan 2 pingat gangsa. Selain dari itu, atlet Wilayah Persekutuan, Shazremil Hariz bin Ahmad Hafiz berjaya membuat catatan rekod kebangsaan yang baru di kejohanan tersebut.



Latihan secara maya yang dipantau oleh jurulatih Memanah BSW


Kejohanan *Remote Scoring Challenge* yang diadakan di Pusat Latihan Pengkalan Tentera Darat, Sungai Besi


Kejohanan *Remote Scoring Challenge Grand Finale* yang diadakan di SK Danau Perdana



Karnival Bakat Wilayah Persekutuan yang diadakan di Lapang Sasar UPM




Sesi penyampaian hadiah atlet Bakat Sukan Wilayah Persekutuan bagi Kejohanan Memanah Terbuka Selangor yang diadakan di Lapang Sasar UPM

**Sukan : Skuasy**

**Penyelaras : Amirul Aqmal bin Lokman Hakim Lau**

**Persatuan Sukan : Persatuan Squash WP Kuala Lumpur**



**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Kwan Kar Sern | Pusat Skuasy Jalan Duta |
| 2. | Raja Mohamad Abas | Pusat Skuasy Jalan Duta |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| PLN | 6 | 8 | 14 | 1 | 10 | 2 | 7 | | 48 |
| JUMLAH | 6 | 8 | 14 | 1 | 10 | 2 | 7 | | 48 |

Permulaan tahun 2021 pasukan Skuasy BSW hanya melakukan latihan secara dalam talian mengikut program latihan yang telah disediakan oleh jurulatih sukan Skuasy BSW. Latihan menumpukan pada tahap kecergasan dan teknik asas atlet bagi persediaan latihan secara fizikal di pusat latihan. Latihan secara fizikal dapat dibuat selepas Majlis Keselamatan Negara memberi kebenaran mengikut SOP latihan sukan.

Dengan usaha dan kerjasama dari pihak Persatuan Squash WP Kuala Lumpur, Kejohanan Ladder telah diadakan di pusat latihan mengikut SOP yang ketat. Kejohanan dalaman ini adalah bagi menilai tahap setiap atlet Skuasy BSW ini dinilai oleh jurulatih selepas PKP dengan mengikut *ranking*. Kejohanan Ladder ini juga adalah medan pemilihan untuk ke Kejohanan CIMB Foundation National Junior Championships 2021. Kejohanan CIMB Foundation National Junior Championships 2021 ini diadakan di Pusat Skuasy Nasional Bukit Jalil pada 10 hingga 14 November 2021 dimana seramai 33 orang atlet melibatkan diri kejohanan ini dan 4 orang atlet berjaya membawa pulang 1 Emas dan 3 Gangsa bagi 4 acara yang disertai.

Karnival Bakat Sukan Skuasy turut diadakan bertempat di Pusat Skuasy Jalan Duta pada 11 dan 12 Disember 2021 yang melibatkan semua atlet di dalam Program BSW bagi kategori bawah 17, 15, 13 dan 9 tahun. Seramai 69 orang atlet melibatkan diri untuk Karnival Bakat BSW Sukan Skuasy.



Latihan secara maya yang dipantau oleh jurulatih Skuasy BSW



Aksi sekitar di Kejohanan CIMB *Foundation National Junior Championships* 2021 bagi kategori bawah 13 tahun




Jayden Oon yang berjaya menjuarai Kejohanan CIMB *Foundation National Junior Championships* 2021 bagi kategori bawah 13 tahun




Sesi penyampaian hadiah Karnival Bakat Sukan Wilayah Persekutuan oleh Penolong Pengarah MSWP En. Mohd Azri Heikal, selaku Ketua Bahagian Program BSW

**Sukan** : **Berbasikal**

**Penyelaras** : **Amirul Aqmal bin Lokman Hakim Lau**

**Persatuan Sukan** : **Persatuan Berbasikal Putrajaya (PjCA)**



**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Nuraznisya binti Alin | Gimnasium MSWP |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| PLN | 12 | | | | 5 | 1 | | | 18 |
| JUMLAH | 12 | | | | 5 | 1 | | | 18 |

Sukan Berbasikal BSW telah melaksanakan beberapa program pengenalan sukan bagi mencari bakat-bakat baru bagi program khas Berbasikal. Program pengenalan ini dilakukan secara maya yang dibuat oleh Puan Nuraznisya binti Alin dengan kerjasama Persatuan Berbasikal Putrajaya (PjCA). Seramai 18 orang berjaya dikenalpasti telah diserapkan ke dalam Program BSW.

Sepanjang tempoh PKP, jurulatih telah melaksanakan latihan secara dalam maya dengan memfokuskan kepada memperkuatkan dari segi fizikal dan kecergasan setiap atlet. Latihan secara fizikal dapat dibuat selepas mendapat kebenaran dari pihak MKN. Jurulatih menumpukan kepada latihan asas atlet dengan latihan di atas peralatan 'roller' untuk memperbaiki keseimbangan dan kekuatan kayuhan.

Karnival Bakat Sukan Berbasikal terpaksa ditunda pada awal Januari 2022 atas faktor yang tidak dapat dielakkan, PjCA telah merancang dan menguar-uarkan penyertaan kepada kelab yang berhampiran bagi pendedahan kejohanan yang lebih kompetitif kepada atlet BSW ini.




Program pengenalan sukan Berbasikal yang diselia oleh JSM



Latihan fizikal secara maya yang dipantau oleh jurulatih sukan Berbasikal BSW




Latihan roller oleh atlet Berbasikal BSW




Latihan lebuhraya atlet Berbasikal BSW yang diselaras oleh JSM

**Sukan** : **Wushu**

**Penyelaras** : **Amirul Aqmal bin Lokman Hakim Lau**

**Persatuan Sukan** : **Persekutuan Wushu W.P. Kuala Lumpur**
**Persatuan Wushu WP Putrajaya**
**Persatuan Wushu Wilayah Persekutuan Labuan**



**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | See Min | SJK (C) Nan Kai |
| 2. | Lim Ee Siang | SJK (C) Taman Connought |
| 3. | Tan Chee Haw | BCG Martial Arts Academy |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| PLN | | 6 | | | | 8 | | | 14 |
| PLD | | 16 | | 6 | | 13 | | 4 | 39 |
| JUMLAH | | 32 | | 6 | | 21 | | 4 | 53 |

Latihan Wushu BSW hanya dilakukan secara dalam talian sepanjang tempoh PKP, latihan-latihan yang dijalankan lebih memfokuskan kepada memperbaiki teknik dan fizikal atlet BSW ini.

Latihan secara fizikal dapat dibuat selepas Majlis Keselamatan Negara memberi kebenaran mengikut SOP latihan sukan. Hanya latihan sahaja dapat dibuat sepanjang pandemik Covid-19 dan tiada kejohanan yang diadakan oleh persatuan kebangsaan.

Dengan usaha dan kerjasama dari pihak Persekutuan Wushu W.P. Kuala Lumpur, Putrajaya, Labuan dan jurulatih-jurulatih, Karnival Bakat Sukan BSW sukan Wushu telah diadakan secara maya bertempat di kediaman dan tempat latihan masing-masing. Kejohanan ini diadili melalui rakaman video yang dihantar oleh setiap peserta dan pemarkahan setiap atlet dinilai oleh juri secara maya.



Latihan secara maya yang dipantau oleh JSM sukan Wushu BSW



Latihan secara fizikal di pusat latihan di Putrajaya mengikut SOP



Pemantauan latihan atlet Wushu BSW Labuan



Sesi rakaman video Karnival Bakat Sukan Wushu BSW

**Sukan** : **Karate**

**Penyelaras** : **Anwar bin Kamarul Bahrin**

**Persatuan Sukan** : **Persatuan Karate Putrajaya**
**Persatuan Karate Kuala Lumpur**
**Persatuan Karate Hayashi-Ha Kuala Lumpur**



**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Sudhen A/L Sivaguru | Jalan Ipoh, KL |
| 2. | Shyamala Rubini A/P R.Muthiah | UTC Sentul, KL |
| 3. | Mohd Norfarhan bin Nordin | Dojo, Pusat Latihan Sukan Tempur MSL |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| PLN | 2 | - | 24 | - | 2 | - | 21 | - | 49 |
| PLD | 1 | 2 | 12 | - | - | 1 | 14 | - | 12 |
| JUMLAH | 3 | 2 | 36 | - | 2 | 1 | 35 | - | 70 |

**Kejohanan / Pertandingan Dalam Negara**

| Bil. | Kejohanan | Tempat | Tarikh | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Karnival Bakat Sukan Karate WP (Berpasukan) | UTC Sentul, Kuala Lumpur | 20 – 21 November 2021 | 5 Emas, 1 Perak |
| 2. | Perlawanan Persahabatan 5 Penjuru | Ipoh, Perak | 27 – 28 November 2021 | - |

**Mesyuarat Jawatankuasa Kerja**

| Bil. | Mesyuarat | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil.1/2021 | MSWP | 12 Mac 2021 |

Pihak kerajaan telah melaksanakan PKP 2.0 pada bulan Januari 2021 sehingga Ogos 2021. Namun, Pelaksanaan latihan secara maya bermula pada awal tahun Januari 2021 sehingga Ogos 2021 bagi mengekalkan teknik dan kecergasan atlet. Tiada kejohanan yang dianjurkan oleh mana-mana negeri atau persatuan bagi tahun 2021.

Sesi latihan pusat yang dilaksanakan dijalankan mengikut SOP yang sangat ketat bagi mengelakkan risiko penularan wabak Covid-19. Selain itu, sesi latihan yang dilaksanakan simulasi *sparring* dan tanpa sentuhan bagi mengelak risiko jangkitan Covid-19, tiada atlet yang dijangkiti wabak berkenaan. Satu kejohanan Karate yang dapat disertai iaitu Perlawanan Persahabatan 5 Penjuru yang terdiri daripada negeri Kedah, Perak, Perlis dan Pulau Pinang pada 27 - 28 November 2021 dan satu webinar yang dapat dianjurkan iaitu Ft Young Karate Champions pada 17 – 19 Julai 2021. Hal ini bagi mengekalkan tahap kecergasan dan motivasi para atlet.

MSWP dengan kerjasama persatuan dan jurulatih juga mengambil kesempatan untuk mengadakan Karnival Bakat Sukan Karate WP (Berpasukan) pada 20 – 21 November 2021 ketika Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) diberi kelonggaran bertujuan untuk menilai prestasi dan tahap kecergasan atlet. Penyertaan atlet seramai 104 atlet yang merangkumi persatuan-persatuan dan kelab Karate di Kuala Lumpur dan Putrajaya.



Webinar FT Young Champions 2021



Karnival Bakat Sukan Karate (Berpasukan) 2021

**Sukan** : **Olahraga**

**Penyelaras** : **Anwar bin Kamarul Bahrin**

**Persatuan Sukan** : **Persatuan Olahraga W.P Kuala Lumpur**
**Persatuan Olahraga W.P Putrajaya**
**Persatuan Olahraga W.P Labuan**
**Kelab Kawan Athletics**

**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Mohamad Faizal bin Mohamad Johar | SSNWPKL Sri Titiwangsa |
| 2. | Norshamizi bin Ismail | SMK Putrajaya Presint 8 (1) |

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 3. | Fairus Hakimi bin Zainal | Kompleks JBS Labuan |
| 4. | Anpumani Govindan | Kompleks Sukan JBS Kg. Pandan Kuala Lumpur |
| 5. | Kwong Kar Jun | Stadium Cheras Kuala Lumpur |
| 6. | Sallehuddin bin Mamat | Stadium Mini Seri Permaisuri |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| PLN | 22 | 9 | 3 | - | 16 | 3 | 2 | - | 55 |
| PLD | 14 | - | 10 | - | 10 | 4 | 8 | - | 46 |
| JUMLAH | 36 | 9 | 13 | - | 26 | 7 | 10 | - | 101 |

**Kejohanan / Pertandingan Dalam Negara**

| Bil. | Kejohanan | Tempat | Tarikh | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Karnival Bakat Sukan Olahraga Tertutup WP 2021 | Stadium Mini MSN Bukit Jalil | 4, 11 & 12 Disember 2021 | 24 Emas |

**Mesyuarat Jawatankuasa Kerja**

| Bil. | Mesyuarat | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil.1/2021 | MSWP | 3 Mac 2021 |

Tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan 2.0 telah bermula pada Januari 2021 hingga Ogos 2021. Walau bagaimanapun, kaedah latihan dilaksanakan secara maya bermula pada Januari 2021 sehingga Ogos 2021 bagi menggekalkan teknik dan kecergasan atlet. Tiada kejohanan yang dianjurkan oleh mana-mana negeri atau persatuan bagi tahun 2021.

Sesi latihan pusat yang dilaksanakan dijalankan mengikut SOP yang sangat ketat bagi mengelakkan risiko penularan wabak Covid-19. Selain itu, sesi latihan yang dilaksanakan memfokuskan kepada teknik dan kardiovaskular atlet. Karnival Bakat Sukan Olahraga Tertutup WP 2021 telah diadakan pada 4 Disember 2021 bagi atlet berumur 9 tahun – 11 tahun dan 11 & 12 Disember 2021 bagi atlet berumur 12 tahun hingga 16 tahun. Seramai 475 atlet telah menyertai karnival ini yang merupakan salah satu platfom untuk pencarian atlet bakat ke dalam Program BSW.









Karnival Bakat Sukan Olahraga Tertutup WP 2021

**Sukan** : **Pelayaran**

**Penyelaras** : **Anwar bin Kamarul Bahrin**

**Kelab Pelayaran Putra**
**Kelab Pelayaran Lembah Klang**
**Kelab Pelayaran Victoria**



**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Syaiful Amri bin Abdullah | Royal Port Dickson Yacth Club |
| 2. | Wan Ahmad Hazwan bin Mohamad Norshid | Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan |
| 3. | Brian Sung | |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| PLN | 18 | - | - | - | 9 | - | - | - | 27 |
| PLD | 10 | - | - | - | 5 | - | - | - | 15 |
| JUMLAH | 28 | - | - | - | 14 | - | - | - | 42 |

**Kejohanan / Pertandingan Dalam Negara**

| Bil. | Kejohanan | Tempat | Tarikh | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Terengganu Monsoon Challenge (TMC) 2021 | Duyong Marina & Resort Pulau Duyong, Kuala Terengganu | 3 Disember 2021 – 2 Januari 2022 | Ranking Optimist ke-21 |

| Bil. | Kejohanan | Tempat | Tarikh | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|
| 2. | VR Inshore Regatta UMT-TESL Siri 2/2021 | Secara maya | 15 – 16 November 2021 | - |

**Mesyuarat jawatankuasa kerja**

| Bil. | Mesyuarat | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil.1/2021 | MSWP | 8 Februari 2021 |

Perintah Kawalan Pergerakan 2.0 bermula pada Januari 2021 sehingga Ogos 2021 dan latihan dilaksanakan diadakan secara maya bagi menggekalkan teknik dan kecergasan atlet. Tiada kejohanan yang dianjurkan oleh mana-mana negeri atau persatuan bagi tahun 2021.

Sesi latihan pusat yang dilaksanakan dijalankan mengikut SOP yang sangat ketat bagi mengelakkan risiko penularan wabak Covid-19. Selain itu, sesi latihan yang dilaksanakan secara fizikal di laut. Satu kejohanan Pelayaran yang dapat disertai iaitu Terengganu Monsoon Challenge (TMC) 2021 yang merupakan satu-satunya kejohanan yang dianjurkan pada tahun 2021. Kejohanan yang disertai ini dapat menilai tahap kecergasan dan prestasi atlet. Selain itu, atlet juga menyertai kejohanan secara maya iaitu VR Inshore Regatta UMT- TESL Siri 2/2021. Kejohanan ini untuk menilai teknik dan tektikal atlet ketika berada di laut.





Terengganu Monsoon Challenge (TMC) 2021

**Sukan : Tinju**

**Penyelaras : Anwar bin Kamarul Bahrin**

**Persatuan Sukan : Kelab Tinju Golden Glove**

**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Mohamad Mazian bin Razali | Sekolah Tunas Bakti, KL |
| 2. | Koh Chan Lee | Kompleks Sukan JBS Labuan |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| PLN | 23 | - | 2 | - | - | - | - | - | 25 |
| PLD | - | - | - | - | - | - | - | - | - |
| JUMLAH | 23 | - | 2 | - | - | - | - | - | 25 |

**Kejohanan / Pertandingan Dalam Negara**

| Bil. | Kejohanan | Tempat | Tarikh | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Karnival Bakat Sukan Tinju (4 Penjuru) 2021 | STB, Sg Besi, KL | 27 – 29 Disember 2021 | 5 Emas, 1 Perak |

**Mesyuarat Jawatankuasa Kerja**

| Bil. | Mesyuarat | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil.1/2021 | STB, Sg Besi, KL | 4 Disember 2021 |

Pihak kerajaan telah melaksanakan PKP 2.0 pada bulan Januari 2021 sehingga Ogos 2021. Namun, Pelaksanaan latihan secara maya bermula pada Januari 2021 sehingga Ogos 2021 bagi menggekalkan teknik dan kecergasan atlet. Tiada kejohanan yang dianjurkan oleh mana-mana negeri atau persatuan bagi tahun 2021.

Sesi latihan pusat yang dilaksanakan dijalankan mengikut SOP yang sangat ketat bagi mengelakkan risiko penularan wabak Covid-19. Selain itu, sesi latihan yang dilaksanakan simulasi *sparring* dan tanpa sentuhan bagi mengelak risiko jangkitan Covid-19, tiada atlet yang dijangkiti wabak berkenaan.

MSWP dengan kerjasama persatuan dan jurulatih juga mengambil kesempatan untuk mengadakan Karnival Bakat Sukan Tinju (4 Penjuru) 2021 pada 27 – 29 Disember 2021 ketika Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) diberi kelonggaran bertujuan untuk menilai prestasi dan tahap kecergasan atlet. Penyertaan atlet seramai 48 atlet yang merangkumi persatuan-persatuan dan kelab Tinju di Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka.







Karnival Bakat Sukan Tinju (4 Penjuru) 2021

**Sukan** : **Silat**

**Penyelaras** : **Siti Maryam binti Mohammad**

**Persatuan Sukan** : **Persekutuan Silat Kebangsaan Kuala Lumpur (PESAKA)**



**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Sudirman bin Arifin (PLN) | Dewan Serbaguna Fasa 1E, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur |
| 2. | Mohd Samsulihqmal bin Samsuddin (PLD) | Sekolah Sukan Negeri Kuala Lumpur (SSNKL) |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| PLN | 11 | 0 | 0 | 0 | 8 | 0 | 0 | 0 | 19 |
| PLD | 3 | 0 | 0 | 0 | 12 | 0 | 0 | 0 | 15 |
| JUMLAH | 14 | 0 | 0 | 0 | 20 | 0 | 0 | 0 | 34 |

Sukan Silat telah melaksanakan beberapa program pengenalan sukan bagi mencungkil bakat-bakat baru sepanjang tahun 2021. Sehingga Jun 2021 jurulatih berjaya mendapatkan seramai 53 orang atlet dimana pada tahun tersebut tempoh PKP telah dilaksanakan secara berkala mengikut kadar kes Covid-19 semasa. Tambahan lagi, premis latihan sukan Silat adalah di dalam kawasan sekolah yang menyukarkan proses latihan dijalankan kerana Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan arahan dimana segala aktiviti yang bertempat di sekolah tidak dibenarkan dan SOP juga dikeluarkan bagi membendung penularan wabak Covid-19 dalam kalangan para pelajar.

Namun, pada Disember 2021 jurulatih telah merekodkan seramai 34 orang atlet yang masih mengikuti Program Bakat Sukan Wilayah Persekutuan (BSW). Penurunan bilangan atlet berlaku adalah kerana sesetengah ibu bapa khuatir untuk menghantar anak-anak berlatih semasa negara dalam keadaan pandemik dan mengambil keputusan untuk berhenti daripada Program BSW. Walau bagaimanapun, pada tahun 2021 beberapa program telah berjaya dilaksanakan seperti Modul Latihan Spesifik Sempena PKP, "*Talent Identification*" (TID) pada 27 November 2021 dan Karnival Bakat Sukan Wilayah (KBSW) pada 28 November 2021 di Sekolah Sukan Negeri Kuala Lumpur (SSNKL). Majlis Sukan Wilayah Persekutuan juga telah mengadakan Festival Seni Silat dan Simposium Seni Silat Wilayah Persekutuan 2021 di Auditorium Cempaka Sari, Perbadanan Putrajaya, Presint 3, Putrajaya yang melibatkan semua atlet Silat sebagai para peserta pada 12 hingga 13 November 2021.

KBSW telah melibatkan seramai 32 orang atlet bakat, 5 orang pegawai termasuk jurulatih dan 5 orang pengadil. Objektif diadakan adalah untuk mencungkil bakat baru dan menguji kemahiran teknik. Selain itu, kejohanan ini menjadikan medan pendedahan kejohanan yang kompetitif bagi menghadapi cabaran dan program pada tahun 2022 seterusnya memberi peluang kepada atlet untuk melayakkan diri ke dalam senarai nama pelapis negeri dan senarai nama panjang Sukan Malaysia (SUKMA). Sebanyak 2 kategori telah dipertandingkan seperti Tanding Putera (Kelas A hingga D) dan Tanding Puteri (Kelas A hingga D). Kelas A adalah (45-50 kg), B (50-55kg), C (55-60 kg) dan D (60-65kg).




Modul Latihan Kemahiran Spesifik sempena PKP



Slot MySukan TV menemu ramah Pesilat Lelaki Bakat Terbaik bagi tempoh 2020-2021



Sesi bergambar Program Talent Identification (TID)



Sesi penyampaian hadiah sempena Karnival Bakat Sukan Wilayah (KBSW)

**Sukan** : **Badminton**

**Penyelaras** : **Siti Maryam binti Mohammad**

**Persatuan Sukan** : **Persatuan Badminton Putrajaya (PJBA)**
**Persatuan Badminton Kuala Lumpur (KLBA)**



**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Marcel Simon (PLN) | Kompleks Kejiranan Presint 11, Putrajaya. |
| 2. | Mohammad Jojohannif Saha bin Saha Cheiryl Saha (PLN) | Pioneer Academy, 1 Shamelin Mall, Kuala Lumpur. |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| PLN (PJBA) | 8 | 11 | 1 | 0 | 7 | 11 | 6 | 0 | 44 |
| PLN (KLBA) | 1 | 19 | 1 | 0 | 1 | 19 | 0 | 0 | 41 |
| JUMLAH | 9 | 30 | 2 | 0 | 8 | 30 | 6 | 0 | 85 |

Sukan Badminton terdiri daripada 2 persatuan seperti PJBA (Putrajaya) dan KLBA (Kuala Lumpur) dimana mempunyai jumlah atlet sebanyak 85 orang sehingga Disember 2021. Beberapa program telah dilakukan walaupun negara masih dalam fasa pandemik yang mengakibatkan latihan secara fizikal tidak dapat dilaksanakan secara semuka. Ketika tempoh PKP, jurulatih telah mengambil inisiatif dengan mengadakan latihan secara talian bagi mengekalkan stamina para atlet sekaligus mendidik atlet untuk bersedia menyahut cabaran latihan dalam pelbagai keadaan.

Selain itu, program Pemilihan Atlet Dalaman PJBA telah diadakan pada 18 hingga 21 Mac 2021 di Kompleks Kejiranan Presint 11, Putrajaya. Tujuan penganjuran ini adalah bagi pemilihan bakat-bakat baru untuk Pusat Latihan Putrajaya. Pemain yang sudah mempunyai ID BAM tidak dibenarkan untuk menyertai pemilihan ini. Sebanyak 10 kategori yang telah dipertandingkan seperti Perseorangan Lelaki Bawah 12 hingga 16 tahun, Perseorangan Perempuan Bawah 12 hingga 16 tahun, Beregu Lelaki Bawah 12 hingga 16 tahun dan Beregu Perempuan Bawah 16 tahun. Keputusannya adalah 9 Emas yang kebanyakannya didominasikan oleh atlet dalam program BSW manakala 1 Emas adalah daripada atlet luar.

Persatuan Badminton Kuala Lumpur (KLBA) telah mengadakan satu perlawanan persahabatan dengan pasukan daripada Persatuan Badminton Negeri Sembilan (NSBA) pada 27 November 2021 dan keputusannya juga turut didominasikan oleh pasukan Kuala Lumpur itu sendiri.

Pada 26 hingga 28 November 2021 satu Karnival Bakat Sukan Wilayah (KBSW) telah diadakan di Kompleks Kejiranan Presint 11, Putrajaya yang melibatkan sebanyak 350 kemasukan iaitu 308 orang peserta, 18 orang pegawai teknikal dan 3 orang pegawai perubatan. Tujuan karnival ini diadakan untuk menarik lebih banyak penyertaan dan penglibatan atlet dalam sukan Badminton sekaligus memberikan peluang kepada atlet dalam Program BSW bertanding dengan cemerlang dalam kejohanan yang kompetitif.



Latihan kemahiran secara talian semasa PKP



Perbincangan sukan Badminton dan sesi bergambar bersama Presiden PJBA



Sesi penyampaian hadiah sempena Karnival Bakat Sukan Wilayah (KBSW)



**Sukan** : **Akuatik Renang**

**Penyelaras** : **Siti Maryam binti Mohammad**

**Persatuan Sukan** : **Persatuan Renang Amatur Kuala Lumpur (PRAKL)**
**Persatuan Akuatik Labuan (PAL)**

**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Kamarudin bin Mustafa (PLN) | Kompleks Renang Kuala Lumpur |
| 2. | Kung Ming Hwei (Chlovin) (PLN) | Kompleks Renang Kuala Lumpur |
| 3. | Nurul Shafiqah binti Mohd Faizal (PLN) | Kolam Renang Labuan International School (LIS) |
| 4. | Salman bin Rajikin (PLD) | Kompleks Sukan Setiawangsa |
| 5. | Azlee Izwan bin Ruslee (PLD) | Kompleks Sukan Setiawangsa |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| PLN (Kamal) | 4 | 11 | 0 | 0 | 1 | 10 | 0 | 0 | 26 |
| PLN (Chlovin) | 2 | 5 | 0 | 0 | 1 | 2 | 1 | 0 | 11 |
| PLN (PAL) | 2 | 10 | 1 | 3 | 2 | 9 | 0 | 3 | 30 |
| PLD (Salman) | 6 | 0 | 0 | 0 | 2 | 0 | 0 | 0 | 8 |
| PLD (Azlee) | 8 | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 9 |
| JUMLAH | 22 | 26 | 1 | 3 | 7 | 21 | 1 | 3 | 84 |

Persatuan Renang Amatur Kuala Lumpur (PRAKL) dan Persatuan Akuatik Labuan (PAL) adalah dua persatuan sukan renang yang didaftar dibawah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan yang mempunyai jumlah perenang sebanyak 54 orang di Kuala Lumpur dan 30 orang di Labuan. Ketika negara dalam tempoh PKP, semua jurulatih mengambil inisiatif dengan melakukan latihan secara dalam talian namun bagi sukan renang adalah cabaran yang sangat besar mengendalikan latihan tanpa bersemuka. Hal ini kerana, sukan renang adalah sukan air yang memerlukan kolam renang sebagai nadi utama dalam konteks latihan.

Walau bagaimanapun, beberapa program telah diadakan seperti Time-trials pada 21 Mac 2021 dan Karnival Bakat Sukan Wilayah (KBSW) bagi mengekalkan stamina atlet dan sebagai medan pendedahan kejohanan kepada atlet bakat. KBSW telah diadakan pada 4 hingga 5 Disember 2021 di Kolam Renang Kelab Golf Labuan bagi peringkat Wilayah Persekutuan Labuan yang melibatkan seramai 74 orang atlet dan 43 pegawai teknikal (termasuk jurulatih, teknikal dan urusetia). Terdapat 3 kelab renang yang menghantar atlet renang untuk bertanding seperti LIS *(Labuan International School) Marlin Swimming Club, Victoria Swimming Club* dan *Daniel & Iqa Swimming Academy*. Keputusan penuh merekodkan kelab LIS *Marlin Swimming Club* sebagai pemungut mata penuh dan merangkap johan bagi karnival ini. Kebanyakan atlet LIS adalah atlet dalam Program BSW.

Manakala, untuk peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur karnival ini berlangsung pada 11 hingga 12 Disember di Kompleks Renang Kuala Lumpur. Seramai 185 atlet perenang dan 40 orang pegawai yang terlibat dalam program ini. Sebanyak 7 kelab renang yang telah bertanding seperti *Ikan Bilis Swimming Club, Chinwoo Athletic Asso Sel & KL, DSA Swimming Club, Kelab Renang Visc, Kuala Lumpur Swimming Club, New Wave Swimming Club* dan *Royal Selangor Golf Club*. Juara bagi karnival ini adalah milik

kepada Kelab *Ikan Bilis Swimming Club* yang majoritinya terdiri daripada atlet dalam Program BSW dengan pungutan pingat sebanyak 26 Emas, 25 Perak dan 32 Gangsa dimana jumlah keseluruhan pingat adalah 83 pingat yang jauh beza dengan pesaing utama iaitu kelab DSA Swimming Club yang memperoleh jumlah pingat hanya 62 pingat sahaja.




Sesi bergambar bersama Jurulatih BSW dan SUKMA




Sesi penyampaian hadiah kepada Perenang Labuan semasa KBSW



Sesi bergambar dengan wakil PRAKL



Sesi bergambar bersama atlet BSW



Sesi rakaman *live-streaming* yang dirakamkan oleh Krew MySukan TV untuk liputan KBSW



Keadaan semasa KBSW

**Sukan** : **Akuatik Terjun**

**Penyelaras** : **Siti Maryam binti Mohammad**

**Persatuan Sukan** : **Persatuan Renang Amatur Kuala Lumpur (PRAKL)**

**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Loh Zhia Yi | Kompleks Renang Kuala Lumpur |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| PLN | 0 | 4 | 0 | 0 | 1 | 4 | 0 | 0 | 9 |
| JUMLAH | 0 | 4 | 0 | 0 | 1 | 4 | 0 | 0 | 9 |

Sukan terjun antara salah satu sukan yang sukar mendapat pendedahan kejohanan sepanjang tahun pandemik dari tahun 2020 hingga 2021. Namun begitu, jurulatih telah mengadakan latihan secara talian bagi membantu mengekalkan prestasi di catatkan para atlet. Tiada rekod kejohanan dalaman dalam tahun semasa. Cabaran kepada jurulatih dalam mengendalikan sesi latihan tanpa bersemuka adalah sangat tinggi hingga mengakibatkan beberapa atlet terjun memilih untuk tidak terlibat dalam sesi latihan secara talian. Beberapa faktor telah membuatkan atlet berhenti seketika untuk meneruskan sesi latihan sukan terjun. Sebagai contoh, capaian internet yang kurang memuaskan dan kekangan masa diantara latihan sekolah dengan latihan sukan terjun. Walau bagaimanapun, latihan secara fizikal telah diteruskan semula selepas tempoh PKP tamat.



Latihan secara talian



Latihan fizikal



Latihan teknik yang dibantu oleh jurulatih



Aksi terjunan daripada atlet terjun

**Sukan** : **Petanque**

**Penyelaras** : **Sabrina Yasmin binti Abdul Halim**

**Persatuan Sukan** : **Persatuan Petanque Kuala Lumpur**
**Persatuan Petanque Wilayah Persekutuan Putrajaya (Baru)**
**Persatuan Petanque Labuan**

**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Mohd Zainuri bin Abdullah | Gelanggang Petanque Pudu Ulu |
| 2. | Shaiful Nizam bin Shahrin | Gelanggang Petanque Presint 5 |
| 3. | Sabaruddin bin Musa | Gelanggang Petanque Labuan |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| PLN | 25 | 0 | 0 | 0 | 18 | 0 | 0 | 0 | 33 |
| JUMLAH | 25 | 0 | 0 | 0 | 18 | 0 | 0 | 0 | 33 |

Sepanjang tempoh PKP 2.0 pada awal tahun 2021, latihan sukan Petanque diadakan secara maya. Jurulatih memfokuskan terhadap pembelajaran teori sukan Petanque dalam tempoh ini. Senaman kendiri juga dijalankan bagi memastikan stamina atlet berada di dalam keadaan memuaskan. Latihan fizikal dimulakan sebaik sahaja PKP 2.0 ditamatkan.

Pada akhir tahun 2021, sukan Petanque telah terlibat di dalam pelaksanaan Karnival Bakat Sukan Wilayah 2021. Penganjuran karnival tersebut dilakukan melalui kolabrasi MSWP bersama persatuan. Seramai 21 orang atlet berbakat telah diserap ke dalam Program Bakat Sukan Wilayah melalui karnival. *Ranking* semasa atlet juga telah diperolehi melalui penganjuran karnival tersebut. Atlet di Labuan juga telah memenangi tempat kedua keseluruhan sewaktu pertandingan Double Open Tertutup Labuan.



Sesi pembelajaran teori sukan Petanque secara maya sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan 2.0



Majlis Penutup Karnival Bakat Sukan Wilayah di Gelanggang Petanque Pudu Ulu, Kuala Lumpur pada akhir tahun 2021.



Sesi pendaftaran Karnival Bakat Sukan Wilayah di gelanggang Petanque, Labuan pada akhir tahun 2021.




Foto menunjukkan atlet Bakat yang telah berjaya merangkul tempat kedua keseluruhan pada Pertandingan Double Open Tertutup Labuan 2021.

**Sukan** : **Menembak**

**Penyelaras** : **Sabrina Yasmin binti Abdul Halim**

**Persatuan Sukan** : **Persatuan Menembak Wilayah Persekutuan**



**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Shahrizal bin Ishak | Lapang Sasar ISSF, PULAPOL |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| PLN | 7 | 0 | 0 | 0 | 8 | 0 | 0 | 0 | 15 |
| JUMLAH | 7 | 0 | 0 | 0 | 8 | 0 | 0 | 0 | 15 |

Senaman kendiri secara maya dijalankan bagi memastikan stamina atlet berada di dalam keadaan memuaskan sepanjang tempoh PKP 2.0. Latihan fizikal dimulakan sebaik sahaja PKP 2.0 ditamatkan.

Namun begitu, latihan menggunakan senjata tidak dapat dilakukan di Pusat Latihan Negeri (PLN) sepanjang tahun 2021. Hal ini disebabkan oleh kerja penyelengaraan dan menaik taraf Lapang Sasar ISSF di PULAPOL Kuala Lumpur. Latihan menggunakan senjata juga tidak dapat dijalankan selepas proses menaik taraf Lapang Sasar ISSF di PULAPOL Kuala Lumpur selesai pada hujung September 2021 disebabkan masalah lesen pemindahan senjata.

Oleh itu, latihan menggunakan senjata dijalankan secara berkala di Lapang Sasar Bandar Tun Razak, Cheras. Karnival Bakat Sukan Wilayah bagi sukan Menembak juga diadakan di Lapang Sasar Bandar Tun Razak, Cheras. Acara Air Rifle dan Air Pistol telah dipertandingkan sepanjang karnival. Prestasi semasa atlet juga dieperolehi melalui karnival tersebut.



Sesi latihan yang turut melibatkan aktiviti gotong royong pembersihan lapang sasar selepas ia siap diubah suai.



Atlet Bakat, Muhammad Hakimi yang sedang bertanding 10 Meter Air Pistol sewaktu Karnival Bakat Sukan Wilayah di Lapang Sasar Bandar Tun Razak, Cheras.



Sesi latihan secara maya yang melibatkan senaman kendiri di rumah.


Atlet menjalankan latihan kecergasan di sekitar kawasan PULAPOL.

**Sukan** : **Angkat Berat**

**Penyelaras** : **Sabrina Yasmin binti Abdul Halim**

**Persatuan Sukan** : **Persatuan Angkat Berat Putrajaya**



**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Nor Fazanne binti Muhammad Ismail | SMK Sri Petaling |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| PLN | 10 | 0 | 0 | 0 | 5 | 0 | 0 | 0 | 15 |
| JUMLAH | 10 | 0 | 0 | 0 | 5 | 0 | 0 | 0 | 15 |

Latihan sukan Angkat Berat dijalankan secara maya pada awal tahun 2021 yang lepas. Latihan fizikal dimulakan sebaik sahaja sesi persekolahan bermula. Latihan diadakan sebanyak empat kali seminggu di gimnasium SMK Petaling. Beberapa atlet juga telah terlibat dalam latihan berpusat secara *Quarantine Based Approach* (QBA) yang dianjurkan oleh Majlis Sukan Wilayah Persekutuan pada hujung tahun 2021.

Jurulatih turut menjalankan sesi penilaian angkatan secara berkala sepanjang tahun 2021. Hal ini bagi memastikan atlet sentiasa berada di dalam keadaan bersedia sekiranya terdapat kejohanan Angkat Berat. Atlet juga telah terlibat dalam Karnival Bakat Sukan Wilayah bagi sukan Angkat Berat yang dilaksanakan. Karnival tersebut merupakan kejohanan pertama yang disertai pada tahun 2021. Sepanjang karnival, kesemua atlet telah mencatatkan rekod terbaik peribadi. Jumlah angkatan atlet meningkat menunjukkan prestasi yang baik.





Antara sesi latihan secara maya yang menggunakan kaedah *Homework* di mana atlet merekod sesi latihan berdasarkan senarai senaman yang diberikan oleh jurulatih



Gambar sewaktu kem latihan berpusat yang diadakan secara *Quarantine Based Approach*



Sesi latihan yang diadakan secara fizikal sebaik sahaja tempoh PKP 2.0 tamat




Sesi penyampaian hadiah sewaktu Karnival Bakat Sukan Wilayah bagi sukan Angkat Berat

**Sukan** : **Boling Padang**

**Penyelaras** : **Sabrina Yasmin binti Abdul Halim**

**Persatuan Sukan** : **Bowls Lembah Kelang**
**Persatuan Lawn Bowls Wilayah Persekutuan Labuan**



**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Zulkifli bin Yusop | Stadium Juara, Bukit Kiara |
| 2. | Fairul Izwan bin Abd Muin | Stadium Juara, Bukit Kiara |
| 3. | Nur Farahayunni binti Tawil | Arena Boling Padang Labuan |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| PLN | 32 | 0 | 0 | 0 | 30 | 0 | 0 | 0 | 62 |
| JUMLAH | 32 | 0 | 0 | 0 | 30 | 0 | 0 | 0 | 62 |

Jurulatih memfokuskan terhadap pembelajaran teori sukan Boling Padang dalam tempoh PKP 2.0. Beberapa atlet Malaysia juga dijemput sewaktu sesi pembelajaran untuk berkongsi pengalaman dalam sukan Boling Padang. Latihan fizikal dimulakan sebaik sahaja PKP 2.0 ditamatkan.

Bagi memperolehi kedudukan semasa atlet secara menyeluruh, Karnival Bakat Sukan Wilayah bagi sukan Boling Padang telah dilakukan.

Kesemua acara Boling Padang iaitu *singles, pairs, triples* dan *fours* telah dipertandingkan. Beberapa perlawanan persahabatan menentang negeri lain juga dilakukan pada tahun 2021. Sesi *Talent Identification* (TID) melalui kelas pengenalan sukan Boling Padang juga dilakukan di Wilayah Persekutuan Labuan sepanjang karnival. Hal ini bagi menarik lebih ramai bakat baru di Labuan dalam sukan Boling Padang. Karnival tersebut mendapat sambutan baik di kedua-dua wilayah.



Sesi pembelajaran di mana atlet Malaysia dan mantan jurulatih sukan Boling Padang Malaysia dijemput untuk berkongsi pengalaman bersama atlet.



Sesi latihan sukan Boling Padang di Arena Boling Padang Antarabangsa, Labuan.




Sesi penutup sewaktu Karnival Bakat Sukan Wilayah yang dijalankan di Stadium Juara, Bukit Kiara.



Sesi *Talent Identification* (TID) Sukan Boling Padang di Labuan melalui pengajuran Klinik Pengenalan dan Karnival Bakat Sukan Wilayah.

**Sukan** : **Gimnastik Artistik**

**Penyelaras** : **Faizal bin Ishak**

**Persatuan Sukan** : **Persatuan Gimnastik Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**



**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Saiful Razlan bin Salehuddin | KL Gimnasium Taman Tasik Perdana, KL |
| 2. | Ti Deng Jay | |
| 3. | Lee Weng Yau | |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| PLN | 7 | 7 | 0 | 0 | 14 | 10 | 0 | 0 | 38 |
| JUMLAH | 7 | 7 | 0 | 0 | 14 | 10 | 0 | 0 | 38 |

Gimnastik Artistik telah melaksanakan program latihan sepanjang tempoh PKPD, dimana jurulatih telah melaksanakan latihan secara dalam talian. Antara latihan-latihan yang dijalankan adalah memfokuskan kepada melatih dan meningkatkan tahap kecergasan atlet dengan program latihan kekuatan spesifik.

Pada 10 April 2021, telah diadakan kejohanan bakat bagi sukan Gimnastik Artistik yang bertempat di KL Gimnasium, Taman Tasek Perdana dimana kejohanan ini diadakan secara dalaman dan bertujuan untuk mendapatkan dan meningkatkan sijil akreditasi bagi kemahiran sukan Gimnastik Artistik.

Pada 3 Julai 2021, MSWP telah menganjurkan Wipers Plank Challenge dimana hampir kesemua atlet bakat sukan Gimnastik Artistik telah menyertai dan memenangi cabaran tersebut. Persatuan sukan dengan kerjasama MSWP juga telah mengambil inisiatif bagi mengadakan kem pemilihan atlet pelapis yang telah berlangsung bermula pada 8 hingga 16 Disember 2021 dimana selama 21 orang atlet telah terpilih ke peringkat pelapis.





Hari pertama Kejohanan Bakat dan Kem Pemilihan 8 Disember 2021



Latihan secara fizikal pada minggu pertama selepas PKPD



Hari akhir Kejohanan Bakat dan Kem Pemilihan 16 Disember 2021

**Sukan** : **Gimrama**

**Penyelaras** : **Faizal bin Ishak**

**Persatuan Sukan** : **Persatuan Gimnastik Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**

**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Chan Mei Thung | Pusat Latihan Negeri, REA Akademi, Endah Parade, Sri Petaling |
| 2. | Clarissa Lee Ching Ching | |
| 3. | Faliha Shaslynne bt Ahmad Husni | |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| PLN | - | - | - | - | 21 | 23 | 3 | 4 | 51 |
| JUMLAH | - | - | - | - | 21 | 23 | 3 | 4 | 51 |

Gimnastik Berirama telah melaksanakan program latihan secara fizikal bermula pada bulan Mac 2021 dimana latihan ini telah dilaksanakan pada minggu pertama selepas PKP telah diumumkan tamat seketika. Kesemua jurulatih yang terlibat di dalam program telah mengambil semula berat badan atlet selepas PKP bagi tujuan pembaharuan data prestasi atlet.

Pada 21 Mac 2021, pihak persatuan, pengurusan Pusat Latihan Negeri dan Jurulatih Program Bakat telah bekerjasama menjalankan Program TID bagi pelajar SK Convent Bukit Nenas 1 dan mereka yang terpilih akan diserap bagi melalui *Control Testing* untuk melepaskan kelayakan menyertai Program Bakat Sukan Gimrama.

Pada 3 hingga 5 Disember 2021, MSWP telah menganjurkan Karnival Bakat Sukan diperingkat Wilayah Persekutuan dimana seramai hampir 250 orang atlet di seluruh kelab di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menyertai karnival yang dianjurkan ini. Atlet dibawah program bakat telah mengungguli hampir kesemua acara yang telah dipertandingkan.



Minggu 1 latihan secara fizikal selepas PKP dibawah jurulatih Chan Mei Thung



Latihan secara fizikal selepas PKP dibawah jurulatih Clarissa



Latihan secara fizikal selepas PKP dibawah jurulatih Faliha



Karnival Bakat Sukan Peringkat Wilayah Persekutuan



Karnival Bakat Sukan Peringkat Wilayah Persekutuan

**Sukan** : **Tenpin Boling**

**Penyelaras** : **Faizal bin Ishak**

**Persatuan Sukan** : **Persatuan Tenpin Boling Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/ Putrajaya**



**Maklumat Jurulatih Dan Tempat Latihan:**

| Bil. | Jurulatih | Tempat Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Steven Cheng Chee Man | Kuala Lumpur Megalanes 4th Floor, Endah Parade |
| 2. | Radin Nur Najwa Arifah binti Radin Dzulfakar | |
| 3. | Sazril bin Murshid | Wangsa Bowl, IOI Putrajaya, Putrajaya |
| 4. | Mohd Khairul bin Mustafa | |

**Maklumat Atlet:**

| Kategori | Lelaki | | | | Wanita | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Melayu | Cina | India | Lain | |
| PLN | 18 | 2 | - | - | 5 | - | - | - | 25 |
| PLD | 5 | - | - | - | 6 | - | - | - | 11 |
| JUMLAH | 23 | 2 | - | - | 11 | - | - | - | 36 |

Tenpin Boling telah melaksanakan program latihan secara fizikal bermula pada bulan Mac 2021 dan terpaksa dihentikan seketika kerana jangkitan wabak Covid-19 dan latihan secara fizikal telah bersambung semula pada bulan Oktober 2021 bagi membuat persediaan untuk ke kejohanan Junior All-Star 2021.

Pada bulan Disember telah berlangsungnya 2 kejohanan penting bagi atlet sukan Tenpin Boling dimana seramai hampir 21 orang telah layak dalam pemilihan bagi wakil atlet B12, B15 dan B18 menyertai Kejohanan Junior All-Star 2021 yang berlangsung di Sunway Megalanes. Di kejohanan tersebut atlet dibawah program bakat telah menunjukkan bakat yang tersendiri dan dapat mencuri pingat Perak dan Gangsa bagi kategori Lelaki B15.

Pada 27 dan 28 Disember, MSWP dengan kerjasama Persatuan Tenpin Boling KL telah mengajurkan Karnival Bakat Sukan Peringkat Wilayah Persekutuan dimana seramai hampir 88 atlet sukan Tenpin Boling di serata KL telah menyertai karnival tersebut. Seterusnya pada 30 Disember 2021 juga, MSWP dengan kerjasama Persatuan Tenpin Boling Putrajaya telah mengadakan pencarian dan pengenalpastian bakat bagi sukan Tenpin Boling dibawah program bakat PLD Putrajaya. Seramai lebih 50 peserta di dalam Putrajaya telah hadir dan mendaftarkan diri bagi mendapat peluang untuk diserap masuk kedalam program BSW.





Latihan bulan Oktober bagi persediaan ke Karnival Bakat Sukan Wilayah Persekutuan 2021



Final U12 Lelaki dan Perempuan Kejohanan



Final U15 Lelaki Kejohanan Junior All-Star 2021



Roll-Off Bakat Sukan Tenpin Boling Peringkat Putrajaya 2021





# 10.0 PENYATA KEWANGAN 2021

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN**
**MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 Majlis Sukan Wilayah Persekutuan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 24.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971 [*Akta 29*] serta Perintah Majlis Sukan Negara Malaysia (Pengubahsuaian) 2006.

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

*Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Saya adalah bebas daripada Majlis Sukan Wilayah Persekutuan dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Ahli Majlis, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan**

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971 [*Akta 29*] serta Perintah Majlis Sukan Negara Malaysia (Pengubahsuaian) 2006. Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Sukan Wilayah Persekutuan;

c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis;

d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan

e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Ahli Majlis telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

**Hal-hal Lain**

Sijil ini dibuat untuk Ahli Majlis, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan berdasarkan keperluan Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971 [*Akta 29*] serta Perintah Majlis Sukan Negara Malaysia (Pengubahsuaian) 2006 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

**(DR. ZAHARUDDIN BIN ZAINAL ABIDIN)**
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
30 JUN 2022

**MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

(Diwartakan pada 9 Mac 2006)

**PENYATA PENGERUSI DAN AHLI MAJLIS**

Kami, **Datuk Ramlan Bin Haji Shahean @ Askolani** dan **Mohd Fahmi Bin Mohd Mokhtar**, yang merupakan Pengerusi dan Ahli Majlis, **MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN**, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Ahli Majlis, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet Dengan Amaun Sebenar yang berikut ini berserta nota-nota yang dilampirkan telah disediakan supaya memberi pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis pada 31 Disember 2021 serta hasil kendalian dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Ahli Majlis,

DATUK RAMLAN BIN HAJI SHAHEAN
@ASKOLANI
Pengerusi
Majlis Sukan Wilayah Persekutuan

MOHD FAHMI BIN
MOHD MOKHTAR
Ahli Majlis
Majlis Sukan Wilayah Persekutuan

Putrajaya
Tarikh : 31032022

**MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

(Diwartakan pada 9 Mac 2006)

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

Saya, **DR. HASNUL FAIZAL BIN HUSHIN AMRI**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet Dengan Amaun Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun,1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas **DR. HASNUL FAIZAL BIN HUSHIN AMRI** di Putrajaya

Pada 31 MAR 2022

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
A-W 407
NOOR NABILA EDAYU
BINTI ABDUL RAHIM
PEJABAT
PESURUHJAYA SUMPAH
MALAYSIA
1.12.2019 - 30.6.2022

PESURUHJAYA SUMPAH

## MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

(Diwartakan pada 9 Mac 2006)

### PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2021

| | NOTA | 2021 | 2020 |
|---|---|---|---|
| | | **RM** | RM |
| **ASET SEMASA** | | | |
| Simpanan Tetap | 10 | **19,500,000** | 15,000,000 |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai | 11 | **1,041,690** | 2,447,107 |
| Pelbagai Penghutang dan Deposit | 12 | **8,190** | 8,190 |
| Akruan Faedah Simpanan Tetap | 13 | **136,810** | 62,803 |
| Pinjaman Komputer | 14 | **4,375** | - |
| **Jumlah Aset Semasa** | | **20,691,065** | 17,518,100 |
| **ASET BUKAN SEMASA** | | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 8 | **772,597** | 598,406 |
| Aset Tak Ketara | 9 | **80,645** | 99,415 |
| Pinjaman Komputer | 14 | **12,031** | - |
| **Jumlah Aset Bukan Semasa** | | **865,273** | 697,821 |
| **JUMLAH ASET** | | **21,556,338** | 18,215,921 |
| **LIABILITI SEMASA** | | | |
| Ganjaran Pekerja | 15 | **16,654** | 16,326 |
| Pelbagai Akruan | 16 | **152,766** | 298,773 |
| Geran Tertunda | 17 | **322,127** | - |
| **Jumlah Liabiliti Semasa** | | **491,547** | 315,099 |
| **LIABILITI BUKAN SEMASA** | | | |
| Ganjaran Pekerja | 15 | **201,609** | 185,622 |
| **Jumlah Liabiliti Bukan Semasa** | | **201,609** | 185,622 |
| **JUMLAH LIABILITI** | | **693,156** | 500,721 |
| **ASET BERSIH** | | **20,863,182** | 17,715,200 |
| **EKUITI** | | | |
| Kumpulan Wang Majlis | | **20,863,182** | 17,715,200 |
| **JUMLAH ASET BERSIH DAN LIABILITI** | | **20,863,182** | 17,715,200 |

Nota-nota yang mengiringi adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

(Diwartakan pada 9 Mac 2006)

### PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

| | NOTA | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|---|
| **HASIL** | | | |
| **Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran** | | | |
| Peruntukan Daripada Kerajaan | 18 | **13,598,935** | 13,157,225 |
| | | **13,598,935** | 13,157,225 |
| **Hasil Daripada Urus Niaga Pertukaran** | | | |
| Faedah Atas Simpanan Tetap | | **350,329** | 424,850 |
| Pendapatan Pelbagai | 19 | **41,118** | 71,904 |
| Keuntungan Atas Jualan Aset | 19 | **-** | 2 |
| | | **391,447** | 496,756 |
| **JUMLAH HASIL** | | **13,990,382** | 13,653,981 |
| **PERBELANJAAN** | | | |
| Upah, Gaji dan Manfaat Pekerja | 20 | **1,560,417** | 1,506,976 |
| Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup | | **60,003** | 159,211 |
| Pengangkutan Barang-Barang | | **4,798** | 1,104 |
| Perhubungan dan Utiliti | | **35,844** | 39,885 |
| Sewaan | | **115,531** | 83,281 |
| Bahan-Bahan Makanan dan Minuman | | **1,690** | 2,358 |
| Bahan-Bahan untuk Penyelenggaraan dan Pembaikan | | **22,825** | 27,501 |
| Bekalan dan Bahan-Bahan Lain | | **205,741** | 171,590 |
| Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil | | **98,216** | 117,388 |
| Perkhidmatan Ikhtisas | | **3,830,306** | 4,624,195 |
| Perkhidmatan Ikhtisas – Bayaran Kakitangan Tidak Tetap | | **637,803** | 607,814 |
| Pemberian Dalam Negeri | | **4,035,430** | 5,540,094 |
| Perbelanjaan Lain | 21 | **110** | 183 |
| Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan | 8 | **146,369** | 60,017 |
| Pelunasan Aset Tak Ketara | 9 | **87,317** | 100,067 |
| **JUMLAH PERBELANJAAN** | | **10,842,400** | 13,041,664 |
| **LEBIHAN/KURANGAN PENDAPATAN** | | **3,147,982** | 612,317 |

Nota-nota yang mengiringi adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

(Diwartakan pada 9 Mac 2006)

### PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

| | Lebihan/(Kurangan) @Dana Disatukan | Kumpulan Wang Amanah | Rizab Modal | Aset Kewangan Sedia Dijual | Kepentingan Minoriti | **Jumlah Bersih** |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | **RM** |
| Baki Pada 1 Januari 2020 | 17,102,883 | - | - | - | - | **17,102,883** |
| Seperti yang dilaporkan sebelum ini | - | - | - | - | - | **-** |
| Perubahan dalam dasar perakaunan | - | - | - | - | - | **-** |
| Pelarasan akaun ekuiti | 17,102,883 | - | - | - | - | **17,102,883** |
| **Seperti dinyatakan semula** | | | | | | |
| Lebihan/(Kurangan) Tahun lepas | 612,317 | - | - | - | - | **612,317** |
| Jumlah Hasil dan Belanja 31 Disember 2020 | 17,715,200 | - | - | - | - | **17,715,200** |
| Baki pada 1 Januari 2021 | 17,715,200 | - | - | - | - | **17,715,200** |
| Lebihan/(Kurangan) semasa | 3,147,982 | - | - | - | - | **3,147,982** |
| Pada 31 Disember 2021 | 20,863,182 | - | - | - | - | **20,863,182** |
| **Baki seperti pada 31 Disember 2021** | **20,863,182** | **-** | **-** | **-** | **-** | **20,863,182** |

Nota-nota yang mengiringi adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

(Diwartakan pada 9 Mac 2006)

### PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI** | | |
| Lebihan/Kurangan pendapatan tahun semasa | **3,147,983** | **612,317** |
| **Pelarasan bagi:** | | |
| Susut nilai Hartanah, Loji dan Peralatan | **146,368** | **60,017** |
| Pelunasan Aset Tak Ketara | **87,318** | **100,067** |
| Faedah atas Simpanan Tetap | **(350,329)** | **(424,850)** |
| Peruntukan Ganjaran Pekerja | **35,860** | **23,478** |
| Belanja Pelunasan Geran Tertunda | **3,025,163** | **2,875,520** |
| Pelunasan Geran Tertunda | **(3,025,163)** | **(2,875,520)** |
| Keuntungan Atas Jualan Aset | **-** | **2** |
| Pinjaman Komputer | **(4,375)** | **-** |
| **Kurangan daripada Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja** | **3,062,825** | **371,031** |
| **Perubahan Dalam Modal Kerja:-** | | |
| Pengurangan Pelbagai Penghutang | **-** | **(2,190)** |
| Pertambahan Pendahuluan Diri dan Pelbagai | **-** | **24,915** |
| Pinjaman Komputer | **(12,031)** | **-** |
| Pengurangan Perbelanjaan Akruan | **(146,007)** | **75,034** |
| **Tunai daripada Aktiviti Operasi** | **2,904,787** | **468,790** |
| Bayaran Ganjaran Pekerja | **(19,545)** | **(17,972)** |
| **Tunai Bersih digunakan dalam Aktiviti Operasi** | **2,885,242** | **450,818** |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN** | | |
| Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan | **(389,108)** | **(440,957)** |
| Faedah Pelaburan Diterima | **276,322** | **1,272,480** |
| Keuntungan Atas Jualan Aset | **-** | **(2)** |
| **Tunai Bersih digunakan dalam Aktiviti Pelaburan** | **(112,786)** | **831,521** |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN** | | |
| Terimaan Geran Tertunda | **3,347,290** | **2,396,526** |
| Pembayaran Geran Tertunda | **(3,025,163)** | **(2,875,520)** |
| **Tunai Bersih digunakan dalam Aktiviti Pembiayaan** | **322,127** | **(478,994)** |
| **Pengurangan Bersih Tunai dan Kesetaraan Tunai** | **3,094,583** | **803,345** |
| **Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun** | **17,447,107** | **16,643,762** |
| **Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun** | **20,541,690** | **17,447,107** |
| **Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada 31 Disember 2021** | | |
| **Wang tunai, baki di bank dan Simpanan Tetap** | **20,541,690** | **17,447,107** |

Nota-nota yang mengiringi adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

(Diwartakan pada 9 Mac 2006)

### PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

| | Jumlah Bajet | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Asal RM | Akhir RM | Jumlah Sebenar RM | Perbezaan Sebenar RM | Peratus % |
| **HASIL** | | | | | |
| Geran Diterima – Mengurus | **10,895,900** | **10,895,900** | **10,895,900** | **-** | **100.00** |
| Pemberian Kerajaan (selain geran) | **-** | **2,703,035** | **2,703,035** | **-** | **100.00** |
| Lain-lain Hasil | **-** | **-** | **391,447** | **-** | **(100.00)** |
| **JUMLAH HASIL** | **10,895,900** | **13,598,935** | **13,990,382** | **-** | **100.00** |
| **BELANJA** | | | | | |
| Gaji Upah dan Pekerja | 1,120,131 | 1,120,131 | 997,703 | 122,428 | 89.07 |
| Imbuhan Tetap Kakitangan Awam | 318,394 | 318,394 | 300,420 | 17,974 | 94.35 |
| Sumbangan Berkanun | 248,400 | 248,400 | 173,700 | 74,700 | 69.93 |
| Elaun Lebih Masa | 70,000 | 70,000 | 36,860 | 33,140 | 52.66 |
| Faedah -Faedah Kewangan Lain | 41,900 | 41,900 | 35,747 | 6,153 | 85.32 |
| **Jumlah Emolumen** | **1,798,825** | **1,798,825** | **1,544,430** | **254,395** | **85.86** |
| Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup | 72,325 | 72,325 | 60,003 | 12,322 | 82.96 |
| Pengangkutan Barang - Barang | 5,000 | 5,000 | 4,798 | 202 | 95.96 |
| Perhubungan dan Utiliti | 43,224 | 43,224 | 35,844 | 7,380 | 82.93 |
| Sewaan | 109,171 | 109,171 | 115,531 | (6,360) | 105.83 |
| Makan dan Minum | 4,800 | 4,800 | 1,690 | 3,110 | 35.20 |
| Bekalan Bahan Mentah, Alat Ganti | 50,000 | 50,000 | 22,825 | 27,175 | 45.65 |
| Bekalan dan Bahan -Bahan Lain | 207,400 | 207,400 | 205,741 | 1,659 | 99.20 |
| Penyelenggaraan , Pembaikan kecil | 177,900 | 177,900 | 98,216 | 79,684 | 55.21 |
| Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti | 4,612,603 | 5,056,635 | 4,448,236 | 608,399 | 87.97 |
| **Jumlah Perkhidmatan dan Bekalan** | **5,282,423** | **5,726,455** | **4,992,884** | **733,571** | **87.19** |
| **Harta Modal** | **515,110** | **515,110** | **389,108** | **126,002** | **75.54** |
| **Pinjaman Komputer** | **25,000** | **25,000** | **17,500** | **7,500** | **70.00** |
| Pemberian Dalam Negeri | 3,250,374 | 5,509,377 | 4,035,430 | 1,473,947 | 73.25 |
| Ganjaran Kakitangan | 22,668 | 22,668 | 35,860 | (13,192) | 158.20 |
| **Jumlah Pemberian dan Kenaan Tetap** | **3,273,042** | **5,532,045** | **4,071,290** | **1,460,755** | **73.59** |
| **Bayaran -Bayaran Lain** | **1,500** | **1,500** | **110** | **1,390** | **7.33** |
| **JUMLAH** | **10,895,900** | **13,598,935** | **11,015,322** | **2,583,613** | **81.00** |

Nota-nota yang mengiringi adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

(Diwartakan pada 9 Mac 2006)

## NOTA BAGI PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

1. Bajet Asal merupakan bajet awal tahun termasuk tanggungan yang diluluskan oleh Ahli Majlis, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan bagi satu tempoh bajet.

2. Bajet Akhir merupakan bajet asal mengambil kira semua tambahan/kurangan peruntukan serta pindah peruntukan bagi satu tempoh bajet untuk menampung keperluan perbelanjaan.

3. Amaun Sebenar merupakan perbelanjaan dari tanggungan yang terhasil bagi satu tempoh bajet.

4. Varian Bajet merupakan perbezaan antara bajet akhir dan amaun sebenar bagi satu tempoh bajet.

5. Penyata ini disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan dan hanya merujuk kepada bajet mengurus iaitu pemberian kerajaan dan sumber dalaman (rizab).

## MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

(Diwartakan pada 9 Mac 2006)

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

### 1. PENGENALAN

Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) merupakan salah satu agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP). MSWP diwujudkan di bawah Akta 29, Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971 [P.U.(A) 89/2006] – Perintah Majlis Sukan Negara Malaysia (Pengubahsuaian) 2006 yang bertarikh 9 Mac 2006.

MSWP merupakan badan induk bagi pembangunan sukan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. MSWP terdiri dari tiga bahagian iaitu Bahagian Pembangunan Sukan, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Bahagian Pusat Latihan MSWP.

MSWP memperoleh peruntukan daripada KWP untuk membiayai perbelanjaan MSWP. Peruntukan diberi berdasarkan belanjawan yang dihantar oleh MSWP kepada Perbendaharaan Malaysia.

### 2. AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

Kegiatan utama MSWP adalah :-

i. Pelaksanaan program pembangunan sukan, latihan, penganjuran kejohanan/kursus/ seminar.
ii. Penyertaan dalam kejohanan tempatan dan antarabangsa.
iii. Urus setia Kontinjen Wilayah Persekutuan dalam Sukan Malaysia.

### 3. TARIKH KELULUSAN PENERBITAN

Penyata kewangan MSWP bagi tahun berakhir 2021 telah diluluskan dan dibenarkan untuk diterbitkan oleh Ahli Majlis pada **31 Mac 2022**.

### 4. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

4.1 Peralihan kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS)

Penyata Kewangan MSWP telah disediakan berdasarkan kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan serta Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan. Pemakaian MPSAS di MSWP merupakan yang pertama disediakan pada tahun 2020. Bagi tahun –tahun kewangan sebelumnya, MSWP menerima pakai Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) bagi rangka kerja pelaporan.

4.2 Perubahan dalam dasar perakaunan

Penggunaan MPSAS berkuat kuasa tahun 2020 tidak memberi kesan kepada dasar perakaunan MSWP.

4.3 Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Pada kebiasaannya, pihak pengurusan menggunakan anggaran dan pertimbangan dalam mengukur sesetengah jumlah yang dilaporkan di dalam Penyata Kewangan yang dibentangkan. Memandangkan anggaran dan pertimbangan digunakan maka terdapat kebarangkalian nilai yang sebenar tidak sama dengan jumlah yang dilaporkan. Penyediaan Penyata Kewangan MSWP untuk tahun semasa tidak melibatkan penggunaan anggaran dan pertimbangan yang ketara oleh pihak pengurusan.

## 5. POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Polisi pengurangan risiko kewangan MSWP bertujuan memastikan sumber kewangan dan bukan kewangan mencukupi untuk menjalankan operasi-operasinya dengan lancar.

a) Risiko kadar faedah

Pihak MSWP membiayai operasi-operasinya dengan dana dalaman dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko kadar faedah daripada pinjaman bank.

b) Risiko pasaran

Pihak MSWP tidak melabur di dalam saham sebut harga dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko pasaran akibat turun naik instrumen kewangan berikutan perubahan harga pasaran.

c) Risiko Kredit

Pihak MSWP tidak berurus niaga secara kredit dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko kredit.

d) Risiko mudah tunai

Pihak MSWP mengamalkan pengurusan risiko mudah tunai yang hemat untuk meminimumkan ketidakpadanan aset dan liabiliti kewangan dan untuk mewujudkan tahap tunai dan kesetaraan tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerja.

## 6. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

i. Asas perakaunan

Penyata kewangan MSWP telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah dan MPSAS yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB).

ii. Ringkasan dasar perakaunan penting

MSWP telah menerima pakai piawaian yang telah ditetapkan didalam MPSAS

seperti berikut:

| **MPSAS** | |
|---|---|
| MPSAS 1 | Pembentangan Penyata Kewangan |
| MPSAS 2 | Penyata Aliran Tunai |
| MPSAS 3 | Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan |
| MPSAS 14 | Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan |
| MPSAS 17 | Hartanah, Loji dan Peralatan |
| MPSAS 24 | Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan |
| MPSAS 25 | Manfaat Pekerja |
| MPSAS 26 | Penjejasan Aset Menjana Tunai |
| MPSAS 28 | Instrumen Kewangan : Pembentangan |
| MPSAS 29 | Instrumen Kewangan : Pengiktirafan dan Pengukuran |
| MPSAS 30 | Instrumen Kewangan : Pendedahan |
| MPSAS 31 | Aset Tak Ketara |
| MPSAS 33 | Pemakaian Kali Pertama MPSAS Berasaskan Akruan |

iii. Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susut Nilai

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak susut nilai terkumpul. Susut nilai diperuntukkan atas kos setiap aset secara pro-rata bermula bulan pembelian. Nilai bawaan bagi hartanah, loji dan peralatan dinilai semula pada tarikh rosot nilai. Seterusnya susut nilai diperuntukkan dengan kaedah garis lurus ke atas anggaran hayat kegunaan aset berkenaan seperti berikut:-

| | |
|---|---|
| Pengubahsuaian | 5 tahun |
| Kenderaan | 5 tahun |
| Peralatan Pejabat | 5 tahun |
| Peralatan Gimnasium | 5 tahun |
| Komputer | 5 tahun |

Pembelian harta modal yang bernilai melebihi RM2,000.00 akan dipermodalkan. Hartanah, loji dan peralatan yang telah penuh disusut nilai masih ditunjukkan pada nilai buku bersih RM1.00 setiap satu.

iv. Aset Tak Ketara

Aset tak ketara diperoleh pada awalnya diiktiraf pada kos. Selanjutnya, ia diukur pada kos tolak pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul. Ia dilunaskan dengan memperuntukkan jumlah aset yang boleh dielakkan sepanjang anggaran hayat iaitu selama 5 tahun menggunakan kaedah garis lurus.

(Diwartakan pada 9 Mac 2006)

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021 (SAMBUNGAN)

v. Pelupusan

Aset dihapus kira apabila dijual atau apabila tiada faedah ekonomi yang dijangka pada masa hadapan daripada penggunaan atau pelupusannya. Perbezaan antara perolehan bersih atau pelupusan, jika ada, dengan nilai aset berkenaan adalah diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

vi. Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai dan baki di dalam bank dan simpanan tetap dengan institusi kewangan yang sedia ditukar kepada tunai tanpa risiko penukaran nilai yang penting.

vii. Pengurangan nilai aset

Nilai aset yang dibawa disemak semula pada tarikh penyata kedudukan kewangan untuk menentukan sama ada terdapat tanda-tanda pengurangan nilai. Sekiranya terdapat tanda-tanda sedemikian, amaun yang boleh diperolehi semula bagi aset berkenaan akan dianggarkan. Amaun yang boleh diperolehi semula merupakan amaun yang lebih tinggi antara nilai jualan bersih aset dan nilai digunakan, yang diukur berasaskan aliran tunai yang dijangka akan didiskaunkan. Amaun yang boleh diperolehi semula dijangka untuk aset individu atau, sekiranya tidak boleh, untuk unit yang menghasilkan tunai yang mana aset itu digunakan.

Kerugian pengurangan nilai dicajkan terus kepada penyata pendapatan. Sebarang kenaikan seterusnya di dalam amaun yang boleh diperoleh semula bagi aset yang diiktiraf sebagai keterbalikan kerugian pengurangan nilai terdahulu dan diiktiraf setakat amaun aset dibawa yang akan ditentukan (selepas susut nilai atau pelunasan, jika berkaitan) sekiranya tiada kerugian pengurangan nilai diiktiraf sebelum ini.

Pembalikan ini diiktiraf dalam penyata pendapatan dengan serta merta.

viii. Peruntukan

Peruntukan dibuat bila pihak MSWP mempunyai obligasi sah atau konstruktif pada masa kini berikutan peristiwa lepas, di mana kemungkinan aliran keluar sumber perlu dibuat untuk menjelaskan obligasi dan bila anggaran yang munasabah boleh dibuat bagi jumlah tersebut.

ix. Pengiktirafan pendapatan lain

Pendapatan lain seperti sumbangan diiktiraf apabila diterima.

x. Geran Kerajaan

Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa hadapan yang tertentu seperti geran mengurus diukur pada nilai saksama aset yang diterima dan

diiktiraf dalam pendapatan apabila geran akan diterima.

Geran Kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa hadapan yang tertentu seperti geran tertunda diiktiraf pada nilai saksama dalam pendapatan hanya apabila syarat-syarat prestasi telah dipenuhi. Geran tertunda merupakan peruntukan kewangan yang diterima daripada KWP dan Majlis Sukan Negara (MSN).

Geran Kerajaan diterima sebelum kriteria pengiktirafan hasil dipenuhi diiktiraf sebagai liabiliti.

xi. Manfaat pekerja

a. Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Upah, gaji dan imbuhan tahunan diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun di mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh pekerja.

b. Sumbangan Berkanun

Sumbangan berkanun diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun di mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh pekerja.

c. Manfaat Pekerja Jangka Panjang

Jenis manfaat pekerja jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran gantian cuti rehat untuk kakitangan tetap dengan andaian seseorang pekerja akan mengumpulkan cuti tahunannya sehingga mencapai maksima 150 hari semasa ianya bersara. Ganjaran ini adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan diguna pakai oleh MSWP.

xii. Penghutang dan Pelbagai Hutang

Penghutang telah dinyatakan pada nilai yang telah dijangka boleh direalisasikan. Peruntukan hutang ragu bagi penghutang kakitangan dibuat berdasarkan kepada status penghutang tidak aktif. Hutang lapuk dihapuskan setelah mendapat kelulusan daripada Mesyuarat Pengurusan Majlis.

xiii. Cukai Pendapatan

Cukai atas keuntungan atau kerugian pada tahun semasa merangkumi cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai pendapatan diiktiraf di dalam penyata pendapatan. Perbelanjaan cukai semasa adalah cukai yang dijangka akan dikenakan ke atas pendapatan tahun semasa, menggunakan kadar cukai yang dikanunkan atau dikanunkan secara substantif pada tarikh kunci kira-kira dan sebarang pelarasan ke atas cukai yang dijangka akan dikenakan berhubung dengan tahun-tahun lepas. Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti atas perbezaan

sementara yang timbul antara asas cukai dan nilai bawaan aset dan liabiliti dalam penyata kewangan.

Liabiliti cukai tertunda adalah diiktiraf untuk kesemua perbezaan sementara cukai terkecuali yang terhasil daripada muhibah atau muhibah negatif atau daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti di dalam transaksi yang mana pada masa transaksi tersebut, tidak akan meninggalkan kesan ke atas keuntungan perakaunan atau keuntungan bercukai.

Mengikut kuasa di bawah seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967 Menteri Kewangan telah bersetuju meluluskan pengecualian cukai pendapatan ke atas pendapatan MSWP di peringkat statutori mulai tahun taksiran 2006 sehingga tahun taksiran 2022.

## 7. INSTRUMEN KEWANGAN

i. Aset Kewangan

MSWP mengklasifikasikan aset kewangan dalam kategori pada nilai saksama melalui untung atau rugi dan kos pelunasan.

a. Pengkelasan dan Pengukuran

Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada kategori aset kewangan iaitu dalam aset kewangan yang diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, penghutang, simpanan tetap dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual, bergantung kepada bentuk dan tujuan aset kewangan dan ditentukan semasa pengiktirafan awal.

MSWP mengkategorikan aset kewangan seperti berikut:

Penghutang

Aset kewangan dengan pembayaran yang tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif dikelaskan sebagai penghutang.

Penghutang pada mulanya diiktiraf berdasarkan nilai saksama. Selepas pengiktirafan awal, penghutang diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif. Hasil dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila penghutang dinyah iktiraf atau mengalami rosot nilai, dan melalui proses pelunasan.

Penghutang diklasifikasikan sebagai aset semasa, kecuali bagi yang mempunyai tempoh matang selepas 12 bulan daripada tarikh pelaporan yang diklasifikasikan sebagai bukan semasa.

Pinjaman

Pinjaman adalah aset kewangan bukan derivatif dengan pembayaran secara tetap atau boleh ditentukan yang tiada dalam pasaran aktif. Jika jumlah kutipan dijangka dalam satu tahun atau kurang is dikelaskan sebagai aset semasa. Jika tidak, ia dibentangkan sebagai aset bukan semasa.

b. Rosot Nilai Aset Kewangan

MSWP menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan antara nilai bawaan aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif yang asal.

c. Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyah iktiraf apabila hak berkontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat atau ia memindahkan aset kewangan tanpa mengekalkan kawalan atau hampir kesemua risiko dan manfaat pemilikan aset kewangan itu kepada pihak lain. Apabila aset kewangan dinyah iktiraf secara keseluruhannya, perbezaan antara amaun bawaan dan jumlah manfaat diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul yang telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain diiktiraf dalam untung atau rugi.

ii. Liabiliti kewangan

MSWP mengklasifikasikan liabiliti kewangan dalam penyata kedudukan kewangan kepada peruntukan berkontrak instrumen kewangan tersebut.

a. Pengkelasan dan Pengukuran

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga untuk liabiliti kewangan yang tidak

diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada kategori liabiliti kewangan iaitu dalam liabiliti kewangan yang diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian dan pemiutang.

MSWP mengkategorikan liabiliti kewangan seperti berikut:

Pemiutang

Selepas pengiktirafan awal, pemiutang diukur daripada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila pemiutang dinyah iktiraf atau rosot nilai.

b. Penyahiktirafan Aset Kewangan

Liabiliti kewangan dinyah iktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat. Sebarang perbezaan antara amaun bawaan liabiliti kewangan yang dinyah iktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh pengiktirafan.

## MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

(Diwartakan pada 9 Mac 2006)

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021 (SAMBUNGAN)

### 8. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

| | Pengubah-suaian | Kenderaan | Peralatan Pejabat | Peralatan Gimnasium | Komputer | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| **KOS** | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2021 | 2,872,586 | 1,524,285 | 268,853 | 201,136 | 204,339 | 5,071,199 |
| Penambahan | - | - | 31,405 | 289,155 | - | 320,560 |
| Pelupusan | - | - | | | - | |
| Pada 31 Disember 2021 | 2,872,586 | 1,524,285 | 300,258 | 490,291 | 204,339 | 5,391,759 |
| **SUSUT NILAI TERKUMPUL** | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2021 | 2,872,583 | 1,175,804 | 214,527 | 42,296 | 167,583 | 4,472,793 |
| Susut Nilai Semasa | - | 70,876 | 16,211 | 49,889 | 9,393 | 146,369 |
| Pelupusan Tahun Semasa | - | - | - | - | - | - |
| Pada 31 Disember 2021 | 2,872,583 | 1,246,680 | 230,738 | 92,185 | 176,976 | 4,619,162 |
| **NILAI BAWAAN** | | | | | | |
| **Pada 31 Disember 2021** | **3** | **277,605** | **69,520** | **398,106** | **27,363** | **772,597** |
| Pada 31 Disember 2020 | 3 | 348,481 | 54,326 | 158,840 | 36,756 | 598,406 |

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021 (SAMBUNGAN)**

## 9. ASET TAK KETARA

| | 2021 | 2020 |
|---|---|---|
| | **RM** | RM |
| **Kos** | | |
| Pada 1 Januari | **504,263** | 498,363 |
| Penambahan | **68,547** | 5,900 |
| Pada 31 Disember | **572,810** | 504,263 |
| **Pelunasan Terkumpul** | | |
| Pada 1 Januari | **404,848** | 304,781 |
| Pelunasan Semasa | **87,317** | 100,067 |
| Pada 31 Disember | **492,165** | 404,848 |
| **Nilai Bawaan** | **80,645** | 99,415 |

## 10. SIMPANAN TETAP

| | 2021 | 2020 |
|---|---|---|
| | **RM** | RM |
| Bank Rakyat - F1373817 – Matang 9/3/2021 | **-** | 1,500,000 |
| Bank Rakyat - 33-00643679-0006 – Matang 13/10/2021 | **-** | 3,000,000 |
| Bank Rakyat - 33-00643679-0007 – Matang 15/10/2021 | **-** | 1,000,000 |
| Bank Rakyat - 33-00643679-0008 – Matang 15/10/2021 | **-** | 5,000,000 |
| Bank Rakyat - 33-00643679-0009 – Matang 27/04/2021 | **-** | 2,000,000 |
| Bank Rakyat - 33-00643679-0010 – Matang 24/11/2021 | **-** | 2,500,000 |
| KFH – 001112390187 – Matang 09/03/2022 | **3,000,000** | - |
| KFH – 001112393224 – Matang 28/04/2022 | **2,000,000** | - |
| KFH – 001112405125 – Matang 21/07/2022 | **9,000,000** | - |
| Bank Rakyat - 33-00643679-0011 – Matang 24/11/2022 | **2,500,000** | - |
| Bank Rakyat - 33-00643679-0012 – Matang 31/03/2022 | **3,000,000** | - |
| | **19,500,000** | 15,000,000 |

Faedah diterima :

| | 2021 | 2020 |
|---|---|---|
| | **RM** | RM |
| Bank Rakyat – F1246221 – Matang 11/3/2020 | **-** | 42,384 |
| Bank Rakyat – F0629119 – Matang 14/8/2020 | **-** | 988,582 |

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021 (SAMBUNGAN)

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Bank Rakyat – F1354167 – Matang 16/11/2020 | - | 26,397 |
| KFH (M) Bhd – 001110010470 – Matang 11/9/2020 | - | 115,816 |
| Bank Rakyat – F1276038 – Matang 13/04/2020 | - | 12,658 |
| Bank Rakyat – F1282959 – Matang 13/05/2020 | - | 11,506 |
| Bank Rakyat – F1289690 – Matang 15/06/2020 | - | 10,397 |
| Bank Rakyat – F1298821 – Matang 15/07/2020 | - | 9,041 |
| Bank Rakyat – F1329608 – Matang 15/10/2020 | - | 25,836 |
| Bank Rakyat – F1285391 – Matang 26/05/2020 | - | 4,910 |
| Bank Rakyat – F1293035 – Matang 26/06/2020 | - | 3,907 |
| Bank Rakyat – F1310121 – Matang 27/07/2020 | - | 3,737 |
| Bank Rakyat – F1338837 – Matang 27/10/2020 | - | 10,334 |
| Bank Rakyat – F1298874 – Matang 15/07/2020 | - | 1,808 |
| Bank Rakyat – F1329609 – Matang 15/10/2020 | - | 5,167 |
| Bank Rakyat – F1373817 – Matang 09/03/2021 | **14,877** | - |
| Bank Rakyat – 33-00643679-0009 – Matang 27/04/2021 | **19,945** | - |
| Bank Rakyat – 33-00643679-0006 – Matang 13/10/2021 | **63,000** | - |
| Bank Rakyat – 33-00643679-0007 – Matang 15/10/2021 | **21,000** | - |
| Bank Rakyat – 33-00643679-0008 – Matang 15/10/2021 | **105,000** | - |
| Bank Rakyat – 33-00643679-0010 – Matang 24/11/2021 | **52,500** | - |
| | **276,322** | 1,272,480 |

## 11. WANG TUNAI DAN BAKI DI BANK

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Panjar Wang Runcit | **3,000** | 2,743 |
| Affin Bank(Akaun 1) | **601,541** | 2,011,563 |
| Affin Bank(Akaun 2) | **437,149** | 432,801 |
| | **1,041,690** | 2,447,107 |

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021 (SAMBUNGAN)

### 12. PELBAGAI PENGHUTANG DAN DEPOSIT

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Deposit Sewaan | **8,190** | 8,190 |
| | **8,190** | 8,190 |

### 13. AKRUAN FAEDAH SIMPANAN TETAP

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| No Sijil - F1373817 | **-** | 9,370 |
| No Sijil - 33-00643679-0006 | **-** | 13,808 |
| No Sijil - 33-00643679-0007 | **-** | 4,488 |
| No Sijil - 33-00643679-0008 | **-** | 22,438 |
| No Sijil - 33-00643679-0009 | **-** | 7,233 |
| No Sijil - 33-00643679-0010 | **-** | 5,466 |
| No Sijil – 001112390187 | **58,784** | - |
| No Sijil – 001112393224 | **31,934** | - |
| No Sijil – 001112405125 | **39,945** | - |
| No Sijil - 33-00643679-0011 | **5,986** | - |
| No Sijil - 33-00643679-0012 | **161** | - |
| | **136,810** | **62,803** |

### 14. PINJAMAN KOMPUTER

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| **Aset Semasa** | | |
| Pinjaman Komputer – 12 bulan | **4,375** | - |
| | **-** | - |
| **Aset Bukan Semasa** | | |
| Pinjaman Komputer – lebih 12 bulan | **12,031** | - |
| Baki 31 Disember | **16,406** | - |

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021 (SAMBUNGAN)**

## 15. GANJARAN PEKERJA

| | 2021 | 2020 |
|---|---|---|
| | **RM** | RM |
| Baki 1 Januari | **185,622** | 182,692 |
| Pelarasan Tahun Lepas | **1,623** | (10,126) |
| Peruntukan Tahun Semasa – Jangka Panjang | **14,363** | 13,056 |
| | **201,609** | 185,622 |
| | | |
| Baki 1 Januari | **16,326** | 13,750 |
| Peruntukan Tahun Semasa – Jangka Pendek | **16,654** | 16,326 |
| Bayaran GCR Tahun Semasa | **(19,545)** | (17,972) |
| Kurangan Peruntukan Tahun Lepas | **3,219** | 4,222 |
| | **218,263** | 201,948 |
| Baki 31 Disember | **16,654** | 16,326 |

## 16. PELBAGAI AKRUAN

| | 2021 | 2020 |
|---|---|---|
| | **RM** | RM |
| Elaun Lebih Masa dan Tuntutan Perjalanan | **23,471** | 8,103 |
| Pelbagai Elaun/Belanja | **129,295** | 290,670 |
| | **152,766** | 298,773 |

## MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

(Diwartakan pada 9 Mac 2006)

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021 (SAMBUNGAN

### 17. GERAN TERTUNDA

| | 2021 | 2020 |
|---|---|---|
| | **RM** | RM |
| Baki pada 1 Januari | - | 478,994 |
| **Terimaan Peruntukan :** | | |
| Program Hari Wilayah | - | 155,000 |
| Program Pembangunan Komuniti - YBM | - | 2,000,000 |
| Sambutan Hari Wilayah JLN 2020 | - | 45,600 |
| Bakat Sukan Wilayah | - | 145,926 |
| Norma Baharu | - | 50,000 |
| Peruntukan Khas YBM | **2,500,000** | - |
| Geran MSN (Bakat Sukan Wilayah) | **525,163** | - |
| **Jumlah Terimaan** | **3,025,163** | 2,875,520 |
| **Tolak : Pelunasan Geran Tertunda** | | |
| Program Hari Wilayah | - | 155,000 |
| Pembangunan Sukan High Performance Lab | - | 63,024 |
| Program Pembangunan Komuniti - YBM | - | 2,000,000 |
| Program Bandar Hijau WPJ 2019 | - | 65,970 |
| Program GSC dan Perolehan Bas Coaster | - | 350,000 |
| Sambutan Hari Wilayah JLN 2020 | - | 45,600 |
| Bakat Sukan Wilayah | - | 145,926 |
| Norma Baharu | - | 50,000 |
| Peruntukan Khas YBM | **2,259,003** | - |
| Geran MSN (Bakat Sukan Wilayah) | **444,033** | - |
| **Jumlah Pelunasan** | **2,703,036** | (2,875,520) |
| **Baki Pada 31 Disember** | **322,127** | - |

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021 (SAMBUNGAN)

### 18. PERUNTUKAN DARIPADA KERAJAAN

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Geran Mengurus | **10,895,900** | 10,281,705 |
| Pelunasan Geran Tertunda | **-** | 478,994 |
| Peruntukan Tambahan Program | **2,259,003** | 2,250,600 |
| Peruntukan Bakat Sukan Wilayah | **444,033** | 145,926 |
| | **13,598,936** | 13,157,225 |

### 19. SUMBANGAN DAN TERIMAAN LAIN

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Pendapatan Pelbagai | **41,118** | 71,904 |
| Keuntungan Atas Jualan Harta | **-** | 2 |
| | **41,118** | 71,906 |

### 20. UPAH, GAJI DAN MANFAAT PEKERJA

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Gaji dan Upahan | **997,703** | **973,472** |
| Elaun Tetap | **300,420** | **296,400** |
| Elaun Lebih Masa Kakitangan Awam | **36,860** | **38,315** |
| Faedah Kewangan Kakitangan Awam | **35,747** | **30,050** |
| Sumbangan Berkanun | **173,700** | **165,809** |
| Ganjaran | **15,987** | **2,930** |
| | **1,560,417** | **1,506,976** |

## 21. PERBELANJAAN LAIN

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Caj Bank | **110** | 183 |
| | **110** | 183 |

## 22. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, memberi arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti samaada secara langsung atau tidak langsung, termasuk mana-mana anggota berkenaan. Ganjaran untuk pengerusi dan lain-lain ahli penting pihak pengurusan adalah seperti berikut:

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Jumlah Ganjaran | **22,500** | 18,500 |
| Jumlah Kakitangan | **21** | 21 |

## 23. JUMLAH KAKITANGAN

Jumlah kakitangan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan pada akhir tahun kewangan 2021 adalah seramai 45 orang di mana seramai 26 orang adalah kakitangan tetap dan selebihnya adalah kakitangan kontrak (2020 : 46 orang).

## 24. KESAN PERALIHAN

Tiada peralihan di dalam perakaunan MSWP daripada MPERS kepada MPSAS.



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN**
Aras 2, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2,
62100 Putrajaya
: 03-8892 6600
: 03-8892 6616

ISSN 2948-5371
9772948537009